

# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2012

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang  
Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI ISNIN : 25 JUN 2012**



## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO.  
8,11 HINGGA 103 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUND ANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**NO. SOALAN: 1**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]**

**TARIKH 25 JUN 2012**

**SOALAN**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah tahap kemajuan pembinaan Unit Rawatan Kebakaran di Hospital Bintulu yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Rawatan Kebakaran di Hospital Bintulu merupakan salah satu projek yang telah diluluskan dalam *Second Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Ke-10. Projek ini mula dicadangkan pada bulan November 2010 sebagai langkah proaktif Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menangani dan menyediakan rawatan bagi kes kebakaran memandangkan terdapatnya industri petroleum dan gas di Bintulu yang berisiko tinggi.

Skop projek ini meliputi penyediaan kemudahan-kemudahan seperti *bums baths (3 unit)*, bilik rawatan, bilik pegawai, katil untuk pesakit termasuk untuk rawatan rapi dan isolasi (10 unit), kemudahan penginapan untuk penjaga, kemudahan rehabilitasi dan ruang menyimpan peralatan.

Konsultan bagi projek ini telah dilantik pada bulan Disember 2011 dan kerja rekabentuk bermula pada bulan Januari 2012 dan siap pada bulan Mei 2012. Dokumen tender telah siap disediakan dan perlu dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) Seksyen Pengurusan Nilai untuk kelulusan dan dijangka tender dapat diiklankan pada bulan September 2012. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan dapat dimulakan pada bulan Januari 2013 dengan tempoh pembinaan selama 15 bulan.

**SOALAN NO. 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI**

**KAMARUDDIN [AMPANG]**

**TARIKH 25 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN**

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan baru jangka pendek dan jangka panjang pembangunan wanita dan keluarga setelah Kementerian ini diterajui oleh YAB Perdana Menteri sendiri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN NO. 86**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARI PAD A YB TUAN AZAN BIN ISMAIL**

**[INDERA MAHKOTA]**

**TARIKH 27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan apakah masalah serta cabaran yang dihadapi setelah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diletakkan di bawah jagaan Perdana Menteri dan apakah rancangan istimewa yang bakal dilaksanakan sebagaimana yang disebut dan dijanjikan kelainannya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Indera Mahkota pada 27 Jun 2012 kerana pertanyaan ini menyentuh perkara yang berkaitan.

Cabaran dunia digital dan modenisasi yang melanda masyarakat telah membawa impak yang besar kepada dimensi sosial, ekonomi, budaya dan kehidupan masyarakat. Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memberi tumpuan khusus dalam menangani masalah dan cabaran masa kini dan masa akan datang.

Selaku peneraju Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya meletakkan harapan yang tinggi bagi menentukan perjuangan untuk pembangunan sosial seharusnya seiring dan sejalan dengan pembangunan ekonomi dalam usaha kita mendapat pengiktirafan dan status sebagai negara maju yang holistik menjelang tahun 2020. Bagi merealisasikan hasrat ini, tumpuan dan komitmen

Kementerian melibatkan semua kumpulan sasar dalam setiap perancangan dan pelaksanaan program sama ada dilaksanakan oleh Kementerian sendiri mahu pun menerusi agensi-agensinya.

Tuan Yang di-Pertua,

**Program Pengarah Wanita**

Susulan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan Dasar Sekurang-Kurangnya 30% Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat, Kerajaan sedang memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai Ahli Lembaga Pengarah di syarikat awam tersenarai (PLC).

Dalam hal ini, Kementerian telah melaksanakan inisiatif Program Pengarah Wanita atau dengan izin, *Women Directors' Programme* (WDP). Program ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran kritikal wanita dalam melaksanakan peranan sebagai Ahli Lembaga Pengarah menerusi kaedah latihan yang berstruktur, mengambil kira kemahiran teknikal dan *soft skills*. Adalah disasarkan seramai 200 orang pengarah wanita akan

dilatih menjelang bulan Disember 2012. Setakat ini seramai 20 orang pengarah wanita yang berkaliber telah dilatih pada bulan Februari dan siri selanjutnya akan diadakan pada bulan Julai 2012.

Selain itu, satu daftar (*registry*) Ahli Lembaga Pengarah Wanita juga telah mula beroperasi pada bulan April 2012 sebagai sumber calon wanita korporat yang kompeten dan sesuai dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

#### **Pangkalan Data Wanita Profesional Yang Berhasrat Kembali Bekerja**

Di samping itu, Kementerian dan *TalentCorp* sedang mengadakan program bagi mengenal pasti peluang pekerjaan yang sesuai kepada wanita profesional, antaranya membangunkan *micro-site* bagi mewujudkan pangkalan data wanita profesional yang berhasrat kembali bekerja untuk dipadankan dengan syarikat-syarikat yang mempunyai insentif dan kemudahan sokongan, dengan izin, *flexible working arrangement* (FWA). *Micro-site* ini akan dilancarkan pada bulan Julai 2012. Selain itu, insentif potongan cukai berganda akan diberikan ke atas perbelanjaan latihan oleh syarikat-syarikat terbabit mulai tahun taksiran 2013.  
Tuan Yang di-Pertua,

### **Pengukuhan Institusi Keluarga: Gerakan 1 Malaysia *Family First***

Pepatah Melayu ada mengatakan “mana sungai tiada berhulu” di mana institusi keluarga menjadi asas kehidupan semua manusia di muka bumi. Menyedari hakikat ini, Kementerian amat menitikberatkan pengukuhan institusi keluarga kerana ia merupakan kunci kepada kejayaan sesebuah negara. Selaras dengan pelaksanaan **Dasar Keluarga Negara (DKN)**, kerajaan telah melancarkan **Gerakan 1 Malaysia *Family First*** di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) pada 17 Jun 2012. Sehubungan ini mulai tahun 2012, bulan November akan diisytiharkan sebagai **Bulan Keluarga Kebangsaan 1 Malaysia** untuk memberi keutamaan kepada perspektif keluarga dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Bagi syarikat swasta yang menganjurkan Hari Keluarga untuk pekerja-pekerja mereka, **rebat atau potongan 100%** dibenarkan bagi semua perbelanjaan keraian.

### **Program 1AZAM**

Susulan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, program 1AZAM telah dilaksanakan.

Program ini menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan.

Suka saya nyatakan di sini bahawa bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 30 April 2012, Program 1AZAM di bawah penyelarasan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama 5 agensi pelaksana, iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Manusia, Kerajaan Negeri Sabah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Amanah Ikhtiar Malaysia, telah menampakkan keberkesanannya dengan penyertaan sejumlah 80,597 orang peserta khususnya daripada senarai eKashih dan penerima bantuan JKM, meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Menjelang penghujung tahun 2012, penyertaan program 1AZAM ini dijangka mencapai sasaran 100,000 orang peserta.

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak syak lagi, tanggungjawab memimpin Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membolehkan saya melaksanakan lebih banyak inisiatif yang dapat memberikan faedah terus kepada golongan yang memerlukan di peringkat akar umbi.

Dalam hal ini, saya berharap agensi-agensi kerajaan yang lain serta pihak berkepentingan seperti pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, ahli akademik dan anggota masyarakat dapat berganding bahu bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan sosial rakyat Malaysia keseluruhannya.

**SOALAN NO. .3**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA ,  
PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA  
BELAS (2012)**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED  
(SIKIJANG)**

**TARIKH 25 JUN 2012( ISNIN)**

**SOALAN:**

Datuk Haji Baharum bin Mohamed (Sekijang) minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana pensijilan Halal Malaysia dapat diterima di peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN :** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' JAMIL KHIR BAHAROM (B), MENTERI DIJABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysua (JAKIM) telah memulakan pensijilan halal luar negara pada bulan November tahun 2009. Sehingga kini ( Mei 2012 ), sebanyak 71 permohonan telah diberikan sijil halal merangkumi pelbagai kategori seperti makanan, produk kegunaan Islam dan kosmetik bagi permohonan luar negara dengan menggunakan logo halal Malaysia.

Produk-produk diatas, bukan sahaja memiliki sijil halal dari badan-badan pensijilan halal luar negara, bahkan mengambil inisiatif dengan memohon sijil halal Malaysia.

Di samping itu, suka saya maklumkan , buat masa sekarang JAKIM telah mengiktiraf sebanyak 57 Badan Islam Luar Negara yang berperanan sebagai badan yang mengeluarkan sijil halal di negara terbabit. Negara-negara berkenaan boleh disemak melalui sesawang dengan menggunakan portal rasmi halal, JAKIM , [www.halal.gov.mv](http://www.halal.gov.mv).

Pada masa yang sama, perkara yang membanggakan ialah Malaysia telah menjadi sumber rujukan kepada negara-negara seperti Mesir, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Brazil dalam menentukan standard halal negara mereka.

Sekian terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARI PADA

LISAN DATUK ERIC ENCHIN  
MAJIMBUN [ SEPANGGAR]  
25 JUN 2012

TARIKH

NO. SOALAN

4

Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kakitangan mengikut jawatan di semua jabatan persekutuan di Sabah dan Sarawak yang disandang oleh rakyat tempatan kedua-dua negeri ini.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 11 Jun 2012, jumlah pengisian di jabatan persekutuan (tidak termasuk tentera dan polis) di Sabah ialah 62,837. Daripada jumlah tersebut 50,932 atau 81 peratus adalah anak negeri Sabah.

Bagi Negeri Sarawak, jumlah pengisian di jabatan persekutuan ialah 64,860. Daripada jumlah tersebut, 55,870 atau 86 peratus adalah anak negeri Sarawak.

Maklumat pengisian mengikut gred jawatan adalah seperti berikut:

KUMPULAN PERKHIDMATAN	SABAH	SARAWAK
Pengurusan Tertinggi	8 dari 24 (33%)	11 dari 22 (50%)
Pengurusan Dan Profesional	10,816 dari 16858 (64%)	10,534 dari 15060 (70%)
Pelaksana	40,108 dari 45955 (87%)	45,325 dari 49778 (91%)

**Soalan No:**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN MOHD NIZAR BIN**

**ZAKARIA (PARIT)**

**TARIKH**

**25 JUN 2012**

**SOALAN**

**: t**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**  
menyatakan:

- (a) apakah bantuan-bantuan ekonomi yang telah disediakan setakat ini oleh Kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli terutama di Perak Tengah; dan
- (b) sehingga kini, nyatakan projek pembangunan ladang yang diusahakan atau dibangunkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit serta berapa keluasan hektar telah diusahakan di seluruh Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan pelbagai bantuan projek ekonomi kepada Masyarakat Orang Asli di bawah Program Pembangunan Ekonomi Negeri sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) sehingga kini.

Sehingga kini, JAKOA telah membangunkan lima (5) buah projek tanaman sawit secara komersial seluas 313.17 hektar di Perak Tengah yang diusahakan oleh RISDA. Selain itu, bantuan ekonomi lain seperti projek tanaman pisang,

sayuran, ternakan kambing, ikan puyu dan bangunan premis perniagaan dengan peruntukan sebanyak RM3.76 juta yang melibatkan seramai 234 Ketua Isi Rumah Orang Asli turut diberikan.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini RISDA dan FELCRA Berhad telah membangunkan kawasan seluas 282,966.54 hektar di seluruh Semenanjung Malaysia yang merangkumi 122,851.22 dengan tanaman getah dan 160,115.32 dengan tanaman sawit.

Daripada jumlah ini, seluas 25,710.39 hektar telah dibangunkan untuk JAKOA iaitu seluas 17,894.39 hektar oleh RISDA dan 7,816 hektar oleh FELCRA Berhad.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL

[ SUNGAI PETANI]

TARIKH 25 JUN 2012

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta Perdana Menteri

**SOALAN NO.6**

menyatakan:

- a. apakah usaha-usaha yang telah dilakukan bagi menyelesaikan masalah perkhidmatan bas henti-henti di Sungai Petani yang ditamatkan perkhidmatan kerana kononnya rugi oleh pengusaha bas; dan
- b. adakah Kerajaan bercadang supaya memberikan peluang kepada pemandu-pemandu atau orang perseorangan kendalikan bas-bas ini secara persendirian seperti di benarkan kepada teksi-teksi.

JAWAPAN: I  
YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada Disember 2011, Kerajaan telah meluluskan bantuan dana sementara bas henti-henti sebanyak RM 400 juta. Tujuan utama dana sementara berbentuk geran pemberian tersebut adalah untuk membantu

## **SOALAN NO.6**

syarikat pengendali bas henti-henti di seluruh negeri yang mengalami kerugian didalam usaha memberi perkhidmatan bas henti-henti kepada Rakyat. Sehingga kini 83 syarikat telah memohon, 68 syarikat dilulus dengan geran sebanyak 16.56 juta ringgit.

Untuk negeri Kedah setakat ini, sebanyak lima (5) pengusaha bas henti-henti yang memohon bantuan dana tersebut dan kelima-lima pengusaha tersebut telah layak mendapat bantuan dana. Senarai lima (5) pengendali bas henti-henti tersebut adalah seperti berikut dimana dua antaranya adalah syarikat-syarikat yang beroperasi di Sungai Petani:

1. Kenderaan Langkasuka Sdn Bhd (Sungai Petani)
2. Kulim Baling Road Transport Co. Sdn Bhd (Sungai Petani)
3. Kuala Kedah Transport Co. Sdn Bhd
4. The Jalan Langgar Transport Company Berhad
5. Transwind Transport Sdn Bhd

SPAD mengambil berat tentang kepentingan menyediakan perkhidmatan bas yang berkualiti tinggi kepada orang ramai di bandar maupun di luar bandar. Dasar semasa SPAD menetapkan hanya syarikat sendirian berhad dan juga koperasi dibenarkan untuk memohon lesen dalam menjalankan sesuatu perkhidmatan bas. Ini adalah kerana mengambilkira proses-proses penguatkuasaan dan pemantauan terhadap perkhidmatan bas dapat dijalankan dengan lebih mudah dan lancar sekiranya perkhidmatan ini diuruskan oleh syarikat jika dibandingkan sekiranya ianya berada di bawah pengurusan individu.

Seperkara lagi ialah untuk memastikan pengusaha boleh untung

**SOALAN NO.6**

dengan mengawal persaingan jika dikendalikan secara persendirian. . Alangkan syarikat besar pun mengalami kerugian di laluan sosial, khuatir jika dibuka secara luas, tiada siapa yang untung dalam industri perkhidmatan ini bagi menjamin kualiti dan keselamatan pengguna.

Maklumat tambahan, jumlah pengendali yang telah menerima dana mengikut negeri; Johor (15), Kedah (5), Kelantan (1), Melaka (1), Negeri Sembilan (5), Pahang (3), Perak (14), Pulau Pinang (1), Sabah (4), Sarawak (7) Selangor/Wilayah Persekutuan (9) dan Terengganu (3).

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.: 7**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    YB. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL**

**KAWASAN                    LABUAN**

**TARIKH                    25 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**YB. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL (LABUAN) minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan:**

- (a) langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kesesakan jalan raya di Labuan; dan
- (b) adakah terdapat perancangan membina jalan barn (*coastal road*) untuk masuk ke bandar Labuan sekali gus menyelesaikan masalah kesesakan sedia ada.

**] A WAP AN:**

**[a SC b]**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan lalu lintas di Wilayah Persekutuan Labuan adalah tertumpu di kawasan pusat bandar Labuan, khususnya pada waktu puncak dan hari minggu.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan antara lain telah menggariskan beberapa tindakan jangka pendek dan jangka panjang. Antara cadangan jangka pendek untuk mengurangkan masalah kesesakan tersebut ialah menerusi kajian semula sistem pengurusan aliran trafik di pusat bandar Labuan, seperti pelarasan semula tempoh masa lampu isyarat dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat terhadap kenderaan yang melanggar peraturan seperti meletakkan kenderaan di tepi jalan. Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dengan agensi-agensi yang berkaitan,

iaitu Perbadanan Labuan (PL), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak polis untuk mencari kaedah terbaik bagi mengurangkan masalah kesesakan tersebut.

Untuk tempoh jangka panjang pula, Kementerian Kerja Raya menerusi Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuh Raya (HNDP), Fasa 2 telah mengenal pasti keperluan untuk membina jalan-jalan barn dan menaik taraf persimpangan-persimpangan utama di Labuan. Antara cadangan projek utama dalam tempoh RMKeO ini ialah membina jalan Persisiran Pantai Labuan, iaitu dari Tanjung Aru ke Kampung Nagalang sepanjang 5 kilometer, dan Jalan Pantai Lubok ke Tanjung Aru sepanjang 2.5 kilometer. Kedua-dua projek ini telah dipohon untuk dilaksanakan dalam tempoh *Rolling Plan ke-J, RMKe-10 (2013 - 2014)*.

Sekian. Terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**LISAN**

**DARIPADA**

**KAWASAN**

**TARIKH NO.**

**SOALAN  
PERTANYAAN**

**Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA**

**PARIT BUNTAR**

**25 JUN 2012 (ISNIN)**

**8**

**SOALAN:**

**Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR)**  
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN  
**INDUSTRI** menyatakan apakah jenis-jenis permit import (AP)  
yang dikeluarkan serta berapakah hasil pendapatan negara  
dalam pengeluaran permit-permit import ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

**DEFINISI AP**

AP ialah ringkasan daripada perkataan “Approved Permit” atau Permit. Permit ini dikeluarkan untuk menqimport dan menekspor barang-barangan yang dikawal di bawah Akta Kastam 1967.

**Dasar pengeluaran AP telah diperkenalkan bertujuan:**

- memenuhi obliqasi negara dalam perjanjian antarabangsa;
- bagi penquatkuasaan standard;
- memastikan bekalan tempatan mencukupi;
- menjamin keselamatan negara;
- memberi perlindungan kepada industri tempatan; dan
- sebagai mekanisme pemantauan dan pengumpulan data.

**JENIS AP**

Sebelum tahun 2011, terdapat 5.323 barisan tarif yang

dikeluarkan oleh 10 Kementerian yang dikenakan AP. Pada bulan Januari 2011, Kajian Semula Dasar Pengeluaran Lesen Import dan Eksport telah dilaksanakan dan bilangan barisan tariff yang dikenakan AP telah dikurangkan kepada **2.783 barisan tarif**. Kajian dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing industri tempatan dan selaras dengan dasar liberalisasi pasaran global dan komitmen Malaysia dibawah Perjanjian Perdagangan Bebas Dua hala dan pelbagai Hala. Pada masa ini, pengeluaran Lesen Import dan Eksport ditadbir oleh 9 Kementerian yang melibatkan barisan tarif seperti berikut:

- **1.064** barisan tarif dikenakan syarat **Lesen Import: dan**
- **1.719** barisan tarif dikenakan syarat **Lesen Eksport.**

**Butiran lengkap seperti berikut:**

BIL	KEMENTERIAN	LESEN	
		IMPORT	EKSPORT
1	Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi (KPPK)	120	1,256
2	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	576	56
3	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)	248	200
4	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	90	21
5	Kementerian Kesihatan (MOH)	22	30
6	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)		2
7	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	8	
8	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)	-	152
9	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)		2
	JUMLAH	1,064	1,719

**Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Lesen Import**

**(AP) vang dikeluarkan oleh MITI adalah terdiri daripada:**

- besi dan keluli seperti produk kepingan/qulungan,  
produk paip dan tiub serta produk panianq bagi

**penguatkuasaan standard yang ditetapkan dan sebagai mekanisma pemantauan dan pengumpulan data;**

- **barang mesin dan ientera berat seperti kren dan ientoiak bagi menggalakkan perkembangan industri tempatan;**
- **barang keperluan seperti guia, susu dan tepung gandum bagi memastikan bekalan tempatan mencukupi dan mengawal harga serta lebihan tempatan;**
- **barang bahan kimia berbahaya di bawah Chemical Weapon Convention (CWC) bagi memenuhi obligasi negara terhadap perjanjian-perjanjian antarabangsa;**
- **barang lain seperti topi keselamatan. tavar terpakai dan sisa plastik bagi menjamin keselamatan dan meniaga kualiti alam sekitar: dan**

- barangan automotif seperti kereta dan motosikal bagi menggalakkan perkembangan industri tempatan.

### **AP KENDERAAN**

Kerajaan telah mengenakan AP bagi semua jenis kenderaan selaras dengan Dasar Automotif Negara. Dasar pemberian Lesen Import (AP) Terbuka yang diperkenalkan pada tahun 1970 adalah untuk menggalakkan usahawan Bumiputera berqiat dalam sektor automotif. Kerajaan juga telah memperkenalkan AP Francais pada tahun 1997 bagi memenuhi komitmen pembukaan pasaran automotif.

Pada masa ini, hanya AP kereta yang dikeluarkan kepada svarikat-svarikat pemegang AP Terbuka dikenakan bavaran fi sebanyak RM10,000 bagi setiap AP mulai 1 Januari 2010.

Sehingga 31 Mei 2012. jumlah terkumpul hasil kutipan fi AP Terbuka adalah sebanyak RM625.150.000 seperti pecahan berikut:

**Tahun 2010 - RM284,560,000**

- **Tahun 2011 - RM204,075,000**

**Tahun 2012 - RM136,515,000 (sehingga 31 Mei 2012)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN                            LISA  
    N

DARIPADA                            YB. TUAN LIANG TECK  
    MENG [SIMPANG  
    RENGGAM]

TARIKH                                25.06.2012  
JAWAPAN DI                            (ISNIN)  
DEWAN RAKYAT                        NO.  
    9  
SOALAN

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR  
menyatakan rancangan dan inisiatif menggunakan teknologi hijau  
untuk mewujudkan persekitaran yang mesra alam.

## **JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Semenjak penubuhan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada tahun 2009, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan dan peluasan aplikasi teknologi hijau untuk mewujudkan persekitaran yang mesra alam. Antara inisiatif utama adalah pembangunan Dokumen Kerangka Bandar Rendah Karbon (*Low Carbon Cities Framework and Assessment System - LCCF*), dengan izin, yang menyediakan garis panduan kepada pihak-pihak berkepentingan seperti pihak berkuasa tempatan dan pemaju perumahan dalam membangunkan perbandaran rendah karbon melalui strategi pengurangan pembebasan karbon. Pemakaian LCCF dijangka mampu membudayakan amalan hijau dalam masyarakat selain mencipta pelbagai peluang perniagaan baru bagi menjana pelaburan asing ke dalam negara.
2. Pelan Induk Kecekapan Tenaga Negara yang mengandungi Dasar Kecekapan Tenaga dan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga juga sedang dibangunkan bagi meningkatkan

pengurusan sumber tenaga dengan lebih cekap dan mapan. Pelan induk tersebut melibatkan pendekatan menyeluruh mengenai kecekapan tenaga di negara ini yang melibatkan lain-lain sektor industri, bangunan dan pengguna awam.

3. Saya ingin memaklumkan juga bahawa Kementerian saya telah melaksanakan Projek *Malaysian Industrial Energy Efficiency Improvement Project* (MIEEP) pada tahun 2000 bagi meningkatkan kecekapan tenaga dalam sektor industri, komersil dan bangunan. Aktiviti Audit Tenaga juga telah dijalankan di bangunan-bangunan Kerajaan tertentu untuk menilai tahap penggunaan tenaga di bangunan Kerajaan di mana hasil daripada audit tenaga ini Kerajaan boleh mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan tenaga (*Energy Efficiency - EE*) di bangunan-bangunan miliknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Dalam bidang pengangkutan, Kementerian ini dengan penglibatan pelbagai pihak, sedang berusaha ke arah pelaksanaan dan penggunaan kenderaan elektrik (*electric*

*vehicles* - EV), dengan izin di Malaysia. Pada masa ini, Kerajaan telah membangunkan Roadmap Infrastruktur Kenderaan Elektrik. Fasa Pertama roadmap tersebut memfokuskan kepada pembangunan infrastruktur EV di sekitar Putrajaya dan Cyberjaya. Program *Fleet Test Vehicle* (FTV), dengan izin, PROTON telah dilancarkan pada 14 September 2011 dan ia merupakan sebahagian daripada Fasa Kedua Roadmap Infrastruktur Kenderaan Elektrik.

5. Melalui Fasa Kedua, projek perintis EV dilaksanakan untuk memperkenalkan penggunaan EV kepada orang awam. Program FTV ini juga digunakan sebagai penandaarasan dalam membangunkan pelan strategik, kerangka kerja, mengenal pasti serta mengatasi isu berkaitannya bagi membolehkan industri dan orang awam mendapat manfaat daripada pelaksanaan program berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

6. Kerajaan turut menyediakan instrumen kewangan yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme*) atau GTFS kepada penggiat

industri dalam bidang teknologi hijau. *Malaysian Green Technology Corporation* (GreenTech Malaysia), sebuah agensi di bawah Kementerian saya telah diberi tanggungjawab sebagai agensi pelaksana kepada skim ini.

7. Kementerian saya juga telah membangunkan Direktori Hijau Malaysia bagi mengumpulkan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan tenaga pakar dalam bidang teknologi hijau di dalam satu pangkalan data, ia bertujuan untuk meningkatkan penyertaan sektor industri tempatan dalam penghasilan produk/perkhidmatan hijau serta meningkatkan kesedaran di kalangan pemain industri, penyedia perkhidmatan dan pengguna tentang penggunaan produk dan perkhidmatan hijau. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan pasaran produk dan perkhidmatan hijau di dalam dan luar negara.
8. Kementerian saya juga sedang bekerjasama dengan Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM), Construction Industry Development Board (CIDB), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)<sup>5</sup> dan GreenTech Malaysia untuk

membangunkan pelabelan hijau  
bagi produk tempatan untuk menggalakkan penawaran produk  
eko tempatan.

9. Terdapat juga inisiatif lain yang telah dilaksanakan seperti program SAVE yang menawarkan rebat untuk barang elektrik yang cekap tenaga.
10. *International GreenTech and Eco-Products Exhibition and Conference Malaysia* (IGEM) dengan izin, telah diadakan setiap tahun sejak 2010 untuk mewujudkan kesedaran antara pengguna dan pihak industri mengenai kepentingan aplikasi Teknologi Hijau dalam menangani isu-isu perubahan iklim dan alam sekitar yang lestari.
11. Satu lagi inisiatif ialah Akta Tenaga Boleh Baharu (TBB) 2011 yang telah diluluskan membolehkan penguatkuasaan *Feed-In Tariff* (FIT) dengan izin, kepada penjanaan TBB dan sasaran Kerajaan bagi penjanaan tenaga campuran.
12. Bagi mencapai matlamat rendah karbon, Kerajaan menggalakkan pembinaan bangunan bercirikan hijau

diwujudkan penarafan *Green Building Index* (GBI) dengan izin,  
6

dengan insentif-insentif tertentu sebagai galakan ke arah  
persekitaran kehidupan yang lebih mapan.

Kerajaan memang mengambil berat tentang isu-isu alam sekitar dan  
melaksanakan segala aktiviti berlandaskan aplikasi Teknologi Hijau  
ke arah pembangunan mapan untuk negara dan menjurus kepada  
peningkatan kualiti hidup untuk rakyat.

SOALAN NO: 10

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]
TARIKH	25 JUN 2012
SOALAN	Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jenis-jenis makanan asas tani utama yang diimport dan jumlah nilai import makanan asas tani 10 tahun kebelakangan ini. Apakah strategi dan langkah- langkah Kerajaan untuk memastikan negara kita akan mencapai tahap <i>self sufficient</i> dan memastikan <i>food security</i> terjamin di masa depan

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang Dipertua,

1. Jumlah import bahan makanan bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2002 - 2011 adalah sebanyak RM221.81 bilion. Jenis-jenis komoditi yang diimport kebanyakannya adalah komoditi yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara kerana kos pengeluaran yang tinggi dan faktor ketidaksesuaian iklim. Antara kumpulan-kumpulan komoditi makanan utama yang diimport adalah seperti berikut:

- i. kopi, koko, teh dan rempah terutamanya biji koko, kopi dan penggantinya serta cili kering;
- ii. keluaran dan sediaan makanan yang diproses terutamanya makanan bayi, makanan tambahan, rumusan susu bayi dan susu isian;
- iii. bahan makanan ternakan terutamanya hampas jagung, kacang soya dan gandum;
- iv. buah-buahan beriklim sederhana seperti epal, oren, limau mandarin, pir, dan anggur;

- v. sayur-sayuran seperti bawang, bawang putih, ubi kentang, kobis dan salad; serta
  - vi. bijirin dan sediaannya seperti beras, gandum dan meslin juga tepung gandum dan tepung meslin.
2. Pelbagai strategi dan langkah telah diambil oleh Kerajaan dalam memastikan jaminan bekalan makanan dalam negara (*food security*). Ini termasuklah pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara,. Selain daripada itu, tanah pertanian akan digunakan secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri.
  3. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pula ditumpukan kepada R&D bagi peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antaranya bidang tumpuan R&D adalah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau.
  4. Kementerian juga akan terus membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan.
  5. Selain usaha daripada pihak Kerajaan, inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara memerlukan penglibatan aktif pihak swasta. Bagi menggalakkan pihak swasta untuk terus melabur dalam pengeluaran makanan, insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru di cadang diperluaskan meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan Tekun dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

Soalan No : 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. TUAN DING KUONG HUNG [ SARIKEI ]
TARIKH	25 JUN 2012
SOALAN:	

Y.B. Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan rancangan dan status terkini menaiktaraf Institusi Penguruan Rejang kepada sebuah Kolej Universiti/Universiti Penguruan khasnya di negeri Sarawak berlokasi strategik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IPG Kampus Rajang adalah merupakan cawangan IPGM yang diwujudkan di bawah Akta Pendidikan 1996. Sehingga kini terdapat 26 cawangan IPGM di seluruh negara. Pada masa kini, Kementerian tiada perancangan untuk menaiktaraf IPG Kampus Rajang sebagai sebuah Kolej Universiti/Universiti Penguruan kerana status IPGM yang ada sekarang boleh mengadakan program pendidikan siswazah di peringkat Sarjana Muda.

**SOALAN NO. 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA            TUAN LOKE SIEW FOOK  
                          [RASAH]

TARIKH              25 JUN 2012

**SOALAN**

Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kutipan tambang keretapi ETS sejak mula beroperasi dan kos operasi setiap bulan serta mengapakah laluan ETS di antara Seremban dan Ipoh telah diberhentikan baru-baru ini yang menyusahkan penumpang-penumpang dari Seremban khasnya pelajar-pelajar UTAR di Kampar.

**SOALAN NO. 12**

**JAWAPAN:** YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perkhidmatan *Electric Train Set* (ETS) telah mula dilancarkan pada 12 Ogos 2010 dengan menawarkan 12 perkhidmatan sehari merangkumi sektor Kuala Lumpur Sentral - Ipoh sejauh 208 km dan Ipoh - Seremban sejauh 280 km. Bermula 14 Mei 2012, jumlah perkhidmatan ETS telah dikurangkan dari 14 kepada 12 perkhidmatan sehari berikutan dua set ETS telah dipinjamkan untuk operasi KTM Komuter di Lembah Klang bagi menampung ketidakcukupan set Electric Multiple Unit (EMU).

Sejak perkhidmatan ETS mula diperkenalkan pada 12 Ogos 2010, jumlah kutipan tambang yang terkumpul sehingga 30 April 2012 adalah sebanyak RM39.1 juta manakala kos operasi setiap bulan secara puratanya berjumlah RM3.5 juta.

Perkhidmatan ETS di antara Seremban ke Ipoh pergi dan balik ditamatkan berikutan kekurangan set tren untuk operasi sektor tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kekurangan ini ekoran daripada dua tren set dipinjamkan secara penuh kepada

## SOALAN NO. 12

perkhidmatan KTM Komuter bagi meningkatkan servis dan *punctuality* tren Komuter.

Namun begitu perkhidmatan ETS bagi sektor ini telah kembali beroperasi seperti biasa mulai 9 Jun 2012 ekoran dua set tren yang dipinjamkan kepada perkhidmatan KTM Komuter telah kembali dipulangkan kepada perkhidmatan ETS.

Sekian, terima kasih.  
**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Perkhidmatan *Electric Train Set* (ETS) telah mula dilancarkan pada 12 Ogos 2010 dengan menawarkan 12 perkhidmatan sehari merangkumi sektor Kuala Lumpur Sentral - Ipoh sejauh 208 km dan Ipoh - Seremban sejauh 280 km. Bermula 1 Mei 2011, jumlah perkhidmatan ETS telah ditambah dari 12 kepada 14 perkhidmatan sehari. Pada tarikh tersebut juga ETS telah memperkenalkan tiga (3) perkhidmatan baru iaitu Super Ekspress (*Platinum*), Ekspress (*Gold*) dan Transit (*Silver*). Namun, pada 14 Mei 2012, jumlah perkhidmatan ETS dikurangkan dari 14 kepada 12 berikutan penamatan servis bagi sektor Seremban ke Ipoh pergi dan balik. Walaubagaimanapun, struktur tambang dan jenis perkhidmatan ETS masih kekal sama.

Sejak perkhidmatan ETS mula diperkenalkan pada 12 Ogos 2010, jumlah kutipan tambang yang terkumpul sehingga 30 April 2012 adalah RM39,146,054. Berikut adalah jumlah kutipan tambang

## **SOALAN NO. 12**

mengikut tahun:

Tahun	Jumlah Kutipan Tambang
2010	6,368,232
2011	23,207,596
2012	9,570,226
<b>Jumlah</b>	<b>39,146,054</b>

Manakala kos operasi setiap bulan secara puratanya berjumlah RM3.5 juta yang terdiri daripada kos penyelenggaraan fleet, kos operari keretapi, kos penyelenggaraan infrastruktur dan kos kakitangan dan pentadbiran

Perkhidmatan ETS bagi sektor Seremban ke Ipoh pergi dan balik telah ditamatkan berikutan kekurangan set tren untuk larian sektor tersebut. Kekurangan ini ekoran daripada dua set tren dipinjamkan secara penuh kepada perkhidmatan KTM Komuter bagi meningkatkan servis dan *punctuality* tren Komuter.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak pengurusan KTMB pada masa ini menfokuskan peningkatan mutu perkhidmatan KTM Komuter bagi menampung jumlah permintaan yang tinggi daripada penumpang. Pinjaman secara penuh set tren ETS ini dapat membantu perkhidmatan KTM Komuter untuk beroperasi dengan lebih efisen bagi mencapai sasaran kadar kekerapan setiap 15 minit pada waktu puncak dan 30 minit pada waktu luar puncak. Walau bagaimanapun dua set tren ETS yang dipinjam ini akan

### **SOALAN NO. 12**

dipulangkan semula ke untuk perkhidmatan ETS setelah *punctuality* dan *availability* perkhidmatan Komuter bertambah baik.

Walau bagaimana pun para penumpang masih mempunyai pilihan untuk menggunakan perkhidmatan KTM Komuter dari stesen Sentral Kuala Lumpur ke Seremban atau sebaliknya yang menyediakan kekerapan perkhidmatan 15 dan 30 minit pada waktu puncak dan luar puncak.



SOALAN NO: 10

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	DATO PADUKA ABU BAKAR B. TAIB [LANGKAWI] 25
TARIKH	JUN 2012
SOALAN	Dato Paduka Abu Bakar B. Taib [Langkawi] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah perancangan yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan import makanan bagi sumber sayuran dan perikanan

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

1. Di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020, pengeluaran sayur-sayuran diunjur meningkat daripada 0.7 juta tan metrik (2010) kepada 1.7 juta tan metrik (2020). Pengeluaran sayur-sayuran akan dipertingkat melalui peningkatan produktiviti kawasan sedia ada dan peluasan kawasan melalui peningkatan intensiti tanaman, amalan pertanian baik dan kaedah moden seperti fertigasi, pertanian tepat dan rumah pelindung hujan.
  
2. Usaha sedang dibuat supaya pembukaan kawasan baru seluas 8 ribu hektar akan dilaksanakan. Pembangunan kawasan baru ini dibangunkan melalui Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Projek Tanah Terbiar dan Projek Kelompok. Kerajaan juga menggalakkan perladangan organik sayuran dan ladang swasta berskala komersial, menggalakkan tanaman integrasi sayur-sayuran dengan tanaman getah dan kelapa sawit di ladang RISDA, FELDA dan FELCRA serta membangunkan kawasan luar jelapang padi untuk tanaman sayur-sayuran.

3. Sehingga kini, Jabatan Pertanian telah melaksanakan sebanyak 62 Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di seluruh negara yang meliputi kawasan seluas 7,333 hektar dan membabitkan seramai 969 orang peserta. Pengeluaran yang dijana daripada projek TKPM dari 2006 sehingga tahun 2011 adalah sebanyak 210,000 metrik tan dengan nilai pengeluaran RM217.7 juta.

4. Selain itu, kaedah lepas tuai dan kemudahan logistik pemasaran ditambahbaik dengan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkenaan aspek pengendalian lepas tuai, pembungkusan dan penyimpanan sayur-sayuran bagi memastikan kualiti sayuran-sayuran terpelihara. Pematuhan kepada Peraturan Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan (3P) di bawah FAMA akan diperluas bagi memastikan jaminan kualiti terhadap sayur-sayuran tempatan dan import. Pemasaran sayur-sayuran secara ladang kontrak akan dipergiat dengan mengenal pasti syarikat peneraju dalam usaha untuk memastikan petani memperoleh harga premium dan pasaran terjamin.

5. Pengeluaran ikan marin juga akan ditingkatkan daripada 1.32 juta tan metrik (2010) kepada 1.76 juta tan metrik (2020). Industri perikanan tangkapan akan dibangunkan secara cekap dan mampan dengan tumpuan kepada mempergiatkan pengurusan sumber perikanan secara mampan melalui usaha pemuliharaan, penggunaan peralatan tangkapan ikan yang lebih mesra alam dan pengurusan sumber berdasarkan ekosistem.

6. Sebanyak 15 kawasan santuari di Semenanjung Malaysia akan diwujudkan bagi tujuan pemuliharaan spesies komersial bernilai tinggi yang diancam kepupusan seperti kelah dan terubuk. Infrastruktur pendaratan dan pemasaran ikan yang mencukupi dan lengkap seperti di Tok Bali, Kelantan dan Sandakan, Sabah akan disediakan bagi memudahkan pendaratan ikan dari laut.

7. Selain daripada meningkatkan perikanan marin, usaha juga dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran akuakultur daripada 350 ribu tan metrik (2010) kepada 790 ribu tan metrik (2020) melalui pembukaan kawasan seluas 12 ribu hektar, bekalan benih ikan dan udang yang konsisten dan berkualiti serta

SOALAN NO: 10

mempertingkat pengeluaran bahan makanan untuk industri akuakultur.



PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR
KAWASAN	TUMPAT
TARIKH	25.6.2012 (SELASA)
NO. SOALAN	14

DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR [Tumpat] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Iran pada tahun 2011 dan apakah kesan pemberhentian dagangan minyak dan gas terhadap jumlah nilai perdagangan sekarang.

Jawapan:

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Iran telah meningkat sebanyak 24.3% kepada RM4.98 bilion pada tahun 2011 berbanding RM4.01 bilion pada tahun 2010. Di kalangan negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Iran merupakan rakan dagangan Malaysia yang ke-7 terbesar.

Nilai eksport Malaysia ke Iran meningkat sebanyak 17.7 peratus kepada RM3.21 bilion dari RM2.73 bilion pada tahun 2010. Peningkatan ini telah disumbangkan oleh kenaikan 50.8 peratus dalam jumlah eksport minvak kelapa sawit, iaitu dari RM869.81 juta pada tahun 2010 kepada RM1.31 billion pada 2011. Produk-produk eksport utama ke Iran termasuklah getah mentah (RM379.32 juta), kimia dan bahan kimia (RM329.01 juta), makanan siap proses (RM152.60 juta) dan produk kavu (RM128.79 iuta).

Nilai import pula meningkat sebanyak 38.2 peratus kepada RM1.7 bilion dari RM1.28 bilion pada tahun 2010. Produk import utama dari Iran adalah petroleum mentah (RM1.40 billion), pembuatan keluli (RM206.55 juta), bahan kimia (RM50.66 juta), keluaran petroleum ditapis (RM31.71 juta) dan produk pertanian (RM28.66 juta).

Pada tahun 2011, Malaysia mengimport petroleum mentah sebanvak RM1.4 billion dan keluaran petroleum bertapis sebanyak RM31.17 juta dari negara Iran. Walaubagaimanapun, Malaysia tidak mengimport gas dari negara Iran.

Tuan Yang Dipertua,

Pemberhentian dagangan minyak dan gas dengan negara Iran tidak akan memberi kesan kepada jumlah perdagangan sekarang memandangkan nilai import petroleum mentah dari negara Iran adalah kecil berbanding sumber-sumber yang lain iaitu hanya:

- 5.8 peratus pada tahun 2011;
- 5 peratus pada tahun 2010; dan
- 6.8 peratus pada tahun 2009.

Pengimportan petroleum mentah daripada Arab Saudi, Qatar, Vietnam, Gabon dan UAE adalah mencukupi untuk menampung keperluan Malaysia sekiranya Malaysia berhenti mengimport dari negara Iran.

Tuan Yang DiPertua,

Terdapat dua jenis sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas Iran iaitu sekatan multilateral, dengan izin oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan sekatan unilateral, dengan izin, oleh

Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat. Pada dasarnya, sekatan yang dikenakan ke atas Iran adalah bertujuan untuk menghalana perkembangan program teknologi nuklear Iran yang menjurus kepada percambahan senjata pemusnah besar- besaran, *weapon of mass destruction*, dengan izin, bagi tujuan ketenteraan. Sekatan unilateral terbaru yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat mensasarkan Bank Pusat Iran serta perdagangan produk minvak dan gas Iran.

Sebagai sebuah negara ahli PBB, Malaysia hanya mengiktiraf sekatan multilateral, dan tidak mengiktiraf sekatan unilateral. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira Amerika Syarikat sebagai salah sebuah rakan dagangan dan sumber pelaburan langsung asing yang penting bagi Malaysia, maka syarikat- syarikat Malaysia yang mempunyai kepentingan pelaburan di Amerika Syarikat dinasihatkan agar berhati-hati dan mengelak dari melanggar sekatan yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat. Perdagangan barang yang bukan minvak masih diteruskan.

Dalam jangka masa yang panjang, sekatan yang dikenakan ke atas Iran tersebut akan mempenaruhi kerjasama dagangan antara Malaysia dan Iran terutamanya sektor minvak.

DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BINMOHAMAD  
(PULAI)

NO SOALAN :M1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.06.2012**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD [PULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan road show dan pameran berkaitan dengan MRT diterima oleh masyarakat dan jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk menjalankan kempen tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek MRT adalah projek infrastruktur terbesar yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam dan kualiti hidup rakyat ke tahap yang lebih baik. Untuk itu, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.) telah melaksanakan pelbagai aktiviti promosi bagi meningkatkan tahap kesedaran rakyat mengenai keperluan dan kepentingan Projek MRT serta manfaat yang bakal diperoleh. Sehubungan ini, pendekatan yang dilaksanakan oleh MRT Corp. bagi tujuan promosi dan penyebaran maklumat mengenai Projek MRT adalah seperti berikut:

- a) melaksanakan *road show* dengan 2 buah kiosk informasi MRT di kawasan pusat membeli belah;
- b) menubuhkan 5 buah pusat informasi MRT di lokasi strategik terpilih di



sepanjang jajaran MRT; dan c)  
mewujudkan trak informasi MRT.

Sehingga kini, aktiviti *road show* dan pameran MRT yang dilaksanakan telah mendapat sambutan yang sangat baik serta respon yang positif daripada orang ramai terutamanya sokongan terhadap usaha Kerajaan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di Lembah Klang. Oleh itu, keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan perkara berikut:

- a) sejak mula dilaksanakan pada November 2011, aktiviti *road show* dan perwujudan kiosk informasi MRT telah berjaya menarik kunjungan hampir 20,000 orang awam berdasarkan maklum balas bertulis yang dikemukakan;
- b) seramai 3,000 orang awam telah mengunjungi pusat informasi MRT di Kota Damansara, Taman Tun Dr Ismail, KL Sentral, Bandar Tun Hussein Onn dan Kajang; dan
- c) sehingga kini, lebih 2,000 orang awam telah mengunjungi trak informasi MRT. Pada peringkat permulaan, trak berkenaan diletakkan di pusat membeli belah One Utama. Bagi mempertingkatkan keberkesanan aktiviti promosi, trak berkenaan akan diletakkan di lain-lain lokasi terpilih di sepanjang jajaran MRT terutama sekali di rumah ibadat, sekolah, pasar malam dan juga kawasan pejabat.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan bagi keseluruhan aktiviti promosi MRT adalah sebanyak RM2 juta sahaja. Jumlah perbelanjaan berkenaan adalah berpatutan dan tidak besar berbanding faedah besar yang diperolehi daripada aktiviti promosi berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT      Soalan No : 11

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

TARIKH

25 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah langkah untuk memupuk serta menanam dan menyemaikan semangat untuk mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil beberapa langkah untuk memupuk serta menanam dan menyemaikan semangat untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, antaranya termasuklah:

- i. Menyediakan pelbagai bahan rujukan seperti kamus, istilah dan buku pedoman dan panduan bahasa yang dapat membantu semua pihak berurusan dalam bahasa Melayu.
- ii. Mengendalikan kursus bahasa Melayu pada setiap tahun. Untuk membantu usaha ini, DBP telah melatih dan melantik Munsyi Dewan dan pegawai bahasa di agensi kerajaan.

- iii. Menyebarluaskan maklumat bahasa melalui media massa dan menerbitkan pedoman bahasa, lembar bahasa dan lembar istilah (versi elektronik dimuatkan dalam laman web DBP), terbitan maya seperti klik web DBP dan TV web DBP, serta melalui media massa setempat, terutamanya rangkaian radio setempat.
- iv. Mengadakan kegiatan promosi dan penggalakan yang berbentuk pertandingan, kempen, pameran, karnival dan festival, serta penganjuran wacana ilmu seperti seminar, syarahan dan ceramah.
- v. Memberikan pengiktirafan dengan menyediakan anugerah dan hadiah galakan kepada mereka yang menggunakan bahasa kebangsaan yang baik dan betul.
- vi. Menganjurkan kempen Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) pada setiap tahun dan kemuncaknya pada bulan Oktober menerusi pengisian pelbagai kegiatan bahasa, persuratan dan budaya yang melibatkan semua sektor.
- vii. Menyediakan khidmat nasihat bahasa melalui laman web DBP, talian telefon, faksimile, e-mel, surat atau kaunter DBP di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melalui DBP telah mewujudkan dana berjumlah RM2 juta bermula pada tahun ini untuk menggalakkan penerbitan buku ilmiah sains dan teknologi dalam bahasa Melayu. Penulis akan menerima ganjaran sebanyak RM20,000 selain bayaran royalti yang biasa diterima. DBP juga telah mewujudkan dana berjumlah RM300,000 bagi membantu persatuan penulis mengadakan kegiatan masing-masing.

Di samping itu, usaha bersepada melalui semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dirancang untuk membudaya atau memasyarakatkan bahasa

Melayu tinggi. Bagi melaksanakan aktiviti untuk golongan kanak-kanak, remaja dan belia dengan lebih terancang, DBP telah menubuhkan dua bahagian khusus, iaitu Bahagian Pengembangan Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja, dan Bahagian Pembinaan Bakat dan Kepakaran.

Rjm 74

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	<b>DATO' AZALINA BINTI OTHMAN SAID</b>
TARIKH	<b>25 JUN 2012</b>
SOALAN	

Minta PERDANA MENTERI menyatakan sehingga kini berapa banyakakah ladang-ladang FELDA yang telah diiktiraf oleh United Nation for Carbon Credits (UNFCC).

<u>JAWAPAN</u>	<b>DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN</b>
	<b>TIMBALAN MENTERI DI JPM</b>

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persatuan *Round table of Sustainable Palm Oil* (RSPO) merupakan badan antarabangsa yang diiktiraf sebagai pemangku untuk menggalakkan pertumbuhan dan penggunaan produk minyak sawit mampan yang setaraf dengan piawaian

**NO SOALAN : 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

global yang kredibel menerusi penglibatan pihak-pihak berkepentingan, termasuk pengusaha-pengusaha kelapa sawit terbesar di dunia. Manakala,

Sehingga kini, syarikat subsidiari dan bersekutu FELDA Global Ventures (FGV) telah menerima pengiktirafan sijil RSPO untuk empat (4) kompleks kilang sawit dan 22 ladang-ladang estet yang berdekatan dengan kompleks tersebut dan lapan (8) daripada 70 kilang-kilang sawit FELDA Holdings Berhad telah menerima sijil ISCC.

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' AZALINA BINTI OTHMAN SAID**

**TARIKH**

**25 JUN 2012**

**SOALAN**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan sehingga kini berapa banyakakah ladang-ladang FELDA yang telah diiktiraf oleh United Nation for Carbon Credits (UNFCCC).

**JAWAPAN**

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

**NO SOALAN:17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persatuan *Round table of Sustainable Palm Oil* (RSPO) merupakan badan antarabangsa yang diiktiraf sebagai pemangku untuk menggalakkan pertumbuhan dan penggunaan produk minyak sawit mampan yang setaraf dengan piawaian global yang kredibel menerusi penglibatan pihak-pihak berkepentingan, termasuk pengusaha-pengusaha kelapa sawit terbesar di dunia. Manakala,

Sehingga kini, syarikat subsidiari dan bersekutu FELDA Global Ventures (FGV) telah menerima pengiktirafan sijil RSPO untuk empat (4) kompleks kilang sawit dan 22 ladang-ladang estet yang berdekatan dengan kompleks tersebut dan lapan (8) daripada 70 kilang-kilang sawit FELDA Holdings Berhad telah menerima sijil ISCC.



SOALAN NO: 18

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING)
TARIKH	25 JUN 2012 (ISNIN)
SOALAN	: TUAN CHONG CHIENG JEN minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah rancangan

Kerajaan untuk mewujudkan satu kawasan di Sarawak sebagai jelapang padi untuk Sarawak.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah mengambil initiatif membangunkan kawasan Batang Lumar, Sarawak sebagai kawasan penanaman padi berskala besar di bawah EPP 11. Bagi tahun 2011, sebanyak RM30.332 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut.

Bagi pelaksanaan tahun 2011, Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak, MOMA dengan kerjasama BERNAS telah menjalankan projek perintis di kawasan seluas 77 hektar di kawasan Batang Lumar melibatkan 11 buah rumah panjang dan 144 orang petani. Seluas 20 hektar telah ditanam dengan varieti moden manakala baki 57 hektar ditanam dengan varieti tradisional. Hasil telah di tuai pada penghujung Februari 2012. Berdasarkan projek perintis tersebut, pihak MOMA dan BERNAS akan membuat analisis kos bagi menentukan kaedah penanaman yang sesuai yang akan dijalankan di kawasan tersebut.

**SOALAN NO.6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB TUAN KHAIRY BIN JAMALUDDIN (REMBAU)**

**TARIKH 25 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ] minta MENTERI**

**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**menyatakan apakah hasil pelaksanaan dan operasi perkhidmatan Pusat**

**Sehenti Intervensi bagi menangani isu gelandangan terutama di ibu kota**

**dan apakah langkah pengupayaan yang dilakukan oleh kerajaan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat peka dan memandang serius akan isu golongan gelandangan (*homeless*) yang berkeliaran di ibu kota. Usaha menangani masalah gelandangan ini dilaksanakan oleh KPWKM dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Dalam menangani isu ini, KPWKM telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah pusat sehenti intervensi yang dinamakan Anjung Singgah, terletak di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Pusat ini merupakan satu titik sentuh (*touch base*) dengan masyarakat dan telah mula beroperasi pada 9 April 2011. Ia diuruskan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Anjung Singgah menyediakan perkhidmatan secara holistik bagi membantu golongan gelandangan seperti penyediaan khidmat bantuan untuk mendapatkan pekerjaan, kemudahan perumahan, kaunseling, pembersihan

diri dan pemberian bantuan kebajikan kepada mereka yang layak. Dalam hal ini, setiap kes yang dikemukakan akan dilayan dan dirujuk kepada agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan selanjutnya.

Bagi memantapkan proses intervensi, Anjung Singgah memberi kemudahan tempat penginapan kepada golongan gelandangan. Pusat ini boleh memuatkan seramai 38 orang gelandangan lelaki dan 38 perempuan pada satu-satu masa untuk tempoh 1 hingga 2 minggu. Dalam tempoh tersebut, pihak Anjung Singgah membantu mereka untuk berdikari dan mencari pekerjaan serta mendapatkan penginapan yang sesuai.

Sejak ditubuhkan pada 9 April 2011 sehingga 31 Mei 2012, seramai 529 orang gelandangan telah mendaftar di Anjung Singgah. Daripada jumlah ini, seramai 196 orang gelandangan telah diberi pekerjaan dengan majikan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk memperoleh lesen penjaja khas daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada golongan ini yang berminat menceburi bidang perniagaan. Dalam hal ini, seramai 4 orang gelandangan telah dibantu dan dilatih untuk memulakan perniagaan di Medan Tuanku, Kuala Lumpur. YKN juga bekerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk mengadakan program motivasi serta latihan amali bagi memastikan golongan gelandangan ini dapat berdaya saing serta meneruskan perniagaan mereka.

Selain itu, mulai bulan April 2012, YKN telah menyediakan khidmat kaunselor residen di Anjung Singgah yang memberikan khidmat nasihat, bimbingan serta motivasi kepada golongan gelandangan untuk terus menjalani kehidupan dengan semangat kental dan berdikari.

Berdasarkan kejayaan dan keberkesanan Anjung Singgah dalam mengintegrasikan semula golongan gelandangan ke dalam masyarakat, peruntukan tambahan sebanyak RM9 juta telah diluluskan melalui Bajet 2012. Dalam hal ini, Anjung Singgah akan diperluaskan ke 3 buah negeri iaitu Johor, Pulau Pinang dan Sarawak. Pada masa ini, pembinaan Anjung

Singgah di ketiga-tiga negeri berkenaan sedang dalam peringkat pelaksanaan. Dijangka Anjung Singgah di negeri Sarawak akan mula beroperasi pada bulan Julai 2012. Manakala Anjung Singgah di negeri Johor dan Pulau Pinang pula akan mula beroperasi pada bulan September 2012.



SOALAN NO: 20

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN WONG HO LENG [ SIBU ]
TARIKH	25 JUN 2012 (ISNIN)
SOALAN	TUAN WONG HO LENG minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan jenis-jenis insentif dan subsidi yang telah diberi kepada petani di Sarawak dalam usaha untuk membolehkan Sarawak membekalkan beras, buah-buahan dan daging yang mencukupi untuk kegunaan sendiri. Nyatakan insentif dan subsidi untuk setiap sektor.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Setiap subsidi dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan kepada para petani di Semenanjung turut dinikmati oleh petani di Sarawak. Antara subsidi dan insentif yang diberikan adalah seperti berikut:

- (i) Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan;
- (ii) Skim Subsidi Harga Padi;
- (iii) Insentif Pengeluaran Padi; dan
- (iv) Insentif Peningkatan Hasil.

Bagi buah-buahan, Kerajaan Pusat dengan kerjasama Kerajaan Negeri akan terus membantu dan memberi sokongan terhadap pengeluaran buah-buahan di Sarawak

bagi memenuhi keperluan tempatan dan juga eksport. Antara insentif dan subsidi bagi buah-buahan yang telah diberikan kepada golongan petani di Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) Skim Penanaman Baru;
- (ii) Skim Pemulihan untuk Kebun Buah-Buahan yang sedia ada;
- (iii) Skim-Skim Kontrak Pemasaran;
- (iv) Pembangunan dan Promosi Teknologi Baru Pengeluaran;
- (v) Skim-Skim Penjaminan Kualiti atau “Quality Assurance”, dan
- (vi) Latihan Petani.

Bagi daging pula, selain daripada projek di bawah NKEA (EPP5), Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah, sedang dan akan terus memberikan bantuan dan sokongan seperti:

- (i) unit komersialisasi Ternakan (bantuan dalam bentuk input ladang);
- (ii) Unit Ladang Ternakan (bantuan dalam bentuk input ladang);
- (iii) Insentif Pengeluaran Ternakan (bantuan dalam bentuk bayaran tunai);
- (iv) Perkhidmatan Sokongan Veterinar;
- (v) Jualan Baka-Baka Ternakan untuk pembiakan pada harga subsidi;
- (vi) Pembangunan Kawasan Pernakan Babi;
- (vii) Program Akreditasi Ladang dan Premis Pemprosesan; dan
- (viii) Latihan Petani.



Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
	[ TANJONG MANIS ]
TARIKH	25 JUN 2012
SOALAN:	

Y.B. Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sama ada Kementerian dapat mengadakan sebuah Sekolah Pendidikan Khas (special needs school) di Pulau Brui.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam masa yang terdekat ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum adacadangan untuk mengadakan Sekolah Pendidikan Khas di Pulau Brui. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan untuk mendapatkan pendidikan khas, bagi kawasan Parlimen Tanjong Manis, murid boleh ditempatkan di tiga buah sekolah yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi iaitu SK Abang Gesa Daerah Daro, SK Abang Haji Matahir dan SK Sarikei dalam Daerah Sarikei.

Di samping itu, KPM juga telah menyediakan empat (4) buah sekolah pandidikan khas dan 137 buah sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi di seluruh negeri Sarawak. Dari jumlah tersebut, terdapat 2 buah sekolah pendidikan khas di Sarawak yang menyediakan kemudahan asrama bagi murid berkeperluan khas di kawasan pendalaman.

Rjm 73

**SOALAN NO**

**LISAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN YB. PUAN FONG PO KUAN BATU GAJAH**  
**DARI PADA 25 JUN 2012 (ISNIN)**  
**KAWASAN**  
**TARIKH SOALAN:**

**YB. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapakah syarikat Touch n Go perlu dibayar pampasan ekoran daripada pelaksanaan rebat 20% kepada pengguna yang menggunakan kad Touch n Go 80 kali transaksi sebulan. Nyatakan semua perjanjian dan terma-terma perjanjian Kerajaan dengan syarikat Touch n Go ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Touch N Go Sdn. Bhd. (TNGSB) - dahulu dikenali sebagai Rangkaian Segar Sdn. Bhd. (RSSB) - ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan pada bulan Oktober 1996.

Menerusi usaha sama Kerajaan, syarikat berkenaan pada bulan Mac 1997 telah melancarkan perkhidmatan kaedah bayaran kad prabayar untuk transaksi tol yang dikenali sebagai kad Touch N Go. Manakala peranti SmartTAG pula ialah alat pemancar data inframerah yang diperkenalkan pada bulan Mac 1999 untuk kemudahan transaksi tol tanpa henti di plaza tol. Pada peringkat awal, aplikasi Touch N Go dan SmartTAG ini telah digunakan di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Metramac sahaja sebelum penggunaannya diperluaskan ke lebuh raya-lebuh raya lain.

Pada 1 Julai 2004, Kerajaan telah memutuskan supaya sistem kutipan tol elektronik di semua lebuh raya negara ini diseragamkan menerusi sistem pembayaran elektronik bersepada tunggal, iaitu kad Touch N Go dan peranti SmartTAG sahaja. Dasar ini bertujuan untuk mengelakkan timbul kekeliruan dan kesulitan kepada pengguna berikutan terdapat pebagai kad dan peranti berbeza yang dijual oleh syarikat-syarikat konsesi pada masa itu. Sehubungan itu, dasar penetapan sistem kutipan tol elektronik tunggal menggunakan kad Touch N Go dan peranti SmartTAG ini telah dipersetujui oleh semua syarikat konsesi

lebuhraya. Ia dikuatkuasakan menerusi perjanjian antara TNGSB dengan syarikat-syarikat konsesi di mana TNGSB akan menerima komisen sebagai operator sistem pembayaran elektronik (EPS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 bentuk tanggungan insentif pemberian rebat dan diskaun kepada para pengguna lebuhraya, iaitu tanggungan Kerajaan dan syarikat konsesi. Mengenai insentif yang ditanggung oleh Kerajaan, ia mula dilancarkan pada 1 September 2009 di mana pengguna yang membayar tol 80 kali atau lebih sebulan dengan menggunakan kad Touch N' Go akan menerima insentif rebat sebanyak 20%. Pemberian rebat ini selaras dengan dasar keprihatinan Kerajaan untuk meringankan beban yang ditanggung pengguna, sekali gus menggalakkan penggunaan sistem kutipan tol secara elektronik. Sehubungan itu, Kerajaan pada 1 September 2009 telah menandatangani perjanjian khusus *Government Frequent Travelers Program* (GFTP) dengan syarikat TNGSB di mana antara lain ia menetapkan jumlah pampasan rebat yang perlu dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat berkenaan.

Sehingga 31 Mei 2012, seramai lebih dari 1.8 juta pengguna telah mendapat faedah daripada tuntutan rebat GFTP ini dengan melibatkan nilai keseluruhan tuntutan sebanyak RM120.7 juta.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**SOALAN NO : 23**

DARI PADA                    DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
                                  [PAYA BESAR]  
TARIKH                      25 JUN 2012  
SOALAN

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berdasarkan kajian penggunaan air tanah yang dikomersialkan menyebabkan bencana kepada alam sekitar. Oleh itu, apakah pihak Kementerian akan mengawal lessen syarikat perniagaan untuk menghasilkan air mineral botol di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan air tanah secara komersil tidak memberi kesan kepada alam sekitar kerana pengambilan air tanah tidak mengganggu pembentukan air tanah semulajadi. Bagi tujuan pengeluaran produk air mineral semulajadi, sumber air perlu didapati dan dipam dari lapisan batuan keras pada kedalaman lebih daripada 30 meter di bawah permukaan bumi. Pada kedalaman tersebut, sumber air diperolehi dari punca air yang wujud dalam rekahan-rekahan batuan keras dalam bumi. Sumber air ini tidak memberi kesan kepada kekuatan lapisan tanah. Sehingga kini, tiada sebarang aduan diterima berhubung kesan negatif kepada alam sekitar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan peruntukan di bawah subperaturan 360A (2), Peraturan-Peraturan Makanan 1985, pengambilan atau pengekstrakan air mineral

semulajadi dari sumber bawah tanah untuk tujuan perdagangan atau perniagaan hendaklah mendapat kelulusan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Keperluan pelesenan bagi air mineral semulajadi adalah bagi menjamin keselamatan dan kualiti air tanah yang dikomersilkan untuk diminum.

Sehingga Mei 2012, sebanyak 72 lesen air mineral semulajadi telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 lesen air mineral semulajadi telah dibatalkan kerana kegagalan pihak syarikat mematuhi syarat-syarat pemegang lesen yang telah ditetapkan, dan satu (1) lesen dibatalkan atas permohonan pihak syarikat sendiri.

Keperluan-keperluan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan untuk melayakkan pemohon dipertimbangkan untuk kelulusan lesen terdapat di dalam Garis Panduan Permohonan Pelesenan Air Mineral Semulajadi. Pemeriksaan atau siasatan akan dilakukan oleh agensi-agensi yang berkaitan iaitu Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia bagi memastikan keperluan-keperluan ini dapat dipenuhi oleh pemohon. Pemeriksaan yang dijalankan adalah melibatkan



punca air, saiz pam yang digunakan, lokasi telaga, sistem rawatan air, rekabentuk kilang, peralatan pemprosesan air dan sistem jaminan keselamatan makanan yang dilaksanakan.

Pertimbangan untuk kelulusan lesen akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Air Minuman yang terdiri daripada beberapa agensi yang terlibat iaitu Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Di samping itu, pengawasan berkala dijalankan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia bagi memastikan pematuhan syarat-syarat serta peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Tindakan penggantungan atau pembatalan lesen akan diambil oleh Kementerian Kesihatan sekiranya pemegang lesen didapati melanggar mana-mana syarat pemegang lesen.

Kementerian Kesihatan yakin dengan syarat-syarat pelesenan yang dikenakan serta pengawasan berterusan yang dijalankan bersama agensi berkaitan dapat menjamin keselamatan dan kualiti produk air mineral semulajadi yang dijual di pasaran.

**NO SOALAN : 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

**TARIKH**

**25 JUN 2012**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peneroka FELDA yang mengusahakan tanaman ladang secara individu di seluruh negara.

**JAWAPAN**  
-----

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masakini terdapat seramai 20,267 peneroka atau 18 peratus (%) daripada keseluruhan peneroka 112,635 orang yang mengusahakan ladang secara individu. Namun begitu, jumlah tersebut akan sentiasa berubah daripada semasa ke semasa.

Berdasarkan kepada data tersebut, ini jelas menunjukkan bahawa peneroka bebas untuk memilih sama ada mahu mengusahakan sendiri kebun mereka atau tanam semula bersama FELDA. Kerajaan tidak pernah menghalang peneroka untuk menguruskan kebun secara sendirian. Kerajaan menggalakkan peneroka supaya menanam semula bersama FELDA kerana pengurusan secara berkelompok dapat menjimatkan kos operasi kebun seperti pembelian baja dan kos pengurusan buruh berbanding pengurusan secara individu.

Peneroka digalakkan menghantar hasil kepada FELDA bagi membolehkan *paysheet* individu dan nota hantaran diwujudkan. Dengan adanya *paysheet* individu ini, peneroka yang menanam semula sendiri akan turut sama memperoleh manfaat seperti bantuan dan pinjaman, sama sepetimana peneroka yang menanam semula dengan FELDA.

00000000000000000000

No. Soalan : 25  
PR-1252-  
L49640

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]</b>
<b>TARIKH</b>	
<b>SOALAN</b>	Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta <b>MENTERI LUAR NEGERI</b> menyatakan imej YAB Perdana Menteri Malaysia pada kaca mata media antarabangsa dalam usaha mentransformasikan negara ke arah sebuah negara maju dan berpendapatan

tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Y.B. Tenom dan Dewan yang mulia ini, program-program transformasi kerajaan dan usaha Kerajaan mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi yang digerakkan oleh Perdana Menteri mendapat liputan meluas media antarabangsa. YAB Perdana Menteri dilihat sebagai seorang yang berdedikasi, reformis hebat dan negarawan dalam usaha beliau untuk mentransformasikan kerajaan dan ekonomi tanah air kita.
3. Transformasi jelas menjadi strategi terpenting pentadbiran Dato' Sri Mohd Najib dan program-program yang diperkenalkan berada di landasan yang betul bagi mencapai matlamat ini. Rakyat dapat merasai hasil dasar transformasi kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak. Malahan pencapaian negara melalui program-program transformasi ini turut diberi pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Misalnya dalam Indeks Keamanan Global, Malaysia diletakkan sebagai negara paling selamat dan paling aman di Asia Tenggara, negara ke-4 paling selamat di rantau Asia Pasifik dan negara ke-19 paling selamat di seluruh dunia.

4. Gagasan 1 Malaysia “Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan”, usaha transformasi politik seperti pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Buang Negeri, Akta Kediaman Terhad dan Ordinan Darurat turut membantu menaikkan imej YAB Perdana Menteri di mata dunia.
5. Proses penambahbaikan pilihanraya turut menjadi agenda utama YAB Perdana Menteri dalam mentransformasikan negara. Langkah-langkah di atas jelas menunjukkan kerajaan kepimpinan YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Razak lebih menekankan pendekatan transformasi kerajaan bagi membawa Malaysia ke arah negara maju.

Sekian terima kasih.

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN**

: LISAN

DARI PADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

TARIKH 25 JUN 2012 (ISNIN)

**SOALAN**

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rasional untuk menubuhkan satu 'Academy of Law' dan apakah tugas-tugas serta bidang kuasanya memandangkan telah wujud Majlis Peguam di negara ini.

**JAWAPAN            YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia adalah mengambilkira keperluan mewujudkan sebuah badan yang boleh mewakili anggota profession undang-undang secara lebih menyeluruh termasuk dari kalangan anggota kehakiman, ahli akademik, pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara, bekas hakim, penasihat undang-undang syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Antara cadangan fungsi Akademi Undang-Undang Malaysia ini adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan *standard* yang tinggi dalam perlakuan dan pengetahuan anggota profession undang-undang di Malaysia, menggalakkan peningkatan dan penyebaran pengetahuan undang-undang serta mengadakan pendidikan undang-undang yang berterusan bagi anggotanya. Selain itu, Akademi ini akan menjadi medium bagi individu yang mempunyai pengetahuan undang-undang tetapi tidak menjadi pengamal undang-undang untuk turut memberi pandangan serta berkongsi kepakaran dalam isu-isu berkaitan undang-undang. Ini secara tidak langsung akan menjadikan sumber rujukan undang-undang lebih meluas berbanding sebelum ini. Penubuhan Akademi ini akan dilaksanakan melalui cadangan Rang Undang-Undang Akademi Undang-Undang Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
**SOALAN NO. 27**  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARI PADA DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
[TANGGA BATU]  
TARIKH 25 JUN 2012  
SOALAN

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapakah hospital swasta tidak menyediakan rawatan kepada pesakit-pesakit walau berada dalam keadaan kritikal dan parah serta apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah hospital Kerajaan yang sentiasa penuh dengan pesakit terutama di wad kelas ketiga.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengawalselia dan mengawal kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta seperti hospital swasta selaras dengan peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan peraturan-peraturannya bagi memastikan semua pesakit boleh mendapat rawatan yang selamat dan berkualiti sama ada di kemudahan Kerajaan ataupun swasta.

Dari segi pelesenan, skop kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh mana-mana hospital swasta adalah bergantung kepada permohonan dan kemampuan pihak hospital tersebut.

Walau bagaimanapun, selaras dengan keperluan yang ditetapkan bawah Seksyen 38, Akta 586, semua kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang berlesen atau berdaftar dengan KKM termasuk hospital swasta hendaklah pada setiap masa mampu memulakan, dan menyediakan langkah-langkah perlu bagi penyelamatan nyawa dan melaksanakan tatacara kecemasan atas mana-mana orang yang memerlukan rawatan dan perkhidmatan sedemikian.

Peraturan 230, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006, pula menggariskan perkhidmatan jagaan kecemasan asas yang perlu diberikan oleh mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta khasnya hospital swasta terhadap pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan.

Oleh itu, adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana hospital swasta sekiranya tidak memberikan rawatan kecemasan asas mengikut kemampuan hospital tersebut kepada pesakit-pesakit yang berada dalam keadaan kritikal dan parah sebelum dirujuk kepada hospital lain yang mempunyai kemampuan untuk memberi rawatan selanjutnya.

**Tuan Yang di-Pertua**

Hospital swasta di negara ini menyediakan rawatan kepada pesakit-pesakit yang berada dalam keadaan kritikal dan parah. Sekiranya berlaku kes kecemasan dimana pesakit berada dalam keadaan kritikal dan parah pesakit

akan diberi rawatan kecemasan dan akan distabilkan dahulu sebelum rawatan lanjut diberi. Biasanya pihak hospital akan menanyakan kepada pihak keluarga sama ada mahu meneruskan perawatan di hospital tersebut atau mendapatkan rawatan di hospital kerajaan. Pilihan untuk memilih hospital swasta atau hospital kerajaan dibuat oleh pesakit / waris.

Dalam menangani masalah hospital Kerajaan yang sentiasa penuh dengan pesakit terutama di wad kelas ketiga, pihak kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti:

- 1) Meningkatkan bilangan katil hospital dengan membangunkan lebih banyak hospital. Sebagai contoh sebanyak 33 buah hospital baru dan gantian telah dirancang untuk dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10.
- 2) Mengurangkan keperluan bagi rawatan secara pesakit dalam dengan mempertingkatkan perkhidmatan pesakit secara rawatan harian. Sebagai contoh pusat rawatan ambulatori (rawatan harian) telah dibangunkan di 7 buah hospital.
- 3) Menggalakkan Institut Pengajian Tinggi Awam / Swasta memberikan perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital awam tanpa pakar termasuklah yang berada di kawasan terpencil dan di pedalaman di mana penuntut-penuntut perubatan mereka menjalani latihan. Contohnya kerjasama Hospital Tapah dengan Universiti Tuanku Abdul Rahman; dan Hospital Tanjong Karang dengan Kolej Universiti MAHSA.
- 4) Menyediakan perkhidmatan pembedahan minor seperti pembedahan kataraks di luar kompleks hospital seperti yang dilakukan oleh Hospital Selayang.

- 5) Menggalakkan kerjasama *networking* di antara hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar di mana pakar-pakar memberi perkhidmatan pesakit dalam setiap hari di hospital tanpa pakar bagi meningkatkan akses perkhidmatan kepakaran kepada penduduk di luar bandar dan sekaligus mengurangkan permintaan katil di hospital berpakar. Contohnya kerjasama di antara Hospital Melaka dengan Hospital Jasin; dan Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar dengan Hospital Jitra.

NO. SOALAN:28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE

[ PETALING JAYA UTARA ]

TARIKH : 25JUN2012

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab pemindahan Pengkalan Tentera Udara DiRaja Malaysia dari Sungai Besi ke Sendayan dan lain-lain tempat memakan kos sebanyak RM2.7 bilion, jauh melebihi nilai tanah Sungai Besi RM1.6 bilion yang dijual kepada 1MDB.

JAWAPAN

Transaksi tanah Sg Besi perlu dilihat dengan menyeluruh, bukan hanya memfokus kepada pembelian dan penjualan tanah sahaja. Ini adalah kerana ianya adalah suatu projek Kerajaan yang didukung oleh sebuah syarikat milik penuh Kerajaan.

Bagi pengetahuan semua, transaksi tanah di Sg Besi melibatkan bukan sahaja pemindah milik tanah, tetapi ia melibatkan juga pemindahan, pembinaan kem-kem baru di lapan lokasi dan penempatan semula kem Sg Besi di kesemua lokasi tersebut.

Kos untuk perkara-perkara yang disebutkan tadi, sebanyak RM2.718 bilion, dikongsi bersama di antara 1MDB dan Kerajaan. Sepertimana yang telah diberitahu Dewan Rakyat terdahulu, 1MDB akan menanggung RM1.6 bilion daripada jumlah kos relokasi Tentera Udara DiRaja

Malaysia dan Pangkalan Gerakan Udara Polis DiRaja Malaysia.

Ini termasuk juga kos pembelian tapak-tapak baru, kos pemindahan peralatan dan kos pembangunan kemudahan baru. Pihak kerajaan pula akan menanggung RM1.17 bilion daripada kos ini.

Fasa penempatan semula ini akan mengambil masa beberapa tahun kerana ia melibatkan pelbagai pihak dan kerja-kerja pembinaan di sembilan lokasi. Projek pembangunan semula Sungai besi hanya akan bermula apabila penempatan semula dan pembinaan kem-kem baru ini sudah selesai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Soalan No : 11

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [ LEDANG]

TARIKH 25 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sejauh mana sejarah kehancuran bangsa dan negara serta keruntuhan tamadun lampau akibat perebutan kuasa telah memberi kesan kepada kemajuan bangsa Melayu di dalam negara ini dan bagaimana kesedaran yang mendalam boleh diterapkan kepada pelajar-pelajar Melayu masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejarah kehancuran bangsa dan negara serta keruntuhan tamadun lampau akibat perebutan kuasa sememangnya telah ada dalam kurikulum Sejarah. Ia merangkumi tajuk- tajuk yang diajar dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5 seperti Kemerosotan Melaka, Kemerosotan Johor, Penguasaan British, Pendudukan Jepun, Tamadun Awal Manusia, Peningkatan Tamadun dan Pengenalan Birokrasi Barat.

Selaras dengan matlamat utama mata pelajaran Sejarah, murid didedahkan dengan konsep-konsep dan Kemahiran Pemikiran Sejarah yang merangkumi elemen merentas kurikulum di mana murid dibimbing untuk menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah negara, murid

dapat memahami keadaan masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan sebagai rangka kesedaran kebangsaan dan memperkuatkan perasaan cinta terhadap bangsa dan negara. Sehubungan itu, KPM telah menetapkan kepentingan pembelajaran sejarah sebagai subjek wajib kepada semua murid.

Di samping itu, bagi menyokong perkara ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menganjurkan beberapa program kurikulum yang memupuk semangat patriotisme dan jati diri bangsa. Antaranya ialah penubuhan kelab Sejarah, pertandingan penulisan dan kuiz sejarah, pidato dan sebagainya. Murid-murid juga diwajibkan menyertai pasukan badan beruniform bagi memupuk disiplin dan semangat cintakan negara melalui pasukan badan beruniform.

Rjm72



**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**YB. TUAN CHOW KON YEOW TANJONG**

**DARIPADA**

**25 JUN 2012 (ISNIN)**

**KAWASAN**

**TARIKH**

**SOALAN:**

**YB. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Jambatan Kedua Pulau Pinang akan siap dan apakah projek-projek menyuraikan trafik juga dilaksanakan serentak dengan projek Jambatan Kedua Pulau Pinang.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012 kemajuan fizikal keseluruhan projek membina Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah mendahului jadual, iaitu 78% berbanding 75% mengikut penjadualan sebenar. Berdasarkan perancangan oleh syarikat konsesi Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB), projek dengan nilai kos RM4.5 bilion ini dijangka akan siap keseluruhannya pada 8 September 2013 dan akan dibuka kepada lalu lintas pada bulan November 2013, iaitu 2 bulan lebih awal daripada jadual asal.

Sehubungan itu, untuk mengatasi masalah kesesakan trafik yang akan dihadapi apabila Jambatan Kedua tersebut siap dan dibuka kelak, Kerajaan Persekutuan secara prinsipnya telah bersetuju untuk menaik taraf projek 3 jalan utama di bahagian puiau, iaitu menaik taraf Jalan Persekutuan FT 3113 dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang sepanjang 8.5 kilometer, menaik taraf Jalan Negeri P10 dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah (10 kilometer), dan menaik taraf Jalan Persekutuan FT06 dari Teluk Kumbar ke Bayan Lepas (8.5 kilometer). Objektif pelaksanaan projek ini ialah untuk meningkatkan tahap perkhidmatan (*level of service - LOS*) jalan-jalan berkenaan dari LOS E/F kepada LOS D, sekali gus menyuraikan trafik dari/ke arah Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perancangan ketiga-tiga projek itu dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2013 dan akan mengambil masa selama 24 bulan untuk disiapkan, iaitu pada awal tahun 2015. Oleh itu sementara menantikan projek-projek tersebut disiapkan, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan meningkatkan lagi aspek sistem pengurusan trafik (*traffic management*), khususnya di lauan utama Jalan Persekutuan FT 3113 (Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang) bertujuan untuk melicinkan pergerakan aliran trafik dan mengurangkan impak kesesakan.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]  
TARIKH : 25 JUN 2012 (ISNIN)

### **SOALAN**

Tuan Lim Kit Slang [Spoh Timur] mimta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada siasatan ke atas skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), sama ada dalam segi rasuah, pecah amanah, atau salah guna kuasa, telah siap atau masih sedang dijalankan, dan sama ada lebih banyak Sags penangkapan/pendakwaan berhubung dengan skanda! PKFZ ini.

JAWAPAN: DATO<sup>8</sup> SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, siasatan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) masih diteruskan bagi menentukan apa=apa kesalahan rasuah atau kesalahan lain di bawah Kanun Keseksaan yang telah dilakukan oleh mana-mana pihak.

Walau bagaimanapun, tumpuan pada ketika ini adalah kepada perbicaraan individu-individu yang telah dipertuduh di Mahkamah, iaitu -

- (a) YBhg. Tun Ling Liong Sik;
- (b) YBhg. Tan Sri Chan Kong Choy;
- (c) Phang Oi Choo @ Phang Ai Tu;
- (d) Stephen bin Abok;
- (e) Bernard Tan Seng Swee; dan
- (f) Law Jenn Dong.

2. Namun demikian, sekiranya ada keterangan yang kukuh mengenai salah laku mana-mana orang lain berkaitan dengan isu ini, Jabatan Peguam Negara akan mengemukakan pertuduhan di Mahkamah dan tidak akan melindungi mana-mana pihak daripada dikenakan tindakan undang- undang yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.



**PERTANYAAN LISA  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARI PADA

DATUK MD. SIRATBIN ABU  
[ BUKIT KATIL ]

TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT

25JUN2012(ISNIN)

SOALAN

NO. 32

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan apakah bentuk-bentuk kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan dalam membangunkan teknologi hijau di Malaysia dan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menggalakkan syarikat multinasional di Malaysia mengaplikasikan konsep teknologi hijau kepada bangunan dan urusan perniagaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah ditubuhkan pada 9 April 2009. Penubuhan Kementerian ini menunjukkan Kerajaan amat serius dalam menangani isu perubahan

iklim dan keselamatan tenaga yang merupakan dua cabaran utama masyarakat dunia pada masa ini. Teknologi hijau telah dikenalpasti sebagai salah satu komponen utama dalam memacu pertumbuhan negara berdasarkan Model Ekonomi Baru seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan di sini bahawa usaha untuk membangunkan sektor teknologi hijau di negara ini bukanlah satu usaha yang mudah. Terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang telah ditempuh sepanjang tempoh 3 tahun penubuhan Kementerian ini.  
Ahli Yang Berhormat,

Antara kekangan-kekangan yang dihadapi dalam meluaskan pengaplikasian Teknologi Hijau di Malaysia adalah seperti berikut:

- i) permintaan tempatan yang rendah terhadap produk dan perkhidmatan di kalangan rakyat Malaysia di samping kos yang tinggi;
- ii) cabaran dalam mewujudkan kerjasama daripada pelbagai pihak dalam pengaplikasian teknologi hijau;
- iii) kekurangan kepakaran tempatan dalam bidang teknologi hijau;
- iv) kekurangan aktiviti R&D, pemindahan teknologi dan ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi hijau; dan

v) tahap kesedaran, kefahaman dan penerimaan tentang teknologi hijau yang masih rendah;

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan usaha kerajaan dalam menggalakkan dan mempromosikan teknologi hijau, sektor swasta juga adalah digesa untuk memainkan peranan dalam memperluaskan aplikasi teknologi dalam bidang masing-masing seiring dengan corak perubahan global

masa kini. Semua penggiat industri termasuklah syarikat-syarikat multinasional di Malaysia berperanan penting dalam menjayakan agenda nasional ini. Dari segi ekonomi pula, industri teknologi hijau berpotensi untuk mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan di samping meningkatkan pertumbuhan industri negara.

Justeru itu, bagi menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat multinasional di Malaysia untuk mengaplikasikan konsep teknologi bangunan hijau, Kerajaan telah melancarkan Green Building Index (GBI) pada 21 Mei 2009 yang merupakan satu indeks penilaian hijau kepada bangunan-bangunan mesra alam. Bangunan-bangunan hijau dapat menjimatkan kos-kos utiliti dan mengekalkan kualiti persekitaran. Bagi menggalakkan teknologi hijau Kerajaan telah memutuskan agar pemilik bangunan yang mendapatkan sijil GBI bermula 24 Oktober 2009 sehingga 31 Disember 2014 mendapat pengecualian cukai pendapatan bersamaan perbelanjaan modal tambahan dalam mendapatkan sijil-sijil tersebut, seperti mana yang diumumkan dalam bajet 2010. Justeru itu, syarikat-syarikat multinasional adalah diseru agar mengambil peluang di atas inisiatif tersebut dalam usaha menyokong pembangunan teknologi hijau di negara ini.

Selain itu, Kementerian saya juga sedang melaksanakan Program Pelabelan Hijau Malaysia yang menyelaras label-label hijau yang terdapat di Malaysia.

Program ini bertujuan menggalakkan perolehan hijau serta memperluas pasaran dan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan hijau. Ini kerana perdagangan antarabangsa pada masa kini semakin cenderung ke arah pasaran yang bercirikan mesra alam berikutan pengenalan dasar perolehan/pembelian hijau di kebanyakan negara-negara maju. Usahawan tempatan perlu berubah ke arah perniagaan hijau dan memperkuuhkan jenama produk tempatan untuk menembusi pasaran baru yang menekankan kepada pemeliharaan sumber asli dan perlindungan alam sekitar. Produk/perkhidmatan mereka yang mendapat status eko/hijau ini adalah lebih diyakini dan menjadi pilihan pengguna pada masa kini berbanding produk/perkhidmatan konvensional. Inisiatif ini juga berupaya menggalakkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana supaya lebih aktif dalam menghasilkan produk/perkhidmatan mesra alam dan tidak ketinggalan berbanding syarikat-syarikat yang lebih besar dari dalam dan luar negara bagi memasarkan produk/perkhidmatan mereka.

Jalinan kerjasama dengan agensi-agensi seperti MARA, SME Corp., SIRIM, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Pusat Khidmat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKPKS) Melaka dan sebagainya turut diwujudkan bagi membimbing dan membangunkan kapasiti usahawan tempatan untuk terlibat dalam bidang teknologi hijau.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.06.2012**

**Y.B. TUAN AZANBIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa kos keseluruhan untuk pembiayaan pemberian BR1M setakat ini dan apakah kesan yang didapati daripada program tersebut

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah. Pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Dalam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.

2. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran. Manakala pengagihan baucar BR1M telah bermula pada 15 Januari 2012 sehingga 15 Mei 2012. Walau bagaimanapun, tempoh sah laku baucar BR1M telah dilanjutkan sehingga 31 Julai 2012 memandangkan masih terdapat sebilangan kecil penerima yang masih belum lagi menerima baucar.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 5.0 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.3 juta atau hampir 86.4% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelulusan rayuan dan juga kelulusan kategori khas yang merangkumi penerima bantuan E-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 682 ribu atau 13.6% daripada keseluruhan pemohonan. Program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.3 juta isirumah atau 66% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, definisi isi rumah bagi BR1M adalah berbeza berbanding dengan definisi isi rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Ini adalah untuk memastikan lebih ramai keluarga yang dapat menerima bantuan BR1M. Bagi tujuan

BR1M, definisi ketua isi rumah adalah seorang lelaki atau wanita yang menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah atau ketua keluarga. Ini merangkumi individu yang sudah berkahwin termasuk anak yang berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa, ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan, bujang yang mempunyai tanggungan dan warga emas sebatang kara. Oleh yang demikian, semasa merangka program BR1M, adalah dianggarkan sebanyak 5.2 juta isi rumah atau 79.5% keluarga layak memohon BR1M.

5. Bagi negeri Sabah, sebanyak 477,200 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 408,927 atau 85.7% permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM204,463,500. Manakala, bagi negeri Sarawak, permohonan yang diterima adalah sebanyak 561,743 di mana 82.5% atau 463,237 permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM231,618,500. Secara keseluruhan jumlah kelulusan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Kelulusan	Peratus Lulus Keseluruhan
Selangor	530,977	12.71%
Johor	466,367	11.17%
Sarawak	463,237	11.09%
Perak	429,231	10.28%
Sabah	408,927	9.79%
Kedah	363,139	8.69%
Kelantan	303,579	7.27%
Pulau Pinang	244,846	5.86%
Pahang	229,660	5.50%
Terengganu	199,918	4.79%
N.Sembilan	168,700	4.04%
Kuala Lumpur	166,362	3.98%
Melaka	134,904	3.23%
Perlis	50,132	1.20%
Labuan	11,608	0.28%
Putrajaya	4,835	0.12%
Jumlah	4,176,422	100.00%

Untuk makluman, jumlah tersebut tidak termasuk jumlah kelulusan bagi kategori orang asli dan penerima bantuan JKM yang berjumlah sebanyak 159,810 penerima.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekuahan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan

perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH                    25 JUN 2012 (ISNIN )**

**DARIPADA                YB. TUAN NGA KOR MING  
[ TAIPING ]**

**SOALAN:**

Tuan Nga Kor Ming [ TAIPING ] minta PERDANA MENTERI menyatakan senaraikan jumlah perbelanjaan yang dibayar untuk rombongan YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ke luar Negara dari bulan Mac 2008 hingga Mei 2012.

**JAWAPAN:            DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah lawatan luar negara yang melibatkan Pejabat YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri bermula Mac 2008 hingga Mei 2012 adalah sebanyak 138 kali yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM51,508,823.18.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>DEWAN RAKYAT, MALAYSIA LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAH LAN</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>KOTA BELUD</b>
<b>TARIKH NO.</b>	<b>25.6.2012 (ISNIN)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>35</b>

YB. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kepentingan industri strategik seperti nadir bumi dalam memacu ekonomi Malaysia dalam teknologi tinggi.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Projek strategik dan berimpak tinggi adalah penting dalam memacu ekonomi Malaysia kerana ia:

- (a) melibatkan teknologi baru dan baru muncul serta pemindahan teknologi baru kepada rakyat tempatan;
- (b) mewujudkan hubungan rantaian industri dengan menarik pelaburan baru dan projek-projek yang berkaitan dengan pelaksanaan projek seumpama ini;
- (c) menyumbang kepada pendapatan negara kasar (GNI) yang tinggi;
- (d) meningkatkan pendapatan pertukaran matawang asing negara;
- (e) mewujudkan nilai tambah, dengan peningkatan aktiviti penvelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi;
- (f) meningkatkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi;
- (g) mewujudkan spin-off industri huluan sedia ada dan industri

hiliran yang baru;

- (h) meningkatkan permintaan bahan mentah tempatan; dan
- (i) menjana aktiviti ekonomi daripada perkhidmatan tempatan dan penggunaan utiliti seperti elektrik dan air.

Projek strategik seperti pemprosesan nadir bumi juga merupakan industri yang strategik dan memberi faedah kepada negara kerana Malaysia akan menjadi satu-satunya negara di Asia Tenggara yang menghasilkan bahan mentah/input yang penting bagi keluaran berteknologi tinggi. Di samping itu, projek seperti ini dapat mewujudkan *spin-off*, dengan izin, kepada industri huluau tempatan seperti kilang baru asid sulfurik dan peluasan industri asid hidroklorik.

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [ HULU RAJANG ]

TARIKH 25 JUN 2012

Y.B. Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berkenaan status terakhir Jambatan Sg. Balleh di Nanga Mujong yang menghubungkan Bandar Kapit Ke Tunoh dan Projek Hidroelektrik Baleh (Baleh HEP). Adakah kontraktor ditentukan dan bilakah kerja-kerja akan dimulakan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Projek Jalan Akses ke Empangan Baleh telah dimulakan sejak tahun 2010 di mana kerja-kerja awalan seperti penyiasatan tanah, survei ukur jalan, kajian impak alam sekitar, survei keselamatan jalan raya, rekabentuk telah dibuat. Status terakhir Jambatan Sg. Baleh di Nanga Mujong yang menghubungkan bandar Kapit ke Tunoh dan Projek Empangan Hidroelektrik (HEP) Baleh ketika ini adalah di peringkat penilaian tender dan akan ditawarkan kepada kontraktor yang layak.

Soalan No : 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU]
TARIKH	25 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran, apabila kajian secara rawak mendapat terdapat sebilangan besar pelajar di Sekolah Menengah dan juga Sekolah Rendah di Terengganu tidak tahu dan tidak menunaikan solat lima waktu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha memberi pendidikan agama melalui mata pelajaran pendidikan Islam kepada semua murid supaya mereka menjadi insan soleh. Program j-QAF telah dilaksanakan supaya murid khatam al Quran, menguasai bacaan dan tulisan Jawi, menguasai Bahasa Arab dan mampu menuaikan solat hingga ketahap bestari. Laporan pencapaian program tersebut mendapat penguasaan murid adalah pada tahap memberansangkan. Aktiviti amali solat yang dilaksanakan di sekolah menunjukkan semua murid Islam menunaikan solat ketika mereka berada di sekolah. KPM amat berharap dan menghargai peranan masyarakat dan ibu bapa untuk membudayakan amalan solat dalam kalangan anak-anak sama ada di rumah maupun di surau ataupun masjid.

Walau bagaimanapun, dakwaan yang dilaporkan oleh Ahli Yang Berhormat melalui dapatan kajian rawak tersebut akan diberi perhatian khusus oleh KPM.  
Rjm 75

NO. SOALAN:38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATUK SERI UTAMA SHAHRIR BIN AB. SAMAD  
[ JOHOR BAHRU ]  
TARIKH : 25 JUN 2012  
SOALAN

Datuk Seri Utama Shahrir Bin Ab. Samad [ Johor Bahru ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kadar tol yang ditetapkan untuk Lebuhraya Penyuraian Timur (Eastern Dispersal Link) di Johor Bahru dan bilakah tol itu akan mula di pungut.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol Lebuhraya Penyuraian Timur (Eastern Dispersal Link) pada tahun 2012 sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi ialah RM6.20 bagi kenderaan Kelas 1 dan hanya akan dikenakan kepada kenderaan yang melintasi sempadan Malaysia-Singapura manakala pengguna tempatan yang tidak melintasi sempadan tidak akan dikenakan tol.

Mengikut perjanjian konsesi, kutipan tol sepatutnya telah bermula. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan tidak membenarkan syarikat konsesi mengenakan tol kepada pengguna sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi kerana Kerajaan sedang meneliti beberapa perkara yang dibangkitkan oleh pengguna-pengguna yang melintasi sempadan Malaysia-Singapura.

**SOALAN NO : 23**

'-NOT-ABM---£3-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN	
DARIPADA	DR. HIEW KING CHEU [ KOTA KINABALU ]	
TARIKH	25 JUN	2012
RUJUKAN	4870	

**SOALAN:**

Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada jeti polis Marin Kota Kinabalu boleh dipindahkan ke lokasi yang sesuai, kerana jeti itu berada di antara kompleks membeli belah yang besar yang akan dibuka tidak lama lagi.

## JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kedudukan Pengkalan Polis Marin Kota Kinabalu pada masa kini adalah berada di antara bangunan Pusat Membeli Belah Suria Sabah dan Bangunan Kondominium 24 Tingkat yang sedang dalam pembangunan. Jika dilihat dari segi pembangunan yang pesat membangun pada masa kini, adalah wajar sekiranya pengkalan ini dipindahkan ke suatu kawasan yang baharu. Walaubagaimanapun lokasi pengkalan sedia ada perlu dikekalkan di atas faktor-faktor seperti berikut, iaitu:

- 1) Dari segi aspek keselamatan terdapat beberapa sasaran penting yang berhampiran dengan kawasan pengkalan sedia ada seperti bangunan pentadbiran kerajaan negeri, pelabuhan Sepanggar/Kota Kinabalu yang menempatkan depot minyak dan pusat-pusat peranginan yang melibatkan pulau-pulau serta kawasan taman-taman di Sabah;
- 2) Dari aspek jenayah pula, pengkalan ini dilihat telah dapat mengurangkan kadar jenayah curi terutamanya yang melibatkan kawasan-kawasan pesisir pantai. Ianya memberikan kesan psikologi yang besar kepada penjenayah berikutnya penguatkuasaan di kawasan berkenaan. Disamping itu, pengkalan ini

juga dapat mengurangkan kadar kemalangan jiwa yang melibatkan pelanggaran bot atau sampan di kawasan berkenaan. Ini disebabkan oleh perspektif masyarakat tempatan tentang kehadiran penguatkuasa yang sentiasa memantau sebarang pelanggaran kesalahan di laut seperti tidak memakai jaket keselamatan, membawa penumpang secara berlebihan dan lain-lain; dan

- 3) Dari segi aspek ekonomi pula, pengkalan ini sedikit sebanyak telah menarik kehadiran pelancong ke negeri ini. Dengan adanya kawalan keselamatan di semua kawasan berdekatan khususnya melibatkan pusat-pusat pelancongan, bilangan pelancong yang mengunjungi negeri ini telah meningkat dari semasa ke semasa berikutkan kehadiran anggota polis marin di kawasan berkenaan yang menjamin keselamatan para pelancong.



**SOALAN NO: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DATUK HALI MAH BINTI MOHD SADIQUE**

**TARIKH: 25 JUN 2012**

**SOALAN:**

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan pelaksanaan kadar gaji minimum sektor swasta dan nyatakan sejauh manakah penetapan gaji minimum ini dapat mengeluarkan pekerja di sektor perindustrian daripada garis kemiskinan.

PR-1252-L50047

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, bagi memastikan gaji minimum dapat dilaksanakan dengan lancar, Kementerian Sumber Manusia akan mengeluarkan Perintah Gaji Minimum di mana ianya akan berkuatkuasa 6 bulan selepas perintah tersebut diwartakan bagi perusahaan yang menggaji lebih dari 5 orang pekerja dan firma

**1**

profesional atau 12 bulan bagi perusahaan yang menggaji 5 orang

pekerja atau kurang.

2. Di samping itu, Kementerian ini telah dan sedang mengadakan sesi-sesi taklimat, dialog dan majlis penerangan dengan pihak-pihak berkepentingan di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mereka mengenai gaji minimum. Kementerian ini juga sentiasa aktif membuat hebahan mengenai gaji minimum melalui media massa sama ada media cetak mahu pun media elektronik.
3. Di samping itu, pegawai-pegawai penguatkuasa di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak akan menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IV, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.
4. Kadar gaji minimum yang ditetapkan sebanyak RM900 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan di Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan bagi seorang pekerja melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan Nasional RM800 sebulan. Andainya dalam sesebuah rumah itu terdapat dua orang yang bekerja, jumlah pendapatan mereka adalah tidak kurang daripada RM1.800 bagi Semenanjung Malaysia dan RM1.600 bagi Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan yang mana jumlah itu telah melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan RM763 bagi Semenanjung Malaysia, RM912 bagi Sarawak dan RM1.048 bagi Sabah.
5. Pelaksanaan gaji minimum akan dapat meningkatkan kuasa beli golongan pekerja yang berpendapatan rendah serta dapat

mengurangkan jurang pendapatan di antara pekerja yang secara langsung dapat menangani masalah kemiskinan di kalangan pekerja berpendapatan rendah (*the working poor*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA: TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [ KETEREH ]**

**TARIKH 25 JUN2012**

**RUJUKAN 4871**

**Pertanyaan:**

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan tahunan yang diagihkan kepada Penjara Pengkalan Chepa. Adakah Kerajaan sedar akibat kesesakan melampau di dalam penjara, para warden dan banduan berada dalam keadaan sangat tertekan. Apakah kesan tekanan terhadap warden dan bantuan yang dikenalpasti oleh Kerajaan yang berlaku di Penjara Pengkalan Chepa.



**Jawapan:**  
Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ketereh yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengendalikan Penjara Pengkalan Chepa, kira-kira RM 16.36 juta diperuntukkan untuk penjara berkenaan pada setiap tahun di bawah belanja mengurus.

Jabatan Penjara menyedari kesesakan melampau yang berlaku di sesebuah penjara boleh menjelaskan keselamatan, pemulihan serta pengurusan keseluruhan penjara dan boleh mendatangkan kesan negatif kepada banduan mahupun kakitangan penjara. Oleh itu usaha pemindahan, kerjasama dengan Mahkamah dan Jabatan Imigresen sentiasa dilakukan bagi mengurangkan kesesakan berkenaan.

Berasaskan kapasiti yang ditetapkan, Penjara Pengkalan Chepa Kelantan mampu menampung sejumlah 1,500 banduan. Statistik pada 21 Mei 2012 menunjukkan penjara berkenaan mempunyai seramai 1,698 banduan. Ini bermakna berlaku lebih hanya 198 banduan atau 13.2% sahaja. Jumlah ini jelas menunjukkan bahawa tidak berlaku kesesakan melampau di Penjara Pengkalan Chepa sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Walaupun begitu demi kepentingan pemulihan, keselamatan, keselesaan serta kebajikan banduan dan pegawai penjara, langkah berterusan diambil bagi mengurangkan kesesakan berkenaan. Selain dari pemindahan banduan yang dilakukan dari semasa ke semasa, penempatan semula banduan sabitan dari Penjara Pengkalan Chepa ke sebuah penjara lain

yang telah dikenalpasti telah diputuskan untuk dilaksanakan dalam masa terdekat. Langkah penempatan semula ini jika dapat dilaksanakan dengan sempurna mampu menurunkan jumlah banduan di penjara berkenaan di bawah paras kapasiti kerana penjara yang dikenalpasti mempunyai kemampuan muatan yang tinggi.

Langkah penempatan semula ini juga selaras dengan penambahbaikan pemulihan banduan yang dilakukan melalui pengkategorian semula penjara. Pengkategorian ini akan membolehkan program pemulihan khusus dilaksanakan untuk banduan sabitan berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**TARIKH JAWAPAN : 25 JUN 2012 (ISNIN)**  
**DI DEWAN RAKYAT**

PERTANYAA	LISA
N	N
S	NO. 42
O DARIPADA	YB. TUAN CHOW KON
AL	YEOW [TANJONG ]
AN	

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk membantu PBT melaksanakan inisiatif hijau termasuk menggunakan lampu jalan dengan teknologi LED dan induksi.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian saya telah membuat kajian awal mengenai pasaran LED yang merangkumi sektor pencahayaan dalam rumah, bangunan dan lampu jalan. Daripada kajian ini, anggaran penjimatan sebanyak 50% dengan penggunaan teknologi LED terkini boleh dicapai dari segi penggunaan tenaga elektrik. Kementerian saya berpendapat bahawa terdapat potensi yang tinggi untuk memperkembangkan industri pencahayaan LED melalui peningkatan pengeluaran tempatan produk-produk berteknologi LED. Ini akan membolehkan pengurangan dalam kos pengeluaran lampu-lampu LED.

Sebagai usaha menggalakkan penggunaan teknologi hijau seperti lampu jalan jenis LED, Kementerian saya telah mengambil langkah meningkatkan kerjasama di antara Kementerian dan agensi Kerajaan berkaitan bagi menghasilkan satu rangka pembangunan industri LED yang menyeluruh serta pelaksanaan yang lebih sistematik. Antara pihak yang akan memainkan peranan penting di dalam aktiviti ini adalah seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, PEMANDU serta agensi/jabatan teknikal seperti JKR. Dengan adanya dasar

pembangunan ini, kekangan penggunaan lampu LED seperti kos yang tinggi dan kekeliruan prestasi kecekapan tenaga dapat diatasi.

Berhubung dengan sektor pencahayaan di luar bangunan terutamanya bagi lampu jalan, saingan utama teknologi LED dari aspek jangka hayat, kecerahan dan kos produk adalah teknologi *Induction Lighting* dengan izin. Teknologi *Induction Lighting*, dengan izin, yang telah dibangunkan oleh syarikat Philips sejak tahun 1990 merupakan teknologi pencahayaan yang telah matang dan dijangka akan mengalami pertumbuhan yang minima. Sehubungan dengan itu, berdasarkan tinjauan ke atas senario semasa perkembangan pesat teknologi LED tahun demi tahun dan maklum balas daripada pihak industri, adalah dianggarkan bahawa teknologi LED akan melangkaui teknologi *Induction Lighting* dengan izin, dari segi ketiga-tiga aspek tersebut.

Kerajaan sememangnya berhasrat untuk memperluaskan penggunaan lampu jalan LED termasuk di kawasan-kawasan di bawah pentadbiran PBT. Namun ianya bergantung kepada keputusan projek perintis penggunaan lampu ini yang sedang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di beberapa lebuh raya di Lembah Klang untuk menguji keberkesanan lampu jalan LED.

**NO. SOALAN:  
DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN                    LISAN

TARIKH                        25 JUN 2012 [ISNIN ]

DARIPADA                    Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]

**SOALAN :**

Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang jumlah pelaburan aset Tabung Haji di luar negara bagi meningkatkan pendapatan syarikat dan tidak hanya bergantung kepada pelaburan saham semata-mata.

**JAWAPAN :** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'  
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Tabung Haji (*TH*) sentiasa berusaha untuk meningkatkan pendapatan dengan mempelbagaikan pelaburan di dalam dan luar negara bagi meningkatkan pendapatan *TH*.



Pada masa sekarang pelaburan luar negara THtertumpu kepada aktiviti pelaburan dalam sektor perladangan kelapa sawit dan harta tanah. TH telah membuat pelaburan dalam pembangunan ladang kelapa sawit di Indonesia. Sehingga kini, TH telah menjalankan usahasama dengan rakan kongsi di Indonesia dalam membangunkan ladang kelapa sawit seluas 125,878 hektari Indonesia.

Manakala, pelaburan dalam sektor harta tanah tertumpu kepada pajakan jangka panjang di Kota Mekah, Al Mukarramah dan Madinah, Al Munawwarah di Arab Saudi. Pelaburan di Arab Saudi bertujuan sebagai pelaburan dan kegunaan Jemaah Haji Malaysia. Setakat ini, komitmen pelaburan TH di luar negara telah menjangkau RM1.7 bilion untuk pelaburan harta tanah dan kelapa sawit.

Sekian, terima kasih.



Soalan No : 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]
TARIKH	25 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah melaksanakan keempat-empat resolusi yang diluluskan di perhimpunan besar-besaran pada 25 Mac 2012 di Kajang anjuran Dong Zong (Gabungan Persekutuan Pertubuhan Sekolah-sekolah Cina Malaysia)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memberi ruang kepada Gabungan Persekutuan Pertubuhan Sekolah-sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) untuk menyampaikan empat resolusi tersebut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menangani Isu Kekurangan Guru di SJKC pada 2 April dan 27 April 2012. KPM memang telah meneliti, mengkaji dan mengambil tindakan-tindakan terhadap resolusi yang dikemukakan. Antara tindakan yang telah dilakukan ialah:

- i. Bagi semua guru Opsyen Kajian Sosial dan Pemulihan di SJKC yang tidak mempunyai kelayakan BC di peringkat SPM telahpun ditempatkan ke SK mulai 16 April 2012. Manakala guru opsyen BM dan BI hanya dihantar ke SJKC gred A bagi mengajar subjek berkaitan di tahap 2 (tahun 4 hingga 6) seperti mana yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri.

- ii. Telah merancang Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) bagi guru opsyen asal BC tetapi mengajar BM dan BI lebih dari lima tahun. Kursus ini akan diadakan pada penghujung tahun 2012 (Dalam Cuti Akhir Tahun).
- iii. Latihan perguruan ini memanglah berdasarkan keperluan latihan dan jenis sekolah. Kurikulum dan kandungan latihan perguruan memang dikemaskini mengikut zaman dan keperluan sekolah. Semua 490 orang pelajar PISMP kategori SJKC ambilan Jun tahun ini mempunyai kelayakan BC dalam SPM. Selain pelatih opsyen BM dan BI, semua pelatih IPGM kategori SJKC yang bukan opsyen BC mesti mengambil BC sebagai subjek elektif. Dengan kaedah sedemikian, pastilah IPG akan melahirkan guru SJKC yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan mereka di samping mahir dalam BC yang merupakan bahasa pengantar utama SKJC.
- iv. Mengenai cadangan mengkaji semula Akta Pendidikan untuk memastikan SJKC akan terpelihara di dalam sistem pendidikan kebangsaan, KPM telah mengadakan Dialog Nasional di seluruh negara untuk mengumpulkan semua maklumat berkenaan dasar dan isu pendidikan. KPM memang bersedia mendengar pandangan daripada pelbagai pihak berkenaan kajian semula Akta Pendidikan dan hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan. Dialog Nasional akan tamat pada 14 Julai 2012.

Rjm 82

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin**

**Othman**

**KAWASAN Pendang**

**TARIKH : 25 Jun 2012 (ISNIN)**

**NO. SOALAN :** ^5

**YB Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [ Pendang ]  
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN  
INDUSTRI menyatakan apakah hasil eksport utama  
negara sepanjang 5 tahun lepas serta berapakah hasil  
jumlah eksport tersebut dan sumber bahan eksport  
mengikut negeri-negeri di dalam Malaysia.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh lima tahun lepas iaitu dari 2007-2011 jumlah perdagangan terkumpul Malaysia secara global ialah RM5.77 trilion, dengan eksport berjumlah RM3.15 trilion manakala import adalah RM2.56 trilion. Lebih dagangan yang

dicatatkan dalam tempoh tersebut berjumlah RM591 billion.

2. Hasil eksport utama Negara dalam tempoh lima tahun tersebut adalah:

- (i) produk Elektrik dan Elektronik yang bernilai RM1.23 trilion atau 40.7%;
- (ii) Minvak Sawit Mentah dan Produk Berasaskan Minvak Sawit yang bernilai RM287.1 bilion atau 9.1%;
- (iii) Liquified Natural Gas (LNG) dengan izin yang bernilai RM186.2 bilion atau 5.9%; dan
- (iv) Minvak Petroleum Mentah yang bernilai RM164.9 bilion atau 5.2%.

3. Enam buah negeri telah menyumbang sebanyak RM2.93 trillion atau 93% kepada sumber eksport Malaysia dalam tempoh 2007-2011 iaitu:

- (i) Selangor dengan nilai eksport RM818.8 bilion:
  - (ii) Pulau Pinang dengan RM797.3 billion
  - (iii) Johor dengan RM686.8 billion;
  - (iv) Sarawak dengan RM324.2 billion;
  - (v) Sabah dengan RM177.7 billion; dan
  - (vi) Terengganu dengan RM127.7 billion.



**NO SOALAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)  
LISAN

**PERTANYAAN** 25.06.2012

**TARIKH**

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan butir-butir Perjanjian Tambahan Collaboration dan dua "MOU" yang ditandatangani oleh MAS dan AirAsia selepas pertukaran saham MAS-AirAsia dimansuhkan (unwound) pada 2-5-2012:-

- (a) mengapa perlu dibentuk syarikat usahasama di antara MAS dan AirAsia sedangkan kerjasama collaboration boleh dilaksanakan secara ad hoc untuk objektif tertentu ; dan
- (b) apakah manfaat kepada MAS sedangkan MAS telah lama memiliki Simulator dan Latihan Juruterbang, Bahagian Kejuruteraan yang bertaraf tinggi dan kemudahan-kemudahan aviation lain milik sepenuhnya sejak MAS mula ditubuhkan sedangkan AirAsia/AirAsia X Sdn Bhd tidak memiliki kemudahan tersebut

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, setelah perjanjian pertukaran saham di antara Khazanah Nasional Bhd dan Tune Air Bhd dimansuhkan pada 2 Mei 2012, MAS, AirAsia dan AirAsiaX, telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Tambahan berserta dua Memorandum Persefahaman (MoU) bagi aktiviti perolehan serta perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan pesawat.

Kerjasama ini memberi peluang kepada MAS untuk menyediakan perkhidmatan pada kos yang lebih rendah. Selain itu, MAS berpeluang untuk mendapatkan terma yang lebih baik dalam rundingan perolehan, penjimatan kos modal melalui perkongsian peralatan dan perkhidmatan serta dapat berkongsi dan menjual rizab kapasiti kepada syarikat penerbangan lain.

Kerjasama/kolaborasi perlu diteruskan bagi meningkatkan sinergi perniagaan MAS melalui pengukuhan perkhidmatan dalam pasaran utama, peningkatan kendalian penumpang dan penggunaan sumber secara optimum. Selain itu, Pelan Perniagaan MAS memberi fokus kepada Engineering & Maintenance (M&E) sebagai langkah strategik untuk mengukuhkan potensi Malaysian Aerospace Engineering (MAE) bukan sahaja untuk penyeliaan pesawat malah membangunkan bidang Maintenance, Repair & Overall (MRO). Dengan ini, MAE akan lebih berdaya saing dan mampu mengukuhkan kedudukannya dalam aktiviti industri penerbangan yang semakin mencabardan berkembang pesat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
	[ PARIT SULONG ]
TARIKH	25 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan bilangan bangunan sekolah-sekolah yang diklasifikasikan sebagai tidak

Soalan No : 47

selamat diduduki sejak 2008 dan mekanisme yang digunakan oleh Kementerian dalam memantau dan memastikan bahawa bangunan-bangunan ini dibaikpulih secepat mungkin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat ke atas kebijakan dan keselamatan pelajar dari pelbagai aspek, termasuklah menyediakan bangunan sekolah yang selesa dan selamat untuk digunakan di seluruh negara. Pada masa ini, berdasarkan Laporan Program Audit Fizikal pada akhir tahun 2010, KPM telah memberi tumpuan kepada membaik pulih dan menaiktaraf bangunan yang mengalami kerosakan teruk dari segi struktur atau bukan struktur dan pendawaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pengauditan yang dijalankan, didapati sebanyak 1,806 blok bangunan sekolah mengalami kerosakan teruk dari aspek fizikal, manakala 2,977 blok pula mengalami kerosakan teruk pada sistem pendawaian. Jumlah sekolah yang rosak dari segi fizikal adalah sebanyak 1,077 buah sekolah dan rosak pendawaian sebanyak 1,428 buah sekolah. KPM kini sedang membaik pulih bangunan yang rosak teruk ini supaya selamat didiami secara berperingkat-peringkat.

Rjm 83

**SOALAN NO: 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH

TARIKH: 25JUN2012

SOALAN:

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan agensi Malaysia dan Indonesia yang dipilih untuk melaksanakan pengambilan Pembantu Rumah Asing (PRA) dan nyatakan bilangan PRA dari Indonesia yang dihantar ke Malaysia serta kos dan gaji minima yang dipersetujui.

PR-1252-L49773

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod yang diperolehi oleh pihak Kementerian Sumber Manusia (KSM), terdapat sebanyak 46 Pelaksana Penempatan Tenaga Kerja Indonesia Swasta (PPTKIS) yang telah dilantik oleh pihak Pemerintah Indonesia bagi melaksanakan proses pengambilan dan penempatan Pembantu Rumah Indonesia (PRI) ke Malaysia selepas mendapat Surat Izin Perekrutan (SIP) daripada pihak Pemerintah Indonesia. Di Malaysia, terdapat sebanyak 247

I

Agensi Pekerjaan Swasta (APS) telah dilantik oleh pihak Kerajaan menerusi KSM bagi melaksanakan perkara tersebut.

2. Pada 30 Mei 2012, kumpulan pertama iaitu seramai 29 orang PRI telah sampai ke negara ini selepas selesai menjalani latihan

kompetensi selama 200 jam sebagai salah satu syarat sebelum dibenarkan untuk bekerja di luar negara khususnya di Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Di bawah protokol pindaan MoU 2011 yang ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 31 Mei 2011 yang lalu, struktur kos yang perlu dipatuhi oleh APS ialah sebanyak RM4,511.00 dengan bayaran tambahan sebanyak RM50.00 bagi kos kenaikan levi.

4. Selain itu, penetapan gaji minimum sebanyak RM700.00 sebulan seperti yang diminta oleh pihak Pemerintah Indonesia adalah di luar daripada kesepakatan yang telah dicapai dengan pihak Kerajaan Malaysia. Berdasarkan perbincangan yang telah diadakan menerusi mesyuarat *Joint Task Force* (JTF) di antara kedua-dua negara, tiada kesepakatan terhadap isu tersebut di mana pihak Kerajaan Malaysia menolak cadangan terhadap penetapan gaji minimum pembantu rumah daripada negara berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Malaysia telah bersetuju dengan cadangan bahawa kadar gaji adalah bergantung kepada kuasa pasaran dengan kadar gaji permulaan di antara RM600.00 hingga RM700.00 sebulan.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2012)  
PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
TARIKH 25 JUN 2012  
SOALAN 49

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan usaha- usaha yang dibuat dalam mendedahkan kehebatan Sains & Teknologi Islam dan Asia Tenggara sempena Tahun Sains dan Gerakan Nasional.

## JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa berusaha meningkatkan kesedaran rakyat daripada segenap lapisan dalam menghayati dan membudayakan sains dan inovasi melalui suntikan pemikiran, pengetahuan dan aplikasi. Pendekatan pelaksanaan melalui aktiviti-aktiviti adalah bersifat perkongsian dan menggalakkan aplikasi ilmu sains melalui pameran, pertandingan, bengkel, ceramah dan demonstrasi sains dan inovasi.

Pusat Sains Negara (PSN) telah melaksanakan pelbagai program dan pameran bertaraf antarabangsa yang mendedahkan kehebatan Sains &



Teknologi Islam serta melibatkan penghasilan bahan pameran dan kajian bersama ahli sejarah Islam dari dalam dan luar negara seperti Pameran Islam dan Sains: Kerelevannya Masa Kini, Pameran Kegemilangan Sains dalam Tamadun Islam serta kerjasama dengan Johann Wolfgang Goethe University, Germany untuk mempamerkan hasil kajian saintis Islam.

Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 juga memberi pendedahan terhadap sumbangan dan hasil kejayaan sains dan teknologi Islam dan Asia Tenggara yang sentiasa dijadikan panduan dan contoh untuk merangsang minat serta menambah ilmu melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Sumbangan daripada tokoh-tokoh dahulu serta pencapaian saintis pada masa kini juga dikongsi melalui pameran produk sains dan inovasi serta siri ceramah dan seminar secara berkala sepanjang tahun yang dianjurkan agensi di bawah Kementerian termasuk Akademi Sains Malaysia, PSN.

Untuk memastikan kesinambungan usaha mendedahkan kehebatan Sains & Teknologi Islam, PSN juga telah mengambil inisiatif mewujudkan sudut Islam dan Sains di Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara di Alor Setar, Kedah. Sudut ini mempersembahkan pelbagai maklumat menarik mengenai sumbangan sains dan teknologi Islam terhadap dunia sains melalui persembahan multimedia interaktif, audio visual dan bahan-bahan pameran interaktif.

Selain dari itu, kiosk-kiosk maklumat ahli saintis Islam berbentuk multimedia interaktif untuk tatapan para pengunjung ditempatkan di galeri pameran tetap Pusat Sains Negara.



**SOALAN NO: 50**

**PEMBERITAHUA  
N PERTANYAAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAB LISAN  
DARIPADA DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN  
JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]  
TARIKH 25 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN**

Dato' Seri Mohammad 50 Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ]  
minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN  
KEBUDAYAAN  
menyatakan kenapa ASTRO mengedit (*censor*) pemberitaan dan liputan  
langsung semasa Perhimpunan Bersih 3.0 yang dibuat oleh BBC,  
CNBC, CNN dan Al-Jazeera.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kandungan yang diterima daripada BBC, CNBC, CNN dan Al-Jazeera  
oleh stesen penyiaran Astro adalah terus daripada satelit. Namun begitu,  
kandungan yang disiarkan tetap tertakluk dengan peruntukan Akta  
Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 98) serta Kod Kandungan  
Komunikasi dan Multimedia Malaysia di bawah kawalselia dan  
pemantauan Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan  
Multimedia Malaysia (SKMM).



## **SOALAN NO: 50**

Selain itu, kandungan yang disiarkan juga mesti mematuhi Garis Panduan Penapisan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta kawal selia dan/atau pengecualian yang dibuat di bawahnya. Pemegang lesen juga turut tertakluk undang-undang lain berkaitan yang berkuatkuasa terhadapnya.

Astro berhak menyiaran apa-apa kandungan berita, ulasan, rencana yang sesuai dengan urusan penyiarannya asalkan tidak melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan.

NO. SOALAN : 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
TARIKH	[POKOK SENA] 25.06.2012 (ISNIN)

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan pihak mana atau siapakah yang telah membuat permintaan kepada Menteri di bawah Seksyen 87 Akta Koperasi 1993 supaya Koperasi Permodalan FELDA (KPF) dikecualikan dari pemakaian Seksyen 42 dan Seksyen 43(4) Akta Koperasi 1993.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Permintaan kepada Menteri di bawah Seksyen 87 Akta Koperasi 1993 supaya Koperasi Permodalan FELDA (KPF) dikecualikan dari pemakaian Seksyen 42 dan Seksyen 43(4) Akta Koperasi 1993 dibuat oleh Lembaga KPF kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (KPF). Sehubungan dengan itu, tindakan diambil oleh SKM untuk proses mendapatkan pengecualian Menteri di bawah seksyen 87 Akta Koperasi 1993 bagi mengecualikan KPF daripada pemakaian seksyen 42 dan subseksyen 43(4) Akta yang sama.

NO  
SOALA  
N :

50(52)

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

: Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN  
RADIN (KINABATANGAN)

TARIKH PERT  
ANYA  
AN LISAN

25.06.2012

**Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [ KINABATANGAN ] minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan**

- (a) langkah serta usaha Kerajaan dalam mengurangkan beban tanggungan subsidi ; dan
- (b) langkah untuk membendung ketirisan di kalangan kakitangan di bawah Kementerian dan agensi-agensinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan pemberian subsidi oleh Kerajaan terutamanya ke atas barang petrolem adalah untuk meringankan beban rakyat terutama semasa harga pasaran sebenar petrolem berada pada paras yang tinggi. Menyedari bahawa perubahan harga minyak akan memberi kesan kepada rakyat, Kerajaan akan cuba untuk mengekalkan pemberian subsidi petrolem dengan keupayaan kewangan sedia ada. Bagi tahun 2011, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM20.3 bilion untuk subsidi petrolem berikutan kenaikan harga minyak yang mendadak di pasaran dunia.

2. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, kebijakan rakyat sentiasa diutamakan. Namun, dalam masa yang sama aspek kemampuan kewangan Kerajaan untuk tanggungan subsidi juga perlu diberi perhatian agar ia tidak

menjejaskan sumber pendapatan Kerajaan serta digunakan secara lebih efisien. Justeru, bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah melaksanakan beberapa kali penstruktur semula subsidi petrol dan diesel mulai 16 Julai 2010 dan harga petrol RON97 pula telah diapungkan secara terkawal.

3. Selain itu, sebagai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan subsidi secara lebih efisien, Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan pemberian *super subsidy* kepada 9 jenis pengangkutan darat mulai 1 Jun 2011. Jika sebelum ini harga diesel bersubsidi bagi pengangkutan awam adalah sebanyak RM1.48 seliter, kini harga diesel bersubsidi adalah RM1.80 seliter seperti mana harga jualan runcit. Kenderaan-kenderaan bagi sektor pengangkutan darat yang terlibat adalah antaranya penggerak utama, kargo am dan teksi limosin.

4. Selain daripada sektor pengangkutan darat, sektor nelayan Zon C2 juga telah dimansuhkan *super subsidy* di mana harga diesel bersubsidi selepas rasionalisasi adalah RM1.80 seliter berbanding RM1.25 seliter.

5. Sungguhpun begitu, pada masa yang sama, Kerajaan juga perlu mengimbangi kedudukan kewangan negara untuk menampung perbelanjaan yang besar ke atas subsidi petroleum tanpa menjelaskan sumber pendapatan negara. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan akan berusaha untuk memperkuatkannya mekanisme pemberian subsidi supaya lebih efisien dan efektif supaya memberi penumpuan kepada golongan sasaran yang berpendapatan rendah dan mudah terjejas.

6. Bagi membendung ketirisan di kalangan kakitangan di bawah Kementerian dan agensi-agensinya, pihak pengurusan dan pentadbiran masing-masing perlu memainkan peranan dengan membuat pemeriksaan dan audit buku log kenderaan dan resit pembelian bagi memastikan prosedur yang sepatutnya sentiasa dipatuhi.

**NO SOALAN : 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>YB TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>25 JUN 2012 (ISNIN)</b>

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan;

- (a) Apakah garis panduan dan tahap kelayakan yang dikenakan oleh kerajaan untuk memilih para pegawai yang layak untuk mengendali serta melatih para pelatih kem pusat Khidmat Negara; dan
- (b) Berikan jumlah pegawai-pegawai yang dilantik untuk mengendalikan para pelatih di kem-kem Khidmat Negara mengikut pecahan kaum di negara kita.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Garis panduan yang digunakan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara, Kementerian Pertahanan bagi melantik jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah berdasarkan kepada syarat lantikan yang ditetapkan mengikut Skim Perkhidmatan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan bilangan 4 tahun 2002 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Terdapat 2 Skim perkhidmatan jurulatih di Kem PLKN iaitu Penolong Pegawai Kesatria Gred S27 dan Pembantu Kesatria Gred S17. Secara umumnya, syarat-syarat lantikan bagi kedua-dua skim perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

**Penolong Pegawai Kesatria Gred S27 (Jurulatih *Multiskill*)**

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
- iii. Memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau Diploma dalam pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- iv. Bekas Inspektor Polis Diraja Malaysia dan Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; dan
- v. Kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya bagi calon di perenggan iii sahaja.

**Pembantu Kesatria Gred S17 (Jurulatih Fizikal)**

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
- iii. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- iv. Bekas anggota Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia yang berpangkat Koperal dan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; dan
- v. Kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya bagi calon di perenggan iii sahaja.

Bilangan jurulatih PLKN yang dilantik di Kem-kem PLKN seluruh Negara mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

BIL	BANGSA/KAUM	JURULATIH		JUMLAH
		S27	S17	
1	MELAYU	1241	1275	2516
2	BUMIPUTERA SARAWAK	116	84	200
3	BUMIPUTERA SABAH	126	56	182
4	CINA	10	12	22
5	INDIA	17	28	45
	JUMLAH	1510	1455	2965



<  
g  
>

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHAMAD BIN HAJI AZIZ [ SRI GADING ]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 25.06.2012

Y.B. DATUK HAJI MOHAMAD BIN HAJI AZIZ [ SRI GADING ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah penerima dan jumlah keseluruhan peruntukan kewangan bagi program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) mengikut pecahan negeri sehingga bulan Mei 2012.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RM3.000 dan ke bawah. Pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Dalam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.

2. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran. Manakala pengagihan baucar BR1M telah bermula pada 15 Januari 2012 sehingga 15 Mei 2012. Walau bagaimanapun, tempoh sah laku baucar BR1M telah dilanjutkan sehingga 31 Julai 2012 memandangkan masih terdapat sebilangan kecil penerima yang masih belum lagi menerima baucar.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 5.0 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.3 juta atau hampir 86.4% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelulusan rayuan dan juga kelulusan kategori khas yang merangkumi penerima bantuan E-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 682 ribu atau 13.6% daripada keseluruhan pemohonan. Program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.3 juta isirumah atau 66% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, definisi isi rumah bagi BR1M adalah berbeza berbanding dengan definisi isi rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Ini adalah untuk memastikan lebih ramai keluarga yang dapat menerima bantuan BR1M. Bagi tujuan BR1M, definisi ketua isi rumah adalah seorang lelaki atau wanita yang menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah atau ketua keluarga. Ini merangkumi individu yang sudah berkahwin termasuk anak yang berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa, ibu atau bapa tunggal yang

mempunyai tanggungan, bujang yang mempunyai tanggungan dan warga emas sebatang kara. Oleh yang demikian, semasa merangka program BR1M, adalah dianggarkan sebanyak 5.2 juta isi rumah atau 79.5% keluarga layak memohon BR1M.

5. Bagi negeri Sabah, sebanyak 477,200 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 408,927 atau 85.7% permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM204,463,500. Manakala, bagi negeri Sarawak, permohonan yang diterima adalah sebanyak 561,743 di mana 82.5% atau 463,237 permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM231,618,500. Secara keseluruhan jumlah kelulusan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Kelulusan	Peratus Lulus Keseluruhan
Selangor	530,977	12.71%
Johor	466,367	11.17%
Sarawak	463,237	11.09%
Perak	429,231	10.28%
Sabah	408,927	9.79%
Kedah	363,139	8.69%
Kelantan	303,579	7.27%
Pulau Pinang	244,846	5.86%
Pahang	229,660	5.50%
Terengganu	199,918	4.79%
N.Sembilan	168,700	4.04%
Kuala Lumpur	166,362	3.98%
Melaka	134,904	3.23%
Perlis	50,132	1.20%
Labuan	11,608	0.28%
Putrajaya	4,835	0.12%
<b>Jumlah</b>	<b>4,176,422</b>	<b>100.00%</b>

Untuk makluman, jumlah tersebut tidak termasuk jumlah kelulusan bagi

kategori orang asli dan penerima bantuan JKM yang berjumlah sebanyak 159,810 penerima.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekuahan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]**

**TARIKH                    25 Jun 2012**

**SOALAN**

Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta Perdana Menteri menyatakan secara terperinci nama, bidang kuasa, penggerusi dan ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa kabinet sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini terdapat 52 Jawatankuasa Kabinet (JKK) yang masih berkuat

kuasa iaitu sebanyak 18 JKK dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, sebanyak 18 JKK dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan sebanyak 16 JKK dipengerusikan YB Menteri yang berkaitan.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Kerajaan supaya isu tertentu diberi fokus secara khusus dan dibincangkan dengan terperinci cara untuk menanganinya. Ahli kepada JKK turut terdiri daripada pihak swasta, wakil pertubuhan bukan Kerajaan dan ahli akademik untuk bersama-sama memberi pandangan mengenai sesuatu isu.

Bidang kuasa sesuatu JKK adalah tertakluk kepada tujuan penubuhannya dalam menangani atau menyelesaikan sesuatu isu misalnya inflasi, modal insan, masalah dadah, masalah pendatang asing tanpa izin, keselamatan jalan raya, biodiversiti, pembangunan sukan dan pelancongan negara.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO. 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB. DATO' SRI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM**

**[BAYAN BARU]**

**TARIKH 25 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI**

**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan tindakan Kerajaan terhadap individu-individu dan pertubuhan-

pertubuhan yang mengamal dan menyokong kegiatan-kegiatan seksual luar

tabii [*Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender (LGBT)*].

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kerajaan sentiasa prihatin terhadap isu sosial yang timbul dalam masyarakat, termasuk isu seks luar tabii atau lebih dikenali sebagai *lesbian, gay, biseksual, transgender* (LGBT). Dalam menangani isu ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengamalkan pendekatan sinergi pelbagai sektor dalam melaksanakan program pembangunan sosial berteraskan nilai-nilai murni untuk membantu mereka yang bermasalah dan memerlukan bantuan.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh KPWKM dalam menangani isu LGBT ini adalah seperti berikut:

- (i) penubuhan Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS) di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur. Pusat ini diwujudkan pada bulan Ogos 2007 bagi membantu tiga golongan iaitu mak nyah (*transgender*), pekerja seks wanita dan mereka yang berisiko dijangkiti dan menjangkiti HIV/AIDS.

Program ini dijalankan secara perkongsian bijak dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan. PBKS menyediakan tempat persinggahan (*drop-in centre*) serta program pendampingan sosial (*social outreach programme*) kepada kumpulan sasarnya. Antara aktiviti yang dijalankan oleh PBKS adalah kaunseling, pendidikan agama, latihan kemahiran, rawatan kesihatan, penjagaan diri dan khidmat sokongan seperti rujukan kepada agensi-agensi berkaitan misalnya Jabatan Kebajikan Masyarakat, Baitulmal/Pusat Zakat dan hospital bagi mendapatkan bantuan kewangan dan rawatan kesihatan.

Pada tahun 2011, program pendampingan sosial yang dijalankan oleh pusat ini mencatatkan sebanyak 18,332 kehadiran manakala melalui perkhidmatan pusat persinggahan pula merekodkan kehadiran sebanyak 2,196.

KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut menjalankan pelbagai program dan kursus, antaranya Kaunseling Keluarga, Program Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial (PKRS), Kafe@TEEN dan Ilmu

Keluarga@LPPKN. Program-program ini merupakan usaha KPWKM untuk mengukuhkan institusi keluarga serta mendidik ahli keluarga menjadi lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan peranan mereka sebagai ibu bapa dan anak-anak. Program ini secara tidak langsung dapat membantu menghindarkan diri mereka daripada terjebak dalam amalan LGBT.

- (iii) LPPKN turut membangunkan Modul Kesejahteraan Keluarga berhubung pendidikan kesihatan reproduktif sosial (PKRS). Antara aspek yang diliputi dalam modul ini ialah mengenai seksualiti iaitu nilai dan tanggungjawab seksual bagi seseorang individu. Aspek ini menekankan bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Selain itu PKRS telah diintegrasikan ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak bulan Jun 2011 di 84 buah kem PLKN. Sehingga Mac 2012, seramai 84,376 orang pelatih PLKN di seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. Bagi tahun 2012, lebih kurang 100,000 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan.
- (iv) KPWKM juga telah memperkenalkan pusat Kafe@TEEN mulai bulan

November 2005. Pusat ini disasarkan kepada remaja yang berumur antara 13 hingga 24 tahun, bertujuan memberikan maklumat berkaitan isu psikososial, kemahiran hidup, nasihat klinikal, kaunseling keluarga serta konsultasi orientasi seksual (kaunseling perhubungan antara jantina). Melalui program ini, remaja berpeluang mendapat bimbingan dan nasihat dari doktor dan kaunselor terlatih yang ditempatkan di pusat ini. KPWKM mempunyai enam buah Pusat Remaja Kafe@TEEN iaitu dua di Kuala Lumpur, dua di Pulau Pinang, satu di Negeri Sembilan dan satu di Kelantan. Bagi tempoh bulan November 2005 hingga bulan Disember 2011 seramai 278,556 orang remaja telah didekati melalui 4,886 program / aktiviti pendampingan sosial yang dijalankan.

- (v) Kekuahan institusi keluarga merupakan benteng dan asas kekuatan masyarakat dalam menghadapi isu LGBT. Menyedari hal ini, KPWKM telah memperkenalkan program Ilmu Keluarga@LPPKN bermula pada tahun 2002. Program ini merupakan kursus pembangunan keluarga untuk meningkatkan kemahiran keibubapaan, persediaan perkahwinan, pemantapan institusi keluarga serta pembangunan remaja dengan menekankan kepada *resilien* remaja dalam mengharungi cabaran. Kursus ini dijalankan setiap bulan

di semua negeri. Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Disember 2011, sejumlah 6,753 kursus telah dijalankan dengan penyertaan 728,675 orang peserta.

(vi) Kemahiran ibu bapa membahagikan masa antara pekerjaan dan tanggungjawab keluarga amat penting dalam melahirkan suasana keluarga yang harmoni dan sihat. Suasana keluarga yang harmoni mempengaruhi kestabilan emosi anak-anak sehingga mereka terhindar dari sebarang bentuk gejala sosial. Menyedari perkara ini, KPWKM melaksanakan program *Parenting@Work* dikhkususkan kepada ibu bapa yang bekerja sama ada di sektor awam atau swasta. Program ini bermula pada tahun 2007 dengan matlamat membantu ibu bapa mengimbangi tanggungjawab kerja dan keluarga. Antara aspek yang diliputi di dalam program ini

adalah cara gaya keibubapaan kreatif dan pengurusan konflik agar ibu bapa berupaya mengendalikan anak remaja mereka.

Sejak tahun 2007 hingga bulan April 2012, sejumlah 475 program telah dilaksanakan oleh LPPKN di pejabat Kerajaan, sektor swasta dan NGO, melibatkan penyertaan 20,662 orang ibu bapa.

Selain kerajaan, peranan aktif semua pihak seperti ibu bapa, institusi keagamaan, NGO dan sebagainya amatlah penting dalam menangani isu LGBT ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

TARIKH : 25 JUN 2012 (ISNIN)

DARIPADA: Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]

**SOALAN**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**  
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
menyatakan usaha Kerajaan untuk menangani masalah kesesakan penduduk di perumahan flat agar setiap satu keluarga memiliki satu rumah serta berapakah jumlah keluarga yang masih tidak memiliki rumah sendiri di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, spesifikasi minimum Rumah Kos

Rendah (RKR) adalah berkeluasan 650 kaki persegi serta mempunyai tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air, ruang tamu dan ruang dapur. Bagi projek-projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jumlah keluasan ini juga telah ditambah kepada 700 kaki persegi bagi projek-projek yang dibina selepas tahun 2008 dengan tujuan memastikan keselesaan penghuni-penghuni di PPR yang berkenaan.

Setiap keluarga yang berkelayakan akan diperuntukkan sebuah rumah bagi menjamin keselesaan penghuni rumah PPR berkenaan. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) keluarga di dalam sesebuah rumah, maka keluarga berkenaan boleh memohon bagi menyewa rumah PPR jika memenuhi kriteria iaitu mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM2.500 sebulan.



Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengambil berat mengenai keperluan perumahan sebagai satu keperluan asas untuk semua golongan rakyat. Perkara ini juga dinyatakan dengan jelas di dalam Dasar Perumahan Negara (DRN) yang telah dilancarkan pada tahun 2011. Selain itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Kerajaan telah mensasarkan untuk membina sebanyak 161,000 unit rumah kos rendah dan mampu milik. Ia merangkumi 78,000 unit yang dibina oleh Kerajaan termasuk rumah di bawah projek PPR dan sebanyak 83,000 unit lagi dibina oleh pemaju swasta khususnya bagi memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah.

Selain itu, harga jualan rumah kos rendah juga telah ditetapkan pada harga RM42,000.00 bagi Semenanjung Malaysia dan RM50,400.00 bagi Sabah dan Sarawak. Harga ini juga telah dikekalkan semenjak tahun 1999 dengan tujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah melancarkan

beberapa pendekatan untuk memastikan semua rakyat memiliki rumah antaranya melalui pelaksanaan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) oleh Kementerian saya kepada golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah di atas tanah sendiri, Program Bantuan Rumah (PBR) kepada golongan miskin oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Program Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Program Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) bagi menyediakan perumahan kepada golongan berpendapatan sederhana dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) bagi membantu rakyat membeli rumah pertama mereka dengan mendapatkan pembiayaan 100%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada data rasmi yang dikeluarkan bagi menyatakan jumlah keluarga yang masih tidak memiliki rumah di seluruh negara.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2012

NO. SOALAN : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]
TARIKH	25.06.2012 (ISNIN)

TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan berapakah jumlah 'patent filing' diberikan setiap tahun sejak 2000 hingga kini. Apakah pecahannya mengikut sektor industri, negeri dan jelaskan kriteria pemilihan yang diguna pakai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, jumlah permohonan paten (*patent filing*) sejak tahun 2000 hingga 31 Mei 2012 adalah sebanyak 67,991. Pecahan permohonan adalah seperti berikut:

Tahun	Permohonan
2000	6,227
2001	5,934
2002	4,937
2003	5,062
2004	5,442

2005	6,286
2006	4,800
2007	2,372
2008	5,403
2009	5,737
2010	6,464
2011	6,559
2012 (31 Mei)	2,768
JUMLAH	67,991

- (ii) Pecahan bagi pendaftaran paten (*granted patent*) dibuat mengikut bidang teknologi yang mana kriteria yang digunakan adalah mengikut standard antarabangsa iaitu *International Patent Classification (IPC)* yang diperakukan oleh *World Intellectual Property Organization (WIPO)*. Pecahan pendaftaran (*granted patent*) mengikut IPC adalah seperti berikut:

Bidang/ Tahun	Kimia, Logam	Elektrik	Pelaksanaan Operasi	Keperluan Manusia	Fizik	Kejuruteraan mekanikal	Binaan Tetap	Tekstil, kertas
2000	110	70	59	61	36	42	19	8
2001	288	399	233	155	231	102	44	18
2002	334	323	236	206	228	104	42	19
2003	396	341	242	224	190	119	38	28
2004	625	492	377	325	321	132	50	25
2005	600	531	452	333	316	164	82	30
2006	1275	1583	1155	948	1042	448	197	101
2007	1748	1223	1213	1179	883	407	221	109
2008	451	364	421	423	293	159	98	33
2009	837	497	633	656	488	185	119	53
2010	599	328	390	364	274	125	75	22

2011	693	366	402	404	283	126	90	28
2012 (31 Mei)	277	108	109	144	97	27	21	10
Jumlah	8,233	6,625	5,922	5,422	4,68 2	2,140	1,097	484
Peratus 100%	24%	19%	17%	16%	14%	6%	3%	1%
Jumlah Besar					34,604			

(iii) Pecahan bagi permohonan paten mengikut negara adalah seperti berikut

Negara/ Tahun	USA	Jepun	Malaysia	Jerman	Switzerland	Perancis	UK	Belanda	Lain-lain
2000	2203	1278	206	542	204	199	324	180	1091
2001	1931	1287	271	588	269	152	222	227	987
2002	1538	898	322	439	234	241	247	199	819
2003	1546	863	376	490	256	209	254	133	935
2004	1676	858	522	404	316	244	174	168	1080
2005	2110	1081	522	398	334	268	252	230	1091
2006	1369	632	531	323	239	216	187	275	1028
2007	526	362	670	67	86	33	72	22	534
2008	1447	746	864	355	257	140	237	289	1068
2009	1474	749	1234	375	265	203	237	182	1018
2010	1700	877	1275	441	297	227	246	162	1239
2011	1605	945	1136	508	315	300	291	184	1275
2012(31 Mei)	733	466	415	211	122	109	102	69	541
Jumlah	19,85 8	11,04 2	8,344	5,141	3,194	2,541	2,84 5	2,320	12,70 6
Peratus 100%	29%	16%	12%	8%	5%	4%	4%	3%	19%
Jumlah Besar					67,991				

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI

**SOALAN NO: 59**  
**LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI  
[BATANG SADONG]

**TARIKH** 25 JUN 2012

**SOALAN**

Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pesakit-pesakit buah pinggang yang tinggal di luar bandar sentiasa mendapat perubatan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua

Kerajaan memang prihatin dengan keperluan perubatan pesakit buah pinggang dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan rawatan dialisis untuk pesakit buah pinggang serta menyediakan perkhidmatan hemodialisis yang bermutu tinggi kepada pesakit-pesakit yang tinggal di kawasan luar bandar selain dari kawasan bandar.

Perkhidmatan dialisis di Malaysia disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak swasta, Badan Badan Bukan Kerajaan (NGO), Kementerian Pengajian Tinggi (Hospital Universiti) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Terdapat 2 jenis dialisis iaitu hemodialisis (HD) dan peritoneal dialisis (PD). HD menggunakan kaedah pencucian darah

yang memerlukan alat khas yang bertindak sebagai penapis dan hanya boleh dilakukan difasiliti-fasiliti tertentu (statik). Manakala PD pula menggunakan kaedah pencucian melalui penapisan dalam perut pesakit sendiri yang boleh dilakukan di rumah.

Sehingga Disember 2011, terdapat 678 pusat dialisis di seluruh Malaysia yang terdiri daripada 352 (51.9%) pusat rawatan dialisis swasta, 164 (24.2%) hospital kerajaan, 143 (21.1%) pusat rawatan dialisis NGO, sebanyak 8 buah (1.2%) oleh hospital ATM dan 11 (1.6%) oleh hospital universiti. Daripada 678 pusat dialisis berkenaan, 639 menyediakan perkhidmatan hemodialisis dan 39 menyediakan perkhidmatan peritoneal dialisis. (Sumber; *19th Report of the Malaysian Dialysis and Transplant Registry, 2011 (Preliminary Report)*)

Bagi memudahkan pesakit-pesakit buah pinggang memperolehi rawatan dialisis, khususnya mereka dari kawasan luar bandar, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperluaskan perkhidmatan dialisis ke hampir semua hospital di Malaysia. Perkhidmatan dialisis akan diperluaskan sehingga semua hospital KKM menyediakan perkhidmatan tersebut.

Bagi kawasan luar bandar yang tiada hospital, pihak KKM akan mempertimbangkan perkhidmatan hemodialisis bagi kawasan berkenaan dengan perancangan rapi untuk memastikan perkhidmatan berkenaan disediakan bagi menambahkan akses kepada rakyat di kawasan pendalam dan mengurangkan waktu menunggu. Buat permulaan, sebuah unit hemodialisis akan dibuka masing-masing satu (1) di Klinik Kesihatan Kodiang, Kedah dan Klinik Kesihatan Simpang Renggam, Johor dan dijangka mula beroperasi pada penghujung tahun ini.

Kementerian Kesihatan juga turut menggalakkan penggunaan kaedah PD yang boleh dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri.

Kerajaan juga menggalakkan badan-badan bukan Kerajaan untuk

menubuhkan pusat-pusat hemodialisis. Mereka boleh memohon bantuan kewangan (*capital grant*) untuk penubuhan pusat hemodialisis baru atau menaiktaraf pusat dialisis sedia ada. Bantuan kewangan ini adalah untuk pembelian peralatan perubatan dan kelengkapan yang bukan perubatan yang berkaitan dengan rawatan pesakit.

Kerajaan juga memberi bantuan subsidi bagi kos rawatan hemodialisis sebanyak RM50.00 per sesi kepada setiap pesakit miskin yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis badan bukan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.06.2012**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah rakyat yang mendapat manfaat daripada Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah. Apakah syarat kelayakan bagi menyertai skim tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Khas Perumahan

Kos Rendah telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2012 bagi membantu pembeli-pembeli mendapatkan sumber pembiayaan untuk membeli rumah-rumah Penjualan Rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan Sdn.Bhd. (SPWP).

2. Fasa pertama skim pembiayaan ini melibatkan lebih kurang 6,789 bakal pembeli PPR MTEN dan perumahan awam DBKL. Fasa kedua akan melibatkan lebih kurang 10,000 penyewa yang akan diberikan surat persetujuan memilih Skim Pembiayaan ini mulai 2 Julai 2012. Sehingga 21 Jun 2012, seramai 4,466 penyewa bersetuju menerima tawaran skim pembiayaan khas. Senarai 4,194 permohonan telah dihantar oleh DBKL kepada SPWP. SPWP akan mengeluarkan surat tawaran kepada penyewa yang bersetuju untuk memilih skim ini. Syarat kelayakan skim ini adalah seperti berikut:

- (i) penyewa yang telah ditawarkan pembelian rumah oleh DBKL; dan (ii) tidak diisytiharkan muflis.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perumahan Kos Rendah yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) adalah sebanyak 6,795 unit rumah di dalam 18 buah projek perumahan. Skim ini memberi manfaat kepada 6,795 keluarga yang membeli rumah-rumah tersebut berdasarkan harga jualan yang murah iaitu di antara RM35,000 ke RM42,000 berbanding harga pasaran sebenar. Syarat kelayakan asas bagi di bawah SPNB adalah seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia berumur di atas 18 tahun;
- (ii) pendapatan bulanan isi rumah (berkahwin/bujang) tidak melebihi RM2,500.00 sebulan; dan
- (iii) tidak memiliki sebarang jenis rumah;

4. Manakala, Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah bagi pekerja-

**NO SOALAN :60**

pekerja estet pula menawarkan pembiayaan perumahan secara Islamik dan Konvesional bagi membeli rumah kos rendah di ladang atau kebun getah, kelapa sawit, buah-buahan dan lain-lain. Pinjaman/pembiayaan kepada pemilik-pemilik harta tanah adalah antara RM25.000 hingga RM60.000 dengan kadar faedah maksimum empat (4) peratus serta tempoh pinjaman antara lima (5) tahun hingga 40 tahun. Mereka yang layak untuk memohon skim ini ialah:

- (i) warganegara Malaysia berumur 21 tahun sehingga 55 tahun semasa memohon dan tidak melebihi 65 tahun semasa tamat tempoh bayaran;
- (ii) bekerja di estet sekurang-kurangnya selama 10 tahun dan mempunyai keupayaan membayar balik pinjaman/ pembiayaan;
- (iii) berjawatan tetap dan mempunyai pendapatan



NO. SOALAN: 61

tetap dan tidak termasuk pekerja-pekerja Kontrak estet  
dan pesara;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

(iv) pembelian rumah melalui Setiausaha Kerajaan

Negeri;

(v) b  
erpendapatan sekurang-kurangnya RM680 sebulan;  
atau jumlah pendapatan isi rumah bulanan tidak  
melebihi RM3,000 sebulan;

(vi) b  
ayaran balik tidak melebihi 70% daripada pendapatan isi  
rumah;

(vii) masih belum mengambil pinjaman/pembentangan  
perumahan dengan lain-lain Institusi Kewangan; dan

(viii) rumah boleh dibeli di mana-mana  
Kawasan/Daerah/Negeri.

5. Sejak dilancarkan pada tahun 2011 hingga 31 Mei 2012 sebanyak 10  
permohonan berjumlah RM355,000 telah diluluskan.

Bil	Projek Perumahan	Bilangan Permohonan Diluluskan
i.	Taman Medan Jaya,Kota Tinggi, Johor	7
ii.	Taman Permai, Segamat, Johor	3

**PERTANYAAN**                   **LISAN**  
**DARIPADA**                   **YB TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**  
**TARIKH**                      **25 JUN 2012**

## SOALAN

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos penjualan tanah pengkalan udara TUDM Sungai Besi sekaki persegi dengan menyatakan sama ada tender terbuka dijalankan, keluasan tanah, kos penjualan keseluruhan dan butiran syarikat yang berjaya.

## JAWAPAN

Hak milik tanah Lapangan Terbang Lama Sungai Besi telah dipindah milik dari pemilik sebelumnya, ia itu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada 1MDB. Ianya adalah suatu projek Kerajaan yang didukung oleh sebuah syarikat milik penuh Kerajaan.

Sebagai sebuah syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan, 1MDB telah diberi mandat sebagai Pemaju Induk bagi projek pembangunan semula Sungai Besi. Ini termasuk memiliki tanah pembangunan tersebut serta menerajui, merancang, melaksana dan menguruskan pembangunan.

Namun pemilik muktamad projek Pembangunan Semula Sungai Besi yang berukuran lebih kurang 495 ekar itu masih lagi Kerajaan Malaysia. Ini bukanlah transaksi antara pihak awam dan swasta.

Perlu difahami juga yang transaksi tanah di Sg Besi melibatkan bukan sahaja pemindah milik tanah, tetapi ia melibatkan juga pemindahan, pembinaan kem-kem baru di lapan lokasi dan penempatan semula kem Sg Besi di kesemua lokasi tersebut.

NO. SOALAN:61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Jumlah kos untuk perkara-perkara yang disebutkan tadi, sebanyak RM2.718 bilion, dikongsi bersama di antara 1MDB dan Kerajaan. 1MDB akan menanggung RM1.6 bilion daripada jumlah kos relokasi Tentera Udara DiRaja Malaysia dan Pangkalan Gerakan Udara Polis DiRaja Malaysia.

Ini termasuk juga kos pembelian tapak-tapak baru, kos pemindahan peralatan dan kos pembangunan kemudahan baru. Pihak kerajaan pula akan menanggung RM1.17 bilion daripada kos ini.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

<b>BERPANDAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
	TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
<b>TARIKH</b>	25 JUN 2012 (ISNIN)
<b>SOALAN</b>	
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah pelajar institusi pengajian tinggi awam (mengikut universiti) yang ditangkap kerana terlibat dengan aktiviti pelacuran dan nyatakan langkah-langkah kementerian untuk mencegahnya.	NO 62

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data dan maklumat di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), sehingga kini tiada kes pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ditangkap kerana melacur. KPT melalui IPTA sentiasa memantau pergerakan pelajar bagi mengatasi apa jua kes perlanggaran disiplin termasuk kes melacur diri. Pihak Kementerian telah melaksanakan langkah pencegahan seperti berikut:

- i. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang/peraturan disiplin pelajar di semua IPTA;

- ii. Melaksanakan program-program pembangunan pelajar berasaskan 8 teras utama yang diadakan oleh KPT yang merangkumi Teras Kesukarelawan; Teras Sukan dan Teras Pengucapan Awam; Teras Kebudayaan; Teras Keusahawanan; Teras ~~Inovasi, Teras Kehormat Komuniti dan Teras~~ Komunikasi;
- iii. Melaksanakan program khusus bagi mencegah masalah sosial pelajar seperti:
  - a) Mengadakan aktiviti yang bercorak keagamaan, kaunseling dan kemasyarakatan melalui Pusat Islam dan persatuan-persatuan pelajar;
  - b) Mengadakan kuliah ilmu;
  - c) Mengadakan forum dan ceramah;
  - d) Mengadakan kempen kesedaran HIV-Aids;
  - e) Mengadakan program cara hidup sihat anjuran Pusat Sejahtera Pelajar;
  - f) Menjalankan program Mentor Rakan Sebaya; dan
  - g) Melaksanakan pemantauan keselamatan yang berterusan termasuk yang melibatkan pergerakan pelajar, pemantauan media sosial dan pemantauan melalui rakan sebaya.

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]
TARIKH	25 JUN 2012
SOALAN:	

Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan mengapakah tidak ada langsung lesen yang di keluarkan untuk sekolah swasta bahasa Cina dalam negeri Pahang sedangkan Persatuan Pendidik Dong Zong telah lama memohon lesen tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah institusi pendidikan adalah berdasarkan peruntukan perundangan iaitu Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Oleh itu, permohonan membuka sekolah menengah swasta Cina di negeri Pahang akan diteliti berdasarkan peruntukan di bawah akta berkenaan.

Rjm 77



**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN OEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI CHE UDA BIN  
CHE NIK (SIK)**

**TARIKH : 25.6.2012 (ISNIN)**

**SOALAN : 6#>**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan status pembinaan jalan raya dari Teloik Timur ke Merbau Kudung Batu Lima Sik. Sejauh manakah ia telah berjalan kerana ikut jadual ia akan bermula pada awal **2012.**



**JAWAPAN :**

Tuan Yang dhPertua,

Untuk makluman YB Tuan, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek Membina Jalan Merbau Kudung / Felda Teloi Timur, Sik, Kedah di bawah Rolling Plan Kedua RMKelo dengan peruntukan berjumlah RM50 juta. Status terkini projek ini dalam proses perolehan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Ibu Pejabat dan dijangka dapat dimulakan pada September 2012.

**SOALAN NO: 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN**

**CHARLES ANTHONY A/L**

R.

SANTIAGO TARIKH: 25

JUN 2012

SOALAN:

Tuan Charles Anthony a/l R.Santiago [ Klang ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kerajaan telah membuat satu penilaian atau evaluation mengenai implementasi gaji minima untuk pengawal keselamatan (security guards). Apakah 'lessons learnt' yang boleh digunakan dalam implementasi gaji minima dalam sektor-sektor yang lain.

PR-1252-L50397

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia telah membuat penilaian pelaksanaan gaji minimum dalam sektor pengawal keselamatan melalui sesi rundingan. Misalnya, mesyuarat khas bagi membincangkan pelaksanaan gaji minimum bersama Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) pada 25 April 2012, PPKKM memaklumkan bahawa



sebanyak 40% kos upah adalah bagi tujuan pembayaran gaji kepada Pengawal Keselamatan dan 60% adalah bagi pembayaran gaji kakitangan sokongan. Selain itu, Kementerian dimaklumkan bahawa kos pembayaran gaji bergantung kepada amaun kontrak di antara syarikat pengawal keselamatan dan pelanggan yang biasanya dibuat bagi tempoh di antara 1 hingga 3 tahun. Syarikat-syarikat pengawal keselamatan akan menghadapi masalah membayar gaji minimum sekiranya kontrak perkhidmatan tidak dikaji semula. Oleh itu, pengalaman pelaksanaan gaji minimum dalam sektor pengawal keselamatan tidak sesuai dijadikan contoh bagi sektor-sektor lain yang mana struktur upah dan model perniagaan adalah berbeza.

2. Bagi membantu sektor kawalan keselamatan menangani masalah yang akan dihadapi berkaitan dengan pelaksanaan gaji minimum, Kementerian akan meneruskan perbincangan dengan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia setelah Perintah Gaji Minimum diwartakan. Masalah ini tidak dihadapi oleh sektor-sektor selain industri khidmat kawalan keselamatan dan juga perkhidmatan penyelenggaraan.

NO. SOALAN

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN  
TARIKH OSMAN [ LIPIS ]  
25.06.2012 (ISNIN)  
DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [ LIPIS ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN  
menyatakan setakat mana sambutan diberikan sejak diperkenalkan  
Program Menu Rakyat 1 Malaysia (MR1M) dan berapakah jumlah kedai  
makanan dan restoran terlibat dengan MR1M di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Program Menu Rakyat 1 Malaysia merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan di samping berusaha membantu mengurangkan beban rakyat. Program ini dijalankan dengan kerjasama antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama pengusaha premis makanan dan telah dilancarkan pada 7 Julai 2011 dengan jumlah penyertaan sebanyak 611 buah premis makanan.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan sehingga 1 Jun 2012 sebanyak 2,179 penyertaan telah diterima dari seluruh negara. Pecahan penyertaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	JUMLAH
1.	JOHOR	70
2.	MELAKA	96
3.	NEGERI SEMBILAN	62
4.	SELANGOR	268
5.	WP KUALA LUMPUR	243
6.	PERAK	313
7.	PULAU PINANG	142
8.	KEDAH	226
9.	PERLIS	37
10.	KELANTAN	101
11.	TERENGGANU	151
12.	PAHANG	233
13.	SABAH	61
14.	SARAWAK	149
15.	WP LABUAN	14
16.	WP PUTRAJAYA	13
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>2179</b>

KPDNKK tidak berkompromi bagi kualiti makanan dan keadaan premis yang menyertai MR1M. Oleh yang demikian, KPDNKK melalui pejabat-pejabat dan cawangan-cawangan di seluruh negara sering mengadakan pemantauan secara berkala ke atas premis-premis tersebut. Di samping itu, maklum balas daripada pelanggan juga adalah amat positif dan berpuas hati dengan harga makanan yang ditawarkan.

NO. SO ALAN: 67

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

\*

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH**  
**TARIKH : 25 JUN 2012 (ISNIN)**  
**SOALAN :**

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan Penasihat Undang-Undang Negeri yang bukan Melayu di negara ini.**

**JAWAPAN:      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
                        MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, tidak ada Penasihat Undang-Undang Negeri di Semenanjung Malaysia yang berbangsa bukan Melayu.

Sekian. Terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF  
TARIKH 25 JUN 2012 (ISNIN)  
SOALAN NO. 68

Tuan Mohd Yusmadl Bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan status dan jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk pembangunan Kolej Komuniti di Parlimen Balik Pulau.

### JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesuatu sesuatu Institusi Pengajian Tinggi sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Politeknik mahupun Kolej Komuniti perlu mengambilkira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan terus berusaha untuk meningkatkan akses di pelbagai peringkat pengajian termasuk pengajian di kolej komuniti. Pada masa ini, Kementerian tiada cadangan untuk menubuhkan kolej komuniti di Parlimen Balik Pulau. Di Pulau Pinang telah terdapat 3 (tiga) buah Kolej Komuniti Induk dan 3 (tiga) buah Kolej

Komuniti Cawangan iaitu Kolej Komuniti Kepala Batas; Kolej Komuniti Bayan Baru; Kolej Komuniti Seberang Jaya; Kolej Komuniti Cawangan Bukit Mertajam; Kolej Komuniti Cawangan Nibong Tebal dan Kolej Komuniti Cawangan Tasek Gelugor.

Kolej Komuniti sedia ada mampu memberi peluang pendidikan dan latihan kepada para lepasan sekolah menengah di Pulau Pinang yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke Institusi Pendidikan Tinggi yang lain. Malahan terdapat kolej komuniti tersebut masih beroperasi di bawah kapasiti bilangan pelajar yang sebenar, umpamanya Kolej Komuniti Bayan Baru mempunyai keupayaan kapasiti menampung bilangan pelajar seramai 360 orang, namun enrolmen semasa pelajar pada Mei 2012 adalah hanya seramai 47 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI**

**(KUALA NERUS)**

**TARIKH 25 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN**

YB Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri (Kuala Nerus) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik mengenai golongan gelandangan dalam tempoh 5 tahun dan apakah faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku dan apakah langkah penyelesaiannya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan isu golongan gelandangan (*homeless*). Bagi menangani isu tersebut KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamat di seluruh negara di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977.

JKM menggunakan 3 kaedah operasi utama dalam tindakan menangani isu golongan gelandangan yang berkeliaran di tempat-tempat awam seperti berikut:

a. Operasi Bersepadu

Operasi ini dilakukan secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi penguat kuasa seperti Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Pendaftaran Negara.



b. Operasi Berjadual / Berkala

Operasi ini dilakukan secara berjadual / berkala oleh JKM di kawasan-kawasan yang didapati menjadi tumpuan pengemis dan golongan gelandangan.

c. Operasi Aduan

Operasi ini dilakukan apabila terdapat aduan awam, misalnya melalui aduan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, atau menerusi Talian Nur 15999.

Tanggungjawab menangani isu golongan gelandangan yang dilaksanakan oleh JKM mendapat kerjasama yang baik daripada pelbagai agensi penguasa. Statistik golongan gelandangan yang diselamatkan bagi tempoh 5 tahun (tahun 2007 hingga 2011) adalah seperti berikut:

Tahun 2007	-	1,261 orang
Tahun 2008	-	1,796 orang
Tahun 2009	-	1,934 orang
Tahun 2010	-	1,434 orang
Tahun 2011	-	1,408 orang

Jumlah - 7,833 orang  
Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, JKM telah membuat kajian profil awal ke atas 1,387 orang gelandangan di bandar raya Kuala Lumpur untuk mendapatkan gambaran sebenar berhubung isu gelandangan serta merancang tindakan yang sesuai bagi membantu golongan gelandangan tersebut. Hasil kajian mendapati, antara faktor seseorang itu hidup bergelandangan ialah disebabkan ketiadaan pekerjaan (seramai 646 orang atau 46.6%), miskin (seramai 245 atau 17.7%), tua dan sebatang kara (seramai 145 orang atau 10.5%) dan penagihan dadah (seramai 66 orang atau 4.8%).

Antara langkah penyelesaian yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah golongan gelandangan ialah:

- i. menubuhkan Anjung Singgah di Kuala Lumpur di mana golongan gelandangan didaftarkan dan diberi perlindungan sementara sehingga mereka dapat berdikari dan mencari tempat penginapan tetap. Selain itu, mereka diberi perkhidmatan secara holistik seperti mencari peluang pekerjaan, mencari kemudahan perumahan serta diberi bantuan

kebijakan sekiranya layak dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan;

- ii. bagi tujuan membantu mendapatkan pekerjaan kepada golongan gelandangan di Anjung Singgah, pihak Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan dan syarikat swasta mengambil inisiatif mencari dan memadankan pekerjaan (*job matching*) bagi golongan gelandangan. Sehingga 29 Mei 2012, daripada jumlah seramai 529 orang gelandangan yang berdaftar di Anjung Singgah, seramai 196 orang gelandangan telah dibantu dan mendapatkan pekerjaan dengan majikan tertentu;
- iii. Selain penubuhan Anjung Singgah, golongan gelandangan yang diselamatkan susulan operasi pengemisan oleh JKM boleh ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), manakala warga emas yang berumur 60 tahun ke atas pula diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK). Langkah ini adalah bagi memastikan kebijakan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin. Di kedua-dua Desa Bina Diri dan Rumah Seri Kenangan ini mereka akan menjalani pemulihan dan latihan

kerjaya bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun. Mereka turut diberikan rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan serta bimbingan kaunseling. Bagi golongan gelandangan yang mempunyai keluarga pula, mereka akan diserahkan kembali kepada keluarga masing-masing dan akan dipertimbangkan bantuan kebajikan yang bersesuaian sekiranya layak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan anggota masyarakat yang lain untuk membantu golongan gelandangan dengan harapan mereka dapat mengubah kehidupan daripada terus bergelandangan serta meneruskan hidup secara bermaruah.



**SOALAN NO : 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

DARIPADA	LISAN
TARIKH	DATO' MOHD. JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] 25 JUN 2012
SOALAN	

**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI  
KESIHATAN**

menyatakan jumlah doktor yang berhenti kerja dengan Kerajaan sejak 2010 hingga sekarang dan adakah keupayaan Kerajaan sehingga sekarang untuk mencapai nisbah doktor dan penduduk mencapai matlamat negara.

**Tuan Yang di-Pertua**

Jumlah Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar yang meletak jawatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mulai tahun 2010 sehingga 31 Mei 2012 adalah seramai 1,022 orang iaitu pada purata 413 orang setahun (2010 dan 2011) iaitu 1.9 peratus daripada jumlah keseluruhan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar di KKM. Dari segi bekalan pula, KKM menerima seramai 3,575 orang Pegawai Perubatan Latihan Siswazah dan Pegawai Perubatan pada tahun 2011 untuk berkhidmat di fasiliti kesihatan KKM iaitu merupakan 16.9 peratus.



Dengan mengambil kira pengeluaran graduan perubatan pada masa ini yang melebihi 3,000 orang setahun, KKM optimis negara akan mencapai nisbah doktor kepada penduduk mengikut nisbah yang digunakan oleh negara maju.

No. Soalan : 71  
PR-1252-  
L49362

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
[BATU KAWAN ]

TARIKH 25 JUN 2012

SOALAN Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu  
Kawan ] minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan mengapakah Kerajaan  
Malaysia tidak menyokong usul UNHCR bagi  
memaksa Kerajaan Sri Lanka untuk  
menjalankan siasatan sah terhadap dakwaan  
pelanggaran hak asasi serta keganasan  
terhadap etnik Tamil semasa perperangan  
terhadap LTTE dan ketidakwujudan initiatif  
untuk  
menyelesaikan konflik secara aman

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Batu Kawan** atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, berkenaan dengan izin, *country specific resolutions* di Majlis Hak Asasi Manusia (UNHRC) Malaysia berpendirian adalah tidak wajar isu-isu domestik sesebuah negara dibincangkan dan diteliti di peringkat antarabangsa tanpa persetujuan negara berkenaan. Ini terpakai untuk negara-negara membangun dan negara maju. Malaysia tidak mahu Majlis Hak Asasi Manusia dipolitikkan dan diperalatkan oleh negara-negara tertentu bagi kepentingan masing-masing melalui *country specific resolutions*.
3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah mengambil pendirian berkecuali terhadap resolusi berkenaan Sri Lanka di Majlis Hak Asasi Manusia bukan sahaja berdasarkan kepada prinsip yang dinyatakan sebentar tadi, tetapi juga kepada penilaian-penilaian berikut:
  - 3.1 Proses *reconciliation*, kebangsaan Sri Lanka merupakan satu isu domestik;
  - 3.2 Kerajaan Sri Lanka telah menujuhkan dengan izin, *Lessons Learnt and Reconciliation Commission* (LLRC). Ini menunjukkan akauntabiliti Kerajaan Sri Lanka terhadap proses reconciliation dan kesungguhannya untuk memperbaiki situasi hak asasi manusia di Sri Lanka.;
  - 3.3 Dengan mengambil kira kerumitan yang perlu diatasi oleh

Kerajaan Sri Lanka yang baru sahaja pulih daripada Perang Saudara selama tiga dekad, dan juga Laporan LLRC telah diterima oleh Parlimen Sri Lanka pada 16 Disember 2011, adalah tidak adil untuk resolusi Majlis Hak Asasi Manusia tersebut mengenakan kewajipan terhadap Kerajaan Sri Lanka untuk melapor kepada pihak Majlis tiga bulan selepas pembentangan laporan LLRC;

- 3.4 Kerajaan Sri Lanka juga telah secara konsisten melaksanakan pendekatan yang telus dan terbuka dalam bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa termasuk di Majlis Hak Asasi Manusia; dan
  - 3.5 Penyelesaian terbaik adalah melalui proses dialog dan kerjasama konstruktif di antara komuniti-komuniti di Sri Lanka.
4. Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa dengan izin, *country specific resolutions* tidak membantu sesebuah negara dalam usaha untuk mempromosikan dan memelihara hak asasi manusia. Adalah lebih wajar sekiranya usaha-usaha sesebuah negara seperti Sri Lanka untuk memperbaiki situasi hak asasi, disokong oleh majlis hak asasi manusia dan masyarakat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

\4 o -StfAU MJ

.!?'Z **MOrAUM-**

75

NO. Atif>:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN  
[ ALOR GAJAH ]  
TARIKH 25 JUN 2012  
RUJUKAN 4872

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik untuk kes bunuh diri serta kematian yang berkenaan dalam negeri sejak 5 tahun yang lepas dengan sebab serta tindakan yang diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kes bunuh diri dikategorikan sebagai kes mati mengejut (*sudden death report*). Sejak tahun 2007 hingga 2011, terdapat sebanyak 1,757 kes

bunuh diri telah dilaporkan. Statistik kes bunuh diri bagi tahun 2007-2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes Bunuh Diri
2007	389
2008	395
2009	354
2010	370
2011	249
<b>Jumlah</b>	<b>1757</b>

Bunuh diri boleh berlaku akibat beberapa penyebab dan bukan hanya mempunyai satu penyebab. Tingkah laku bunuh diri boleh disebabkan oleh faktor yang berkait rapat antara satu sama lain iaitu faktor biologi, genetik, psikologi, sosioekonomi, budaya dan persekitaran. Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya bunuh diri adalah:

- (i) tekanan perasaan akibat kemiskinan, tiada pekerjaan, atau kegagalan akademik;
- (ii) akibat tragedi ataupun krisis hidup seperti kehilangan orang tersayang, masalah perhubungan ataupun putus cinta;
- (iii) terlibat dengan jenayah (bagi mengelak hukuman);
- (iv) mengalami masalah kewangan yang kritikal seperti menanggung hutang yang banyak dan terlibat dengan judi;

- (v) menghidap penyakit yang tidak dapat dirawat seperti gangguan mental ataupun psikiatri seperti kemurungan, skizofrenia; dan
- (vi) akibat penyalahgunaan dadah dan alkohol.

Dalam usaha menangani isu bunuh diri, PDRM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan akan memberi latihan kepada anggota polis dalam mengendalikan individu yang berisiko membunuh diri, sebagaimana terdapat perancangan pada Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan.

**SOALAN NO: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE  
[SETIAWANGSA]**

**TARIKH 25 JUN 2012**

**SOALAN**

YB Dato' Sri Haji Zulhasnan Bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memantau kos perubatan yang semakin meningkat, terutama yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta yang memberi tekanan kepada syarikat-syarikat untuk mengurangkan faedah perubatan kepada para pekerja.

Tuan Yang di-Pertua

Sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memantau kos atau fi profesional untuk perundingan dan prosedur perubatan dan pergigian berpandukan Jadual Ketiga Belas Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006, yang memperuntukkan fi profesional dalam kadar maksimum (kadar siling) atau julat fi yang selaras, yang boleh dikenakan oleh pengamal perubatan atau pergigian yang mengamal di mana-mana hospital swasta.

Fi-fi selain daripada fi profesional, tidak dikawalselia oleh KKM seperti fi penginapan, fi tatacara kejururawatan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan dan kadar fi-fi tersebut boleh berbeza-beza di antara satu

hospital swasta dengan hospital swasta yang lain disebabkan beberapa faktor seperti kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, lokasi hospital swasta, kos pemasaran, pengendalian dan penyenggaraan hospital serta perubahan harga pasaran bagi ubat-ubatan.

KKM amat prihatin dengan perkara yang dibangkitkan berhubung caj perkhidmatan perubatan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah diambil oleh KKM bagi memantau dan mengawal kos rawatan perubatan yang dianggap tinggi dan tidak munasabah di hospital swasta seperti berikut:

1. Kementerian akan menyemak dan meneliti sebarang pertanyaan dan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi profesional berpandukan kepada Jadual Ketiga Belas.
2. Dengan itu, Kementerian berharap supaya pesakit memainkan peranan penting untuk memantau sendiri kos perubatan yang dikenakan dengan membandingkan caj keseluruhan yang dibilikan kepada pesakit dengan anggaran kos yang telah diberikan kepada pesakit seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 27(1 )(a), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

Di bawah peruntukan tersebut pihak hospital swasta perlu memastikan bahawa seseorang pesakit, sebagai haknya, diberikan maklumat

termasuk kos yang mungkin dikenakan bagi rawatan, penyiasatan atau prosedur yang hendak dijalankan. Selain itu, di bawah perenggan 26(1 )(a,), Peraturan-Peraturan yang sama, pesakit, di atas permintaan, juga mempunyai hak untuk diberitahu caj yang dianggarkan bagi perkhidmatan bersesuaian dengan diagnosis awal yang dibuat sebelum memulakan jagaan atau rawatan.

3. Pihak organisasi jagaan yang diuruskan (MCO) turut memantau caj perubatan yang dikenakan oleh pihak hospital swasta untuk pesakit-pesakit berinsuran. Pihak MCO akan menjalankan verifikasi terhadap setiap tuntutan bayaran yang dibuat ke atas seseorang pesakit oleh pihak hospital swasta dan mana-mana caj yang dianggap terlalu tinggi termasuk fi profesional dan lain-lain fi yang dikenakan oleh pihak hospital swasta. Pembayaran akan hanya dibuat setelah mendapat klarifikasi dan didapati munasabah.
4. Persatuan Hospital Swasta juga telah bersetuju bekerjasama dengan KKM untuk memastikan hospital-hospital swasta yang menganggotai persatuan tersebut memuatnaik dan memaparkan fi bagi pelbagai prosedur bagi membolehkan pesakit membuat pilihan rawatan mengikut kemampuan serta menjamin ketelusan dari segi kos rawatan perubatan.

KKM berpendapat dengan kerjasama semua pihak termasuk pesakit sendiri, langkah-langkah dan mekanisme untuk memantau dan mengawal kos rawatan yang dikeluarkan hospital swasta dapat dilaksanakan supaya kos rawatan tidak terus meningkat dengan sewenang-wenangnya.

Dalam isu '*insurance medical card*', KKM amat prihatin dengan perkara yang dibangkitkan iaitu berhubung caj berlebihan yang dikenakan oleh hospital swasta apabila pesakit membayar bil dengan menggunakan '*insurance medical card*'. Isu caj berlebihan sepatutnya tidak berlaku apabila kadar yang dikenakan telah dimaklumkan dan dipersetujui terlebih dahulu oleh semua pihak hospital swasta, pesakit dan insurans. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi perkara ini Kementerian Kesihatan akan mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi termasuk syarikat insurans, hospital swasta dan Organisasi Jagaan Yang Diuruskan (MCO) bagi menyelesaikan isu aduan pemegang kad insurans yang mendakwa mereka dikenakan caj berlebihan ketika mendapatkan rawatan di hospital swasta dalam masa terdekat.



NO SOALAN :

**74 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	YB TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)
TARIKH	25 JUN 2012 (ISNIN)

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan;

- (a) sama ada Terasasi Sdn Bhd dikurniakan kontrak yang berkaitan dengan Kapal Selam Scorpene, jika ya apakah jenis perkhidmatan dan jumlah kontrak; dan
- (b) apakah jenis perjanjian rundingan yang ditandatangani pada Oktober 2000 antara Thint Asia dan Terasasi Sdn Bhd.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kontrak perolehan 2 unit Kapal Selam Scorpene dibuat dengan konsortium yang terdiri daripada Armaris dan kini dikenali sebagai *Direction des Constructions Navales Services* (DCNS), Perancis dan Navantia, Sepanyol. Manakala syarikat Perimekar Sdn Bhd merupakan pembekal perkhidmatan koordinasi dan sokongan kepada tim projek dan krew kapal selam. Kementerian Pertahanan ingin menegaskan bahawa syarikat Terasasi Sdn Bhd tidak mempunyai sebarang penglibatan di dalam perolehan kapal selam ini. Kementerian Pertahanan juga tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan sebarang perjanjian atau rundingan di antara Thint

**Asia dan Terasasi Sdn Bhd.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BAGI JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	Tuan William Leong Jee Keen
	[ Selayang ]
<b>TARIKH</b>	25 Jun 2012 ( Isnin )
<b>SOALAN</b>	75

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tarikh-tarikh dan amaun-amaun yang

dibayar oleh Kerajaan kepada pemegang-pemegang bon Kuala Dimensi dan sebab-sebab pembayaran-pembayaran telah dibuat apabila Kuala Dimensi tidak menyiapkan Projek selaras dengan kontrak.

**JAWAPAN:**

|



# JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembayaran kepada pemegang bon *Special Purpose Vehicle* (SPV) oleh Lembaga Pelabuhan Kelang bagi pembangunan *Port Klang Free Zone* pada amnya dibuat pada setiap 30 Jun dan 31 Julai setiap tahun bermula dari tahun 2007 mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan. Dalam hubungan ini pembayaran kepada SPV bagi tahun 2007 adalah sebanyak RM510 juta, tahun 2008 sebanyak RM660 juta, tahun 2009 sebanyak RM660 juta, tahun 2010 sebanyak RM630.56 juta dan tahun 2011 sebanyak RM464.67 juta.

Pembayaran tersebut dibuat setelah mengambil kira pandangan perundangan berhubung dengan obligasi dan tanggungjawab Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan kesan kepada pasaran modal tempatan sekiranya berlaku *default*

Walau bagaimanapun pada masa yang sama LPK juga telah mengambil tindakan perundangan terhadap Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) yang antara lain untuk menuntut semula bayaran dari KDSB untuk kerja-kerja yang tidak dilaksanakan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

## PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD  
TAIB (BALING)

TARIKH 26 JUN 2012 (SELASA)

### SOALAN

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib (Baling) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan ke atas kegiatan memfitnah dan mendedahkan aib seseorang secara terang-terangan dalam media cetak dan elektronik mutakhir ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di- Pertua,

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sememangnya memandang serius perbuatan memfitnah dan mengaibkan seseorang. Dalam sidang media pada 6 Mei 2012 sempena Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke 99 di Hotel Pan Pacific KLIA, Ahli- Ahli Muzakarah bersetuju dan menasihatkan para pemimpin, mana-mana individu dan media supaya menghentikan sikap suka mendedahkan perkara-perkara keji yang didakwa dilakukan oleh mana-mana pihak secara terbuka kerana perbuatan mendedahkan keaiban orang lain amat ditegah oleh agama Islam. Ini termasuk mencela, memaki, menghebahkan keburukan orang lain dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

NO.SOALAN:7

7

LISAN

DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH

[JASIN]

25 JUN 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH SOALAN

Datuk Wira Ahmad Bin Haji Hamzah minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang menghapuskan dasar subsidi secara berperingkat dan mekanisme yang bakal diguna pakai supaya Malaysia mampu mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 tetapi pada masa yang sama, kebijikan golongan berpendapatan rendah terus terbelak.

JAWAPAN:

Seperti YB maklum, pelaksanaan rasionalisasi subsidi telah mula dilaksanakan sejak Julai 2010 setelah mengambil kira maklumbalas rakyat. Bilangan produk dan kadaryang dirasionalisasi telah dikurangkan berbanding dengan cadangan dalam Makmal Rasionalisasi Subsidi.

Kerajaan adalah komited untuk menghapuskan dasar subsidi sedia ada. Kerajaan sedang mengkaji mekanisma baru bagi rasionalisasi subsidi untuk memastikan impak kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah adalah minima memandangkan kos sara hidup semakin meningkat.

Pelan pelaksanaan baru ini telah mengambil kira maklumbalas daripada rakyat yang diterima sebelum pelaksanaan buat kali pertama pada Julai 2010 dan maklumbalas

yang diterima sehingga kini. Peningkatan kos sara hidup akibat daripada

ketidakstabilan harga komoditi dunia bagi item bahan api dan makanan juga akan diberi pertimbangan serius dalam perancangan pelan pelaksanaan baru.

Kerajaan akan memastikan bahawa pelaksanaan rasionalisasi subsidi pada masa akan datang adalah sejajar dengan tujuan pelaksanaan inisiatif Bidang Keberhasilan Negara Utama (NKRA) Kos Sara Hidup dan Isirumah Berpendapatan Rendah yang berfokus untuk membantu golongan berpendapatan rendah.

Kerajaan yakin bahawa Malaysia akan mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 dengan adanya program Transformasi Ekonomi (ETP). Pertumbuhan 12 Bidang Keberhasilan Ekonomi Utama (NKEA) dan industri bukan NKEA akan meningkatkan Pendapatan Negara Per Kapita kepada RM48,000 serta mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan tambahan menjelang tahun 2020. Adalah dijangka dengan ETP dan jaringan keselamatan sosial sedia ada beserta cadangan pelan rasionalisasi subsidi yang lebih prihatin akan dapat memastikan bahawa taraf hidup golongan berpendapatan rendah dapat ditingkatkan.

NO. SOALAN : 78

PERTANYAAN                    PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
                                  LISAN  
DARIPADA                    DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] 25 JUN 2012  
                                  SOALAN  
TARIKH                      TARIKH

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) jenis pendekatan dan program Kerajaan bagi memastikan sasaran 30% pegangan ekuiti Bumiputera dapat dicapai menjelang tahun 2020; dan
- (b) usaha Kerajaan bagi memastikan nasib Bumiputera bukan Melayu Sabah/Sarawak "yang terpisah dari Putrajaya" kerana faktor "geografi, kabel dan logistik" dapat dibela.

JAWAPAN:

- (a) Seperti mana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 April 2012 yang lalu, pemilikan ekuiti sektor korporat Bumiputera telah meningkat sebanyak 1.19% dalam tempoh tiga tahun iaitu daripada 21.9% pada tahun 2008 kepada 23.09% pada tahun 2010. Peningkatan peratus pemilikan ekuiti Bumiputera ini menunjukkan komitmen dan keperihatinan Kerajaan dalam memastikan sasaran sekurang-kurangnya 30% pegangan ekuiti Bumiputera dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa berusaha dan akan terus melaksanakan pelbagai langkah dan program untuk meningkatkan taraf hidup dankekayaan etnik Bumiputera, terutamanya dalam jangka masa panjang. Di antara pendekatan dan program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- i. program pembangunan Bumiputera seperti Pemborong PROSPER dan Program PROSPER TERAS di bawah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB);

- ii. penyediaan bantuan kewangan dan pembiayaan perniagaan seperti Dana Mudahcara di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan penyediaan kemudahan pinjaman di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN);
- iii. latihan dan program pembangunan usahawan seperti program Teras di bawah TERAJU dan Program Keusahawan MARA di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA); dan
- iv. program memiliki unit amanah saham seperti Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) di bawah Pelaburan Hartanah Berhad (PHB).

Selain itu, Kerajaan juga telah memperkuatkkan peranan institusi Bumiputera sedia ada seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta menubuhkan dua institusi baru iaitu Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dan TERAJU bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi serta membantu menambahkan ekuiti Bumiputera.

- (b) Bagi membela Bumiputera bukan Melayu di Sabah dan Sarawak pula, Kerajaan telah meluluskan peruntukan khusus di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) sebanyak RM100 juta kepada Bumiputera minoriti di Sabah dan RM130 juta bagi Sarawak sebagai inisiatif khusus untuk meningkatkan tahap pembangunan sosioekonomi Bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak. Peruntukan tersebut akan membiayai pelaksanaan projek-projek ekonomi, pendidikan, pembangunan infrastruktur, pembangunan *Native Customary Right Land* di Sabah dan Sarawak serta projek-projek bagi pembangunan kaum Penan di Sarawak.

Selain daripada peruntukan tersebut, Bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak turut mendapat manfaat daripada pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan dan inisiatif peningkatan kapasiti bagi isi rumah 40 peratus terendah di bawah Bidang Keberhasilan Utama Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA RBI) dan Program 1Azam di bawah NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) serta program pembangunan infrastruktur, ameniti sosial dan kemudahan asas, khususnya di luar bandar.

Pelaksanaan program/projek di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharu Sarawak (SCORE) juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan negeri berkenaan dan apabila projek-projek ini siap kelak, ianya akan memberi impak yang besar kepada peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup.

Sebagai kesimpulan, walaupun jauh dari Putrajaya, golongan Bumiputera bukan Melayu di Sabah dan Sarawak tetap tidak dilupakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]

**TARIKH** 25 JUN 2012

**RUJUKAN** 4874

**SOALAN:**

Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tahanan sedia ada di Kem Tahanan Kamunting dan Kem Tahanan Simpang Rengam.  
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gopeng yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sehingga 31 Mei 2012, seramai 45 orang sedang menjalani Perintah Tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Kamunting. Kesemua mereka

**JAWAPAN :**

tidak dibebaskan kerana bagi memastikan keselamatan negara tidak tergugat dengan pemansuhan AKDN 1960 dan kerajaan telah memutuskan mereka perlu menghabiskan Perintah Tahanan berdasarkan tempoh tahanan masing-masing. Ini adalah selaras dengan klausa 32(2)(a) Rang Undang-undang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang menggantikan AKDN 1960.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Rengam adalah seramai 449 orang iaitu tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan tiada lagi tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Mencegah Jenayah) 1959 memandangkan kesemuanya telah dibebaskan lanjutan pengungkaiian proklamasi darurat.

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN**, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Tuan Fong Kui Lun
KAWASAN	Bukit Bintang
TARIKH	25.6.2012
NO. SOALAN	80

Tuan Fong Kui Lun minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kemudahan dan peluang yang disediakan oleh Kementerian bagi membantu pelabur-pelabur Malaysia membuat pelaburan di Myanmar, Viet Nam, Kemboja dan Laos, bidang-bidang yang boleh diterokai dan perkongsian yang bermanfaat dan kedudukan pelaburan yang berjalan sekarang.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Secara umumnya Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di luar negara terutamanya di ASEAN, Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah.

Kebanyakan syarikat-syarikat di Malaysia telah melabur di negara-negara anggota ASEAN dengan mengambil kesempatan usaha liberalisasi di bawah pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang 2015. Antara syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di ASEAN telah berkembang menjadi syarikat bertaraf global berupaya untuk bersaing dengan syarikat-syarikat antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan kepada imbalan pembayaran negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bagi tempoh 2009-2011, jumlah pelaburan langsung asing (DIA) Malaysia ke Myanmar adalah RM 1.4 bilion, Viet Nam sebanyak RM4.2 bilion, Kemboja sebanyak RM533.0 juta dan Laos berjumlah RM66.0 juta.

Kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan dan insentif untuk menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia yang berhasrat

untuk membuat pelaburan di luar negara, seperti berikut:

- i. pelepasan cukai ke atas pendapatan yang dihantar pulang ke Malaysia oleh syarikat Malaysia di luar negara; dan
- ii. pemotongan cukai untuk perbelanjaan pra-operasi pengeluaran syarikat dan kaitannya dalam melakukan pelaburan di luar negara.

Selain daripada itu, negara-negara tersebut juga turut menawarkan insentif kepada pelabur-pelabur asing. Insentif ini adalah berbeza dari satu negara ke satu negara. Antara insentif yang ditawarkan adalah pengecualian cukai pendapatan untuk sesuatu tempoh atau kadar cukai keutamaan.

Disamping insentif yang disediakan tersebut, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk memperluaskan bidang pelaburan dan perdagangan di luar negara seperti berikut:

- i. mempertingkatkan misi galakan perdagangan dan pelaburan termasuk ke negara-negara pasaran baru;
- ii. melaksanakan misi '*facts finding*' bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai peraturan, tatacara perniagaan dan '*business environment*' di pasaran-pasaran baru.

Maklumat ini akan disebarluaskan kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia melalui Dewan-dewan Perniagaan;

- iii. memanfaatkan dan mempergiatkan penyertaan Malaysia di dalam pameran perdagangan serta mengadakan Pameran Khas (*Specialized Exhibition*) di luar negara bagi meneroka pasaran-pasaran baru; dan
- iv. menggalakkan syarikat-syarikat dari luar negara melawat Malaysia dan menyertai pameran-pameran yang dianjurkan oleh sektor swasta dan agensi-agensi kerajaan. Melalui usaha ini syarikat-syarikat Malaysia berpeluang untuk mewujudkan jaringan perniagaan dengan syarikat-syarikat dari luar negara.

Di antara program-program yang dianjurkan sewaktu misi galakan perdagangan dan pelaburan adalah:

- seminar mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan negara-negara yang dilawati;

- sesi pemanfaatan perniagaan individu di antara syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat-syarikat di negara-negara yang dilawati; dan
- memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat di Malaysia mengenai peluang-peluang pelaburan di negara-negara yang dilawati.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, syarikat-syarikat Malaysia telah memperluaskan operasinya bukan sahaja di ASEAN, tetapi juga ke Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah. Pelaburan syarikat-syarikat ini merangkumi bidang-bidang seperti perkilangan, pembinaan, pelancongan, perkhidmatan, minyak dan gas, perladangan dan harta tanah. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Malaysia berjaya menembusi pasaran dan dapat bersaing dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang lain.

Melalui pelaburan tersebut, syarikat-syarikat Malaysia yang lain turut mendapat faedah melalui penyertaan di dalam aktiviti '*supply chain*' di dalam perniagaan tersebut. Selain daripada itu, syarikat-syarikat Malaysia ini turut mengimport barang dari Malaysia untuk keperluan pelaburan mereka di negara-negara tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Malaysia komited untuk terus membantu dan membuka peluang bagi syarikat-syarikat Malaysia berkecimpung di dalam pasaran baru di luar negara termasuk dengan negara-negara Myanmar, Viet Nam, Kemboja dan Laos.

NO SOALAN :

**81 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA**                   **YB TUAN  
GOBALAKRISHNAN  
AIL NAGAPAN  
(PADANG SERAI)**

**TARIKH**                   **25 JUN 2012  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah bentuk bantuan selain bantuan pencen yang diberikan kepada bekas tentera atau pesara tentera. Adakah wujud bantuan-bantuan khas dari segi bantuan mendapatkan kerjaya baru atau bantuan modal perniagaan diberi bagi membantu bekas atau pesara tentera menjalani kehidupan mereka selepas berkhidmat

kepada negara.  
**Tuan Yang Dipertua,  
JAWAPAN:**

Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk membantu Veteran ATM selain dari membayar ganjaran, pencen dan lain-lain faedah persaraan.

Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) diwujudkan bertujuan meringankan beban tanggungan sara hidup Veteran ATM serta keluarga berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Senarai bantuan yang boleh dipohon oleh Veteran ATM merangkumi:

- i) Bantuan Sara Hidup
  - ii) Bantuan Persekolahan JHEV
  - iii) Bantuan Peralatan Pesakit
  - iv) Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
  - v) Bantuan Bencana Alam
- Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan juga prihatin terhadap kebajikan Veteran ATM untuk meneruskan kerjaya kedua selepas tamat perkhidmatan.

Oleh itu, untuk meningkatkan taraf sosioekonomi Veteran ATM, Kementerian Pertahanan melalui JHEV telah menyediakan beberapa program seperti berikut:

- i) Bakal pesara diwajibkan mengikuti latihan peralihan di Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) mengikut kelayakan masing-masing selama 3 hingga 18 bulan.
- ii) Penjodohan pekerjaan yang sesuai dengan skil Veteran ATM melalui suai kenal dengan bakal majikan, dan
- iii) Mengadakan Program Pembangunan dan Peningkatan Usahawan bagi membantu Veteran ATM dalam pembentukan ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan.

NO. SOALAN:82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

TARIKH 25 JUN 2012

SOALAN

Dr. Ramasamy A/L Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan tahap ekuiti masyarakat India di mana kadar

masyarakat ini kini adalah hanyalah sekitar 1.3% iaitu satu kadar yang sangat rendah berbanding dengan ekuiti masyarakat Melayu dan Cina.

JAWAPAN:

Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bahawa data pemilikan ekuiti etnik India yang terkini adalah pada tahun 2008 iaitu sebanyak 1.6 peratus. Peratus ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4% berbanding pemilikan ekuiti 1.2% pada tahun 2004. Selain itu, ekuiti korporat etnik India pada nilai tara (*par value*) juga menunjukkan peningkatan yang ketara, iaitu daripada RM6.39 bilion kepada RM9.56 bilion dalam tempoh yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dan akan terus melaksanakan pelbagai langkah dan program untuk meningkatkan taraf hidup dan kekayaan etnik India. Ini seterusnya meningkatkan keupayaan mereka untuk memiliki ekuiti dalam sektor korporat dan memastikan sasaran 3% dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Di antara langkah-langkah konkret yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan tahap ekuiti etnik India adalah seperti berikut:

- i. Program pembasmian kemiskinan;
- ii. Penyediaan bantuan kewangan dan pembiayaan perniagaan;
- iii. Latihan kemahiran;
- iv. Latihan dan program pembangunan usahawan;
- v. Program pembangunan kepimpinan dan sahsiah;
- vi. Program memiliki unit amanah saham seperti Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW) dan Amanah Saham Malaysia (ASM);
- vii. Program bantuan modal bagi pembangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil);
- viii. Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah Bagi Pekerja-Pekerja Estet; dan

- ix. Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI) di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dengan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi tahun 2012.

Selain itu, Pasukan Petugas Khas Jawatankuasa Kabinet bagi Masyarakat India (SITF) yang dipengerusikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam akan memantau dan memperkuuh program penyampaian dan pelaksanaan program komuniti India termasuk bantuan kebajikan dan kemiskinan, pendidikan, latihan kemahiran dan peluang pekerjaan, pinjaman perniagaan kecil serta bantuan guaman. Kerajaan juga telah melantik Presiden MIC iaitu YB Datuk Seri G. Palanivel sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dipertanggungjawabkan untuk memimpin usaha Kerajaan dalam membangunkan taraf sosio-ekonomi etnik India dan memantau pelaksanaan agenda Kerajaan dalam memperkasakan etnik India.

Kerajaan juga telah mewujudkan satu skim khas untuk usahawan India yang dinamakan Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI) di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Skim ini melibatkan pembangunan usahawan India melalui pemberian modal tambahan dalam bentuk pinjaman yang bertujuan untuk membangun dan meningkatkan tahap pencapaian perniagaan masyarakat India melalui pemberian modal.

Selain daripada program dan langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, peranan badan-badan yang mewakili kepentingan etnik India juga akan dipertingkatkan dalam menyebarkan maklumat, memastikan penyertaan berkesan etnik India serta menggalakkan mereka untuk menceburi sektor berpotensi dan bernilai tambah tinggi supaya lebih ramai masyarakat India yang mendapat manfaat.

Berasaskan langkah-langkah yang dinyatakan di atas serta sokongan pihak-pihak tertentu termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) India, Kerajaan percaya matlamat pemilikan ekuiti sebanyak 3% tersebut akan dapat dicapai menjelang tahun 2020.

NO. SOALAN:83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

[ TELOK KEMANG ]

TARIKH : 25Jun2012

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan nilai harga keseluruhan tanah dan nilai jualan setiap kaki persegi tanah yang di jual kepada 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi tanah seluas 750 ekar di Sendayan, Negeri Sembilan.

JAWAPAN

Nilai penjualan tanah seluas 750 ekar di Sendayan, Negeri Sembilan, adalah termasuk dalam jumlah keseluruhan transaksi pemindahan operasi di Pangkalan Udara Sg Besi ke lapan lokasi berbeza di seluruh negara.

Proses pemindahan tersebut merangkumi pemindah milik tapak tanah tanah, pembelian tanah tanah gantian, pembinaan kem-kem baru di sembilan lokasi dan penempatan semula kem Tentera Udara DiRaja Malaysia dan Pangkalan Gerakan Udara Polis DiRaja Malaysia di kesemua lokasi tersebut. Kos keseluruhan proses ini adalah sebanyak RM2.718 bilion.

Kos ini dikongsi bersama di antara 1MDB dan Kerajaan. 1MDB akan menanggung RM1.6 bilion daripada jumlah kos relokasi dan pihak kerajaan pula akan menanggung RM1.17 bilion daripada kos ini.

Kio ■SoA'lAtJ : B'lj

~ttO. AUM : 80—

NOT-AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN  
[ KULIM BANDAR BARU ]  
TARIKH 25 JUN 2012  
RUJUKAN 4875

SOALAN:

Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) adakah Kerajaan bercadang mengharamkan badan bernama Konrad Adenauer Foundation (KAF), sebuah yayasan kepunyaan Parti Demokratik Kristian German yang didapati terlibat secara langsung dan aktif dengan parti pembangkang daripada memasuki dan menjalankan aktiviti keagamaan, politik, kemasyarakatan, penerbitan, latihan dan lain-lain didalam negara ini; dan
- (b) adakah Kerajaan menyedari bahawa Kerajaan UAE dan Kerajaan Mesir telah mengharamkan KAF ini.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Konrad Adenauer Foundation (KAF), sebuah yayasan kepunyaan Parti Demokratik Kristian German sememangnya merupakan sebuah pertubuhan haram yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Selaras dengan Seksyen 5, Akta Pertubuhan 1966, adalah wajar Kementerian ini untuk terus memantau pertubuhan tersebut supaya pergerakan dan aktivitinya tidak mencetuskan kegelisahan serta kebimbangan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini dengan menyebarluaskan propaganda yang menghasut rakyat melalui penerbitan. Oleh itu, mengikut Seksyen 13, Akta Pertubuhan 1966, JPPM boleh mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pertubuhan tersebut yang bergerak secara haram kerana terbabit dengan kegiatan yang mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Memandangkan isu berkaitan akhlak adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian ini, maka ianya akan dirujuk kepada Jabatan/ Agensi yang berkaitan dengannya untuk diambil tindakan sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN **SOALAN NO : 86**  
**DARIPADA** DATO\* HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.MUTTALIB  
[MARAN]  
**TARIKH** 25 JUN 2012  
**SOALAN**

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha dan langkah terkini pihak Kementerian dalam menangani dan menyelesaikan isu-isu pelajar perubatan yang menghadapi masalah untuk mendapat pengesahan sebagai pengamal perubatan di Malaysia terutamanya penuntut-penuntut perubatan daripada Universiti di Ukraine.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan lawatan penilaian keatas *Crimea State Medical University*, Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Pengajian Perubatan (yang dianggotai oleh lima agensi Kerajaan Malaysia; Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia) telah memberi pengiktirafan berkuat kuasa 07 Ogos 2001.

Walau bagaimana pun, ekoran tidak mematuhi kriteria pengiktirafan khususnya pengambilan pelajar yang tidak memenuhi kelayakan masuk minima dan pengambilan pelajar berlebihan, Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Pengajian Perubatan telah menarik balik pengiktirafan program tersebut. Mana-mana pelajar yang mendaftar selepas 31 Disember 2005 tidak layak diterima mendaftar di bawah Akta Perubatan 1971. Namun, mereka masih boleh menduduki ujian kelayakan perubatan.

Semasa menjalani latihan siswazah, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Perubatan Malaysia telah menerima laporan dari pakar-pakar penyelia mengenai kelemahan graduan perubatan dari Ukraine di dalam aspek pengetahuan dan juga kemahiran klinikal.

Bagi menyelesaikan masalah untuk mendapat pengesahan sebagai pengamal perubatan di Malaysia (atau lebih tepat lagi Perakuan Pendaftaran Penuh menurut Akta Perubatan 1971) terutamanya graduan perubatan daripada universiti di Ukraine, beberapa langkah berikut telah diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia:

- a. Semasa menjalani latihan siswazah, sebagaimana graduan dari institusi lain, mereka turut dibimbing oleh pakar-pakar penyelia;
- b. Berdasarkan Akta Perubatan 1971, pegawai perubatan siswazah perlu menjalani posting selama tidak kurang dari empat bulan didalam setiap disiplin. Bagi yang lemah, mereka diberi peluang tambahan mengulang setiap disiplin selama enam bulan. Semasa mengulang, mereka diberi bimbingan dengan lebih teliti. Bagi segelintir yang tidak

dapat dilatih selepas tempoh tersebut, demi kebaikan dan keselamatan semua pihak, latihan mereka terpaksa ditamatkan;

- c. Suatu sistem pemantauan juga telah diperkenalkan dimana setiap pegawai perubatan siswazah akan dinilai semasa dua bulan pertama didalam posting pertamanya. Maklumat tersebut akan digunakan untuk menilai kewibawaan institusi yang menganugerahkan ijazah kepada graduan berkenaan. Jika terdapat kecenderungan kelemahan graduan dari institusi tertentu, institusi berkenaan akan dimaklumkan untuk mengambil langkah penambahbaikan dan jika perlu suatu lawatan penilaian akan dilaksanakan. Tindakan tegas akan diambil terhadap institusi yang melanggar syarat pengiktirafan atau tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menyelesaikan masalah graduan perubatan dari institusi yang tidak diiktiraf, Kementerian Kesihatan Malaysia telah meminda *Peraturan-Peraturan Perubatan (Mengadakan Peperiksaan Bagi Pendaftaran Sementara)* 1993. Dibawah Peraturan baru yang dinamakan *Peraturan-Peraturan Perubatan (Mengadakan Peperiksaan Bagi Pendaftaran Sementara)* 2012, graduan akan dapat menikmati beberapa manfaat berikut:

Pusat ujian kelayakan perubatan tidak lagi dihadkan kepada tiga buah institusi sebelum ini yang merangkumi Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

Kini graduan boleh menduduki ujian daripada mana-mana universiti atau kolej universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Akta Institusi Pelajaran Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] yang telah mendapat akreditasi. Pada masa ini, jumlah institusi yang layak menerima graduan adalah 16 buah. Bilangan ini akan bertambah apabila institusi-institusi sedia ada mendapat akreditasi;

Sebelum ini penempatan pusat ujian bagi setiap graduan ditentukan secara undian. Kini graduan dibenarkan memilih sendiri dari mana-mana 16 buah institusi yang layak;

- iv. Selain itu, pihak institusi diberi kelonggaran menapis graduan dan seterusnya menentukan tempoh kursus bimbingan bagi menyediakan mereka menduduki ujian kelayakan perubatan tahun akhir institusi berkenaan. Dengan adanya kursus bimbingan yang *customised* dan berstruktur berdasarkan prestasi setiap graduan semasa tapisan, dipercayai peratus kejayaan didalam ujian kelayakan perubatan akan meningkat;
- v. Bilangan cubaan bagi graduan menduduki ujian pelajar tidak dihadkan;

Pindaan ini telah dapat memberi peluang menduduki ujian kelayakan kepada sekitar 300 orang graduan yang telah kehabisan peluang sebelum ini. Dengan pindaan tersebut, diyakini masalah yang dihadapi graduan akan

dapat dikurangkan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Berdasarkan keputusan Kabinet untuk mengkaji semula semua institusi yang diiktiraf, Majlis Perubatan Malaysia sedang membuat persiapan bagi penilaian semula. Bagi Ukraine, lawatan penilaian semula akan dilaksanakan apabila pelajar memulakan kelas selepas bercuti panjang dari 10 Jun 2012 hingga 25 Ogos 2012 sempena Piala Euro 2012 yang diadakan di Ukraine.

Akhir sekali, saya ingin memaklumkan bahawa para ibu bapa dan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di dalam bidang perubatan sentiasa diberi nasihat agar memilih institusi pengajian perubatan yang diiktiraf. Pada masa ini terdapat 378 program yang diiktiraf dan 20 darinya adalah di dalam negara. Mereka seharusnya memilih program dari institusi berkenaan demi kebaikan semua pihak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA                    DATUK TIONG THAI KING [LANANG]**  
**TARIKH                    25 JUN 2012**  
**SOALAN**

**Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI KESIHATAN**

**SOALAN NO: 87**

menyatakan apakah status terkini bagi projek membina sebuah Klinik Kesihatan jenis 3 di kawasan perumahan Sibu Jaya, Sibu.

**Tuan Yang Di-Pertua**

Cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Sibu Jaya sekarang ini berada diperingkat penilaian tender. Tender bagi projek berkenaan telah diiklankan pada 15 Mac dan ditutup pada 26 April 2012. Surat Setuju Terima kepada penender yang berjaya dijangka akan dapat dikeluarkan pada bulan Ogos, 2012.



## SOALAN NO: 88

### PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

LISAN  
TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [ PASIR PUTEH ]  
25JUN 2012 (ISNIN )  
Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan persiapan yang dibuat oleh pihak Kerajaan bagi menjadikan Tok Bali sebagai pusat pendaratan ikan antarabangsa pada masa depan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mewartakan Kompleks Pendaratan Ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali sebagai pintu keluar masuk ikan dan hasil perikanan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Tok Bali sebagai pusat pendaratan ikan antarabangsa [PU (B) 549/09].

Kompleks pendaratan ikan ini telah siap dan mula dioperasikan pada 3 April 2011. Bagi memenuhi keperluan ini, LKIM telah menyediakan kemudahan pendaratan ikan seperti:

- (i) jeti pendaratan ikan 160 meter x 45 meter (boleh menampung kapasiti pendaratan 30,000 tan metrik);
- (ii) jeti jualan minyak diesel;
- (iii) industri kecil dan sederhana (IKS) dan stor ikan (6 unit);
- (iv) ruang baiki pukat;
- (v) stor kotak ikan;
- (vi) surau;
- (vii) kantin; dan

(viii) pejabat pengurusan dan pejabat agensi berkaitan.

Selain daripada itu, bagi perancangan seterusnya LKIM juga menyediakan tapak seluas 12 ekar yang diperuntukkan bagi pembangunan industri khususnya nilai tambah ke atas hasil perikanan dalam membolehkan hasil laut dapat dipasarkan dengan harga yang lebih tinggi sedang dibuat seperti restoran makanan laut.

Rancangan pembangunan Pelabuhan Perikanan Tok Bali bagi seterusnya pula melibatkan perkara berikut:

- (i) peningkatan jeti pendaratan yang sedia ada yang berukuran 300 meter x 35 meter kepada 450 meter x 35 meter bagi menambah kapasiti pendaratan bot perikanan laut dalam pada masa depan;
- (ii) pembangunan prasarana bagi keperluan industri yang berkaitan dengan perikanan yang merangkumi pembinaan kilang ikan baja, IKS, tempat penyimpanan ikan (*stock pile*) serta kemudahan untuk urusan import dan eksport;
- (iii) persediaan dan perlaksanaan *European Union (EU) Requirement* yang melibatkan peraturan dan Standard Operation Procedures (SOP) pendaratan serta pemerosesan hasil perikanan yang mematuhi penetapan dan piawaian seperti Peraturan *State of Origin, Hygiene, Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP)* dan sebagainya.
- (iv) persediaan peraturan dan undang-undang serta penguatkuasaan yang berkaitan:
  - (a) penggubalan Arahan Tetap (*Standing Instructions*) yang berkaitan keselamatan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) peringkat Negeri Kelantan;
  - (b) penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Negara Peringkat Negeri Kelantan serta tumpuan kepada tatacara perlaksanaan *Customs Immigration and*

*Qurantine* (CIQ) di Tok Bali; dan penempatan agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Jabatan Perikanan dan seumpamanya di Tok Bali.



SOALAN NO: 88  
**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN**

**LISAN**

**YB. TUAN LIM LIP  
ENG [SEGAMBUT ]**

**ISNIN, 25 JUN 2012**

**21 [PR-1252-L50338]**

**RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN DARIPADA**

**TARIKH RUJUKAN SOALAN**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan status lesen perniagaan dan kerja-kerja perubahan di premis No. 23, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur dan No. Di, Jalan 16/42, Taman Kok Doh, 51200 Kuala Lumpur.



Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Segambut, aktiviti perniagaan restoran "The Hill" di Lorong Dungun, Damansara Heights tidak mempunyai sebarang kelulusan lesen daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah membabitkan aktiviti perniagaan tanpa kelulusan lesen dan pembangunan tanpa kelulusan.

Ingin dimaklumkan, bagi kesalahan menjalankan perniagaan restoran dan mempamerkan iklan tanpa kelulusan lesen, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan notis kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (WPKL) 1985 dan Undang-Undang Kecil Iklan (WP) 1982 pada 22 Februari 2012, 13 Mac 2012, 26 Mac 2012 dan 16 Mei 2012.

Manakala untuk kesalahan pembangunan tanpa kelulusan, tindakan mendakwa ke mahkamah telah diambil ke atas pemilik/pengusaha dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 3,000.00.

Memandangkan aktiviti perniagaan yang tidak diluluskan itu masih diteruskan oleh pemilik/pengusaha, maka tindakan sedang diambil untuk membawa semula kes ini ke mahkamah bagi membolehkan denda harian dikenakan bagi kesalahan yang sama yang masih berterusan.

Manakala aktiviti restoran dan mencuci kenderaan di No. 1 Jalan 16/42

Taman Kok Doh pula turut dikenalpasti menjalankan aktiviti perniagaan tanpa kelulusan lesen dan kelulusan perancangan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Siasatan pada 19 April 2012 mendapati tiada aktiviti perniagaan dilakukan dan hanya kerja-kerja pengubahsuaian yang dibuat. Manakala siasatan lanjutan pada 15 Mei 2012 mendapati pemilik premis telah menjalankan aktiviti mencuci kenderaan. Justeru itu, DBKL telah mengeluarkan notis kesalahan di bawah Undang- Undang kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 1986 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Atas kesalahan menukar kegunaan bangunan kediaman kepada perdagangan tanpa kelulusan Perintah Pembangunan pula, notis penguatkuasaan juga dikeluarkan kepada pemilik premis pada 23 Mei 2012. Tindakan roboh/sita akan dilaksanakan sekiranya pemilik/pengusaha tersebut gagal mematuhi arahan notis berkenaan.



Soalan No : 89

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                    LISAN  
DARIPADA                    Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ]

TARIKH                    25 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan rintangan-rintangan yang terus menghalang permohonan tapak baru SMK Confucian daripada diluluskan bagi maksud perpindahan, walaupun ianya sebuah sekolah Kerajaan dan tapak dipohon juga merupakan rezab sekolah Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak pernah sama sekali menghalang perpindahan sesebuah sekolah bantuan kerajaan (SBK) terutama jika sesebuah SBK itu menpunyai tapak untuk berpindah dan syarat-syarat perpindahan telah dipatuhi.

Mengenai SMK Confucian, sekolah ini merupakan sebuah sekolah conforming berstatus sekolah bantuan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah pun meluluskan permohonan perpindahan SMK Confucian ke tapak baharu di atas lot 2320 dan 2322 di Bandar Baru Bukit Jalil, Mukim Petaling Selangor semenjak tahun 1999 lagi. Namun sehingga ke hari ini sekolah tersebut belum berpindah dan masih kekal di tapak sedia ada iaitu di Lorong Hang Jebat, Kuala Lumpur.

Rjm 78



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]</b>
<b>TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT</b>	<b>25.06.2012 (SELASA)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>NO. 90</b>

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai peruntukan khas untuk menambah jumlah lampu-lampu teknologi hijau seperti di Bandaraya Miri, supaya dapat dinikmati oleh Pekan Bekenu, Sepupok dan Batu Niah yang kekurangan tiang lampu selaras untuk mewujudkan “Pekan Sejahtera, Selamat dan Aman”.

Tuan Yang Dipertua,  
**JAWAPAN**

Kementerian sedang dalam usaha mempromosikan konsep bandar rendah karbon di mana penggunaan lampu-lampu teknologi hijau seperti lampu light-emitting diode atau LED merupakan salah satu elemen aplikasi teknologi hijau. Bandaraya Miri adalah satu contoh perbandaran dalam usaha mewujudkan Bandar rendah karbon ini.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telahpun menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan Majlis Bandaraya Miri pada bulan Februari 2012 untuk mengaplikasikan *Low Carbon Cities Framework and Assessment System* di kawasan-kawasan yang akan dikenalpasti di Miri. Langkah ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui persekitaran yang mesra alam dan kondusif. Memorandum ini adalah untuk menjadikan Miri sebagai “pilot partner” dalam mengaplikasikan dan mempromosikan LCCF secara langsung dan teknologi hijau secara tak langsung.

Walau bagaimanapun, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air tidak

mempunyai sebarang peruntukan khas untuk projek menambah baik lampu-lampu teknologi hijau sepertimana dilaksanakan di Miri. Pelaksanaan projek lampu LED di Miri merupakan satu inisiatif swasta sebagai satu projek demonstrasi. Cadangan untuk memperluaskan penggunaan lampu jalan LED di kawasan bandar dan luar bandar adalah bergantung kepada keputusan projek perintis penggunaan lampu ini yang sedang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di beberapa lebuh raya di Lembah Klang untuk menguji keberkesanan lampu jalan LED.

Soalan No : 91

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM  
[KAPAR]

TARIKH : 25 JUN 2012

## SOALAN:

Y.B. Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sejauh manakah keberkesanan kurikulum standard sekolah rendah KSSR di sekolah sekolah bantuan modal yang kurang atau tidak ada komputer serta peraiatan multimedia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilaksanakan secara berperingkat

mulai 2011 bagi kohort Tahun 1 di semua sekolah rendah seluruh negara. Kurikulum ini dibangunkan dengan penambahbaikan ke atas Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang digunakan sebelum ini. Di bawah kurikulum baru ini, beberapa pembaharuan telah dilakukan termasuklah:

- a) Reka bentuk kurikulum secara modular yang merupakan kesinambungan KSPK juga berdasarkan kepada enam (6) tunjang yang merangkumi komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, perkembangan fizikal dan estetika, sains dan teknologi serta keterampilan diri;
- b) Mempunyai organisasi pembelajaran melalui modul teras asas, modul teras tema dan modul elektif bagi murid-murid di tahap 1 dan mata pelajaran teras dan elektif di Tahap 2;

- c) Memberi fokus kepada 4 M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul; dan
- d) Memberi penekanan kepada p&p yang berorientasikan kreativiti dan inovasi, keusahawanan dan teknologi maklumat dan komunikasi secara eksplisit.

Selain itu, KSSR juga mengguna pakai empat tonggak pendidikan UNESCO, iaitu belajar untuk mengetahui (*learning to know*), belajar untuk bertindak (*learning to do*), belajar untuk hidup bersama (*learning to live together*) dan belajar untuk membentuk peribadi (*learning to be*). Pendekatan baru ini dilaksanakan adalah untuk memastikan perkembangan potensi murid dapat dicerna secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu bagi menyediakan modal insan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa.

Selaras dengan pelaksanaan Transformasi Pendidikan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan prasarana dan peralatan ICT bagi menyokong kelancaran dan keberkesaan pengajaran dan pembelajaran (p&p) di sekolah. KPM telah membekalkan semua sekolah sama ada sekolah bantuan modal atau sekolah bukan bantuan modal dengan peralatan komputer atau makmal komputer mengikut bilangan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan makmal komputer dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan semua sekolah di bawah KPM mempunyai kemudahan ICT untuk p&p. Bagi sekolah yang kurang peralatan komputer, p&p masih lagi boleh berlaku dengan menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan yang sesuai. Dalam hal ini, pelaksanaan KSSR juga diharapkan dapat merapatkan jurang digital antara murid.

Rjm79  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BINKHALID**  
**(PADANG BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.06.2012**

**NO SOALAN :1**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ekoran dari terundurnya urusan share swap dan kerjasama antara MAS dan AirAsia, minta pihak Kerajaan menjelaskan kenapakah model perniagaan alternatif yang difikirkan mampu menyelesaikan masalah kewangan MAS yang kini memerlukan suntikan modal yang besar untuk meneruskan perniagaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, suntikan modal yang besar diperlukan oleh Malaysian Airline System Bhd (MAS) untuk mengukuhkan kedudukan kewangan semasa yang lemah dan komitmen kewangan sediada yang perlu ditanggung olehnya. Dalam masa yang sama MAS akan melaksanakan langkah-langkah strategik untuk memulihkan prestasi perniagaan syarikat dengan memberi fokus kepada strategi meningkatkan perolehan syarikat dan MAS dijangka kembali mencatat keuntungan menjelang tahun 2014. Suntikan tersebut perlu dibuat tanpa mengambil kira urusan pertukaran saham di antara MAS dan AirAsia.  
Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan itu, MAS kini berusaha untuk mengukuhkan Kunci Kira-Kira (*Balance Sheet*) syarikat supaya MAS dapat membayai perolehan pesawat baru, yang mana amat penting untuk menjayakan strategi pemulihan syarikat. Pada masa ini, MAS memberi fokus kepada aktiviti penstrukturran semula kewangan (*financial restructuring*) bersama pelan penggantian pesawat sebagai inisiatif utama untuk meningkatkan hasil dan mengurangkan kos operasi syarikat. Sebagai langkah strategik untuk mengembalikan keyakinan penumpang, MAS memperkenalkan perkhidmatan jarak jauh dengan menggunakan pesawat A380 sebagai '*new brand*' kepada MAS mulai 1 Julai 2012. Selain itu, bagi meningkatkan tahap kepuasan penumpang dan

menjadikan MAS sebagai "*The Preferred Premium Carrier*", MAS telah menambah baik perkhidmatan sedia ada seperti menaik taraf *lounge* kelas pertama dan kelas perniagaan.

Bagi mengukuhkan jaringan perkhidmatan pula, MAS akan menyertai *oneworld alliance* pada akhir tahun 2012 untuk meningkatkan posisi jenama MAS di kalangan pelanggan syarikat penerbangan lain serta meningkatkan *load factor* melalui trafik tambahan. Secara keseluruhannya, strategi-strategi perniagaan yang sedang dan akan dilaksanakan melalui pelan perniagaan MAS yang holistik, dijangka akan memberi impak positif kepada prestasi dan kedudukan kewangan MAS pada masa hadapan.



SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA                    TUAN GWO-BURNE LOH  
                                  [ KELANA JAYA - PKR ]

TARIKH                    25 JUN 2012 (ISNIN)

**SOALAN NO. 93**

Minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan laporan kewangan perbelanjaan dan pendapatan Sukan Komanwel 1998 oleh Sukom Ninety Eight Berhad.

Untuk makluman Yang Berhormat, Laporan Kewangan Perbelanjaan dan Pendapatan Sukan Komanwel 1998 oleh Sukom Ninety Eight Berhad sedang dalam proses *winding up* yang dilaksanakan oleh sebuah firma audit yang dilantik.

**SOALAN NO : 94**

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN  
DARIPADA LISAN  
TARIKH TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP ]  
SOALAN 25 JUN 2012  
TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan jumlah pinjaman TEKUN yang diluluskan di  
Padang Terap daripada tahun 2008 hingga 2011. Sila  
nyatakan jumlah mengikut tahun dan jumlah yang pinjaman  
yang gagal dibayar balik.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pinjaman yang diluluskan daripada tahun 2008 hingga 2011 khususnya bagi kawasan Parlimen Padang Terap adalah sebanyak 333 pinjaman dengan nilai pinjaman sebanyak RM3,498,000.

Dalam tempoh 1999 sehingga 30 April 2012 ini juga, jumlah hutang yang dikategorikan sebagai hutang lapuk bagi kawasan Parlimen Padang Terap pula adalah sebanyak RM345,417.92 melibatkan 177 pinjaman berbanding dengan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak RM6.05 juta iaitu melibatkan 5.7% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Walaubagaimanapun, kutipan bayaran balik hutang lapuk ini tetap dilaksanakan.

**SOALAN NO. 95**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    DATO' HAJI WAN ABD.RAHIM BIN WAN  
                                  ABDULLAH [KOTA BHARU]**

**TARIKH                    25 JUN 2012**

**SOALAN:**

**DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH minta PERDANA  
MENTERI menyatakan bilakah urusan persempadanan semula bahagian  
pilihan raya akan dimulakan.**



## **SOALAN NO.95**

**JAWAPAN:**  
~~Tuan Yang Dipertua,~~

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum ianya dikemukakan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan.

Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (iii) Perlembagaan Persekutuan selepas SPR mewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Soalan No : 96

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DR. RAMASAMY A/L P ALAN IS AMY
	[ BATU KAWAN ]
TARIKH	25 JUN 2012
SOALAN:	

Y.B. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan statistik sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Sekolah-Sekolah Tamil di Negeri Pulau Pinang secara terperinci mengikut tahun, peruntukan tanah, sumbangan kewangan dan pembinaan infrastruktur dari tahun 2008 hingga sekarang

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada semua sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang melalui penyediaan peruntukan mengurus dan pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bagi negeri Pulau Pinang sahaja, dari tahun 2008 hingga tahun 2012, KPM telah membelanjakan sebanyak RM21.45 juta bagi tujuan pembinaan pra sekolah, bangunan tambahan dan penaiktarafan bagi SJKT di Pulau Pinang. Selain itu, di bawah Pakej Ransangan Khas (PRK) 2012, Kerajaan persekutuan juga telah diperuntukan RM11.4juta bagi tujuan penambahbaikan/ penyelenggaraan SJKT di Pulau Pinang.

Rjm 80

**PERTANYAAN**                   **LISAN**

**REMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**DARIPADA YB Tuan SALAHUDDIN BIN HAJI**  
**AYUB [ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH JAWAPAN :** 25 JUN 2012 (ISNIN)  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN** NO. 97

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan berapa jumlah bayaran dari TNB kepada penjana-penjana tenaga bebas (IPP) di dalam tahun 2000 hingga 2011 dan berapa banyakkah jumlah subsidi gas yang diberikan oleh Kerajaan dan Petronas kepada IPP dari tahun 2000 hingga 2011.



Tuan Yang Dipertua,  
**JAWAPAN :**

1. Seperti yang telah dimaklumkan dalam sesi-sesi dewan sebelum ini, Kerajaan mahupun PETRONAS tidak pernah memberikan sebarang subsidi kepada *Independent Power Producers* (IPP), dengan izin. Kerajaan hanya memberikan subsidi gas kepada sektor elektrik dalam bentuk harga gas yang rendah, di mana subsidi ini telah dinikmati oleh rakyat melalui kadar tarif yang lebih rendah berbanding dengan tarif elektrik mengikut harga pasaran.
  
2. Kerajaan telah menetapkan harga gas sebanyak RM6.40/MMbtu kepada sektor elektrik semenjak Mei 1997. Untuk tempoh 11 tahun, harga ini tidak pernah dinaikkan. Namun begitu, pada tahun 2008, harga gas telah dinaikkan kepada RM14.31/Mmbtu (million British thermal unit) akibat kenaikan harga minyak secara mendadak dalam pasaran antarabangsa. Akan tetapi pada awal tahun 2009, harga gas kepada sektor elektrik telah dikurangkan kepada RM10.70/mmBtu akibat penurunan harga di pasaran antarabangsa. Selaras dengan peningkatan dalam harga pasaran



antarabangsa pada tahun 2010, harga gas telah dinaikkan sebanyak RM3.00/mmBtu kepada 13.70/mmBtu pada tahun 2011. Harga ini adalah jauh lebih rendah berbanding dengan harga gas semasa, iaitu sekitar RM40 - RM43/mmBtu.

Bagi tempoh 2000 hingga 2011, jumlah hasil yang telah dilepaskan oleh PETRONAS dari penjualan gas di bawah paras harga pasaran untuk sektor pembekalan elektrik adalah sebanyak RM105,782 juta. Bagi tempoh yang sama, jumlah bayaran oleh TNB kepada 14 IPP di Semenanjung adalah sebanyak RM89,279.7 juta, yang mana bayaran ini termasuklah bayaran bagi kapasiti (*capacity payment*), tenaga (*energy payment*) dan kos bahan api.

Oleh kerana kos bahan api adalah merupakan elemen *pass-through*, dengan izin, kepada pengguna, subsidi harga gas yang diberikan oleh Kerajaan adalah untuk memastikan tarif pengguna yang rendah dan bukannya dinikmati oleh IPP. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan subsidi yang ditanggung serta menghapuskan “market distortion”, dengan izin, harga gas ini akan dinaikkan secara berperingkat dan dijangka akan

mencapai harga pasaran pada masa hadapan. Namun begitu,  
Soalan No : 98

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]

TARIKH 25 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan bolehkah beliau mewujudkan satu sistem penukaran guru-guru yang lebih jelas dan boleh diterima serta lebih berperikemanusiaan supaya sistem sedemikian membolehkan guru-guru terutama sekali guru-guru yang baru lebih bersiap sedia apabila ditukar daripada menyahut sistem yang hanya menggunakan arahan melalui alat telefon.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan guru seluruh negara atas keperluan perkhidmatan dan kesesuaian pengkhususan mata pelajaran atau opsyen guru tersebut. KPM melaksanakan penempatan guru-guru baru berdasarkan kriteria berikut:-

- a. keperluan/ kepentingan perkhidmatan terutamanya di luar bandar.
- b. mengisi kekosongan jawatan di luar bandar terutamanya kawasan pedalaman, dan
- c. mengisi keperluan opsyen/ mata pelajaran di kawasan luar bandar terutamanya kawasan pedalaman.

Soalan No : 100

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini satu kertas cadangan Penambahbaikan Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru sedang disediakan. Sesi *engagement* bersama-sama pihak berkepentingan telah diadakan untuk mengumpulkan maklum balas dan pandangan dalam usaha untuk menambahbaik dasar penempatan dan pertukaran guru. KPM yakin dasar baru tersebut lebih komprehensif dan boleh diterima oleh semua warga pendidik. Dasar ini juga diharap dapat memastikan penempatan seseorang guru dengan tepat berdasarkan keperluan opsyen seterusnya dapat mengatasi kekurangan guru.

Rjm 81

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH                          25 JUN 2012 (ISNIN )**

**DARIPADA                      YB. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI  
[ SABAK BERNAM ]**

**SOALAN:**

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ SABAK BERNAM ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Pusat Khidmat Rakyat (PAKAR) menyelesaikan masalah rakyat dan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan Pusat Khidmat Rakyat (PAKAR) seperti yang dipelopori di Selangor ke seluruh negara sebagai perantara di antara Kerajaan dan rakyat.

NO. SOALAN: 99

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN:** DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pusat Khidmat Rakyat (PAKAR) bukan sebuah pusat yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh Kerajaan. PAKAR merupakan inisiatif yang diambil oleh Barisan Nasional (parti politik). Sehubungan itu, pertanyaan ini adalah lebih sesuai dijawab oleh parti tersebut memandangkan Kerajaan tidak memiliki maklumat yang diminta.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

DATO' SERI ONG KA CHUAN

25 JUN 2012 (ISNIN)

NO. 100

Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI menyatakan

- (a) apakah impak dasar pengantarabangsaan Pengajian Tinggi kepada Negara akan mendatangkan lebih banyak kesan positif berbanding negatif; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian untuk menangani usaha IPTA yang semata-mata mengejar ranking tanpa mengambil kira, isu sosio budaya, pembangunan kapasiti dan keperluan pembangunan modal insan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi serantau dan antarabangsa. Teras Kelima, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)

iaitu mempergiat pengantarabangsaan, menyokong agenda untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi bagi mencapai sasaran 150,000 pelajar antarabangsa pada 2015 dan 200,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020.

Tahun 2011 mencatatkan seramai 71,101 orang pelajar antarabangsa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) negara. Kedatangan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di negara ini telah menyumbang pelbagai faedah kepada negara, antaranya ialah:

- i. menyumbang kepada pendapatan negara yang melebihi RM2.5 bilion setahun;
- ii. menggalakkan pemahaman antara budaya dan kepeibaikan budaya dalam masyarakat selain memperkayakan pengalaman antarabangsa bagi pelajar-pelajar Malaysia;
- iii. mempromosikan Malaysia melalui kedatangan semula sebahagian besar daripada pelajar antarabangsa sama ada sebagai pelancong atau golongan professional;
- iv. pelajar antarabangsa berperanan sebagai agen “*word of mouth*” mempromosikan Malaysia di luar negara;
- v. kemasukan pelajar antarabangsa turut menarik bakat terbaik dari luar negara yang turut membantu dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia yang akan merangsang kreativiti dan inovasi di negara ini;
- vi. menjana sumber pendapatan alternatif kepada IPTA bagi menampung peningkatan kos operasi;

- vii. menjana sumber pendapatan kepada IPTS melalui pembayaran yuran pengajian;
  - viii. meningkatkan keupayaan IPTA dan IPTS melalui peningkatan kualiti dan kuantiti ahli akademik, R&D, tadbir urus, kepimpinan, pengajaran dan pembelajaran; dan
  - ix. meningkatkan kualiti dan standard akademik di samping meningkatkan penjenamaan IPT Malaysia di peringkat dunia.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam era globalisasi, kecemerlangan sesebuah universiti di peringkat antarabangsa, secara prinsipnya akan dinilai menggunakan sistem *ranking* dunia. Sistem *ranking* dunia yang diguna pakai pada masa kini, antaranya ialah *QS World University Rankings* yang mempunyai pengaruh dalam penilaian daya saing sesebuah IPT di samping menjadi kayu pengukur (*benchmarking*) kepada kejayaan sistem pendidikan sesebuah negara. Kedudukan beberapa IPTA dalam *QS World University Rankings* tahun 2012 bagi katogeri *top 100 Asian University* ialah UM berada ditangga ke-35, UKM ke-58, UTM ke-74, dan UPM ke-76.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan IPT tempatan bergerak selari dengan universiti terkemuka dunia ke arah kecemerlangan tanpa berlandaskan kepada *ranking* semata-mata, Teras Ke-4 PSPTN iaitu Memperkasa Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) menjelaskan bahawa sebagai gedung ilmu, IPT perlu memberikan

sumbangan yang signifikan kepada kemajuan sosioekonomi negara dan pembangunan modal insan. Justeru, KPT telah memperkenalkan pelbagai inisiatif antaranya ialah:

- i. Projek Agenda Kritikal (CAP) *Knowledge Transfer Programme* (KTP) yang bertujuan untuk memastikan IPT sentiasa menyumbang kepada pembangunan sosio budaya, kapasiti dan pembangunan modal insan;
- ii. PSPTN Fasa 2 di bawah strategi meningkatkan kehadiran Malaysia di dunia melalui sumbangan dan reputasi (memperkasa komuniti) yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai penyumbang utama kepada komuniti menerusi pendidikan, penyelidikan dan seranta;
- iii. Memperkenalkan *MyCommunity* merupakan satu inisiatif bagi menyalurkan sumber dalam mempromosikan dan meletakkan Malaysia sebagai negara yang mengamalkan prinsip mengongsi itu prihatin (*sharing is caring*);
- iv. memastikan IPT memainkan peranannya sebagai ‘sumber gedung ilmu terunggul’ melalui mekanisme ‘*check and balance*’, yang mana prestasi dan perkembangan IPT akan sentiasa dipantau oleh Pejabat Pengurusan Program (PMO) yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi;
- v. menggalakkan IPT meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang akhirnya boleh menyumbang kepada kelahiran manusia sejagat yang boleh memahami isu kemasyarakatan dan pembangunan berteraskan intelektualisme;
- vi. melaksanakan Program Pemacuan Ke Arah Kecemerlangan (APEX) sebagai salah satu Projek Agenda Kritikal (CAP) di bawah PSPTN

bertujuan untuk mencetus dan melaksanakan transformasi dalam sistem pengajian tinggi negara supaya IPT boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Pada tahun 2008, KPT telah memilih Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai universiti pertama untuk menerajui Program ini;

KPT sentiasa menggalakkan IPT untuk menambahbaikkan prestasi dan kedudukan masing-masing di persada dunia tanpa meminggirkan elemen sumbangan kepada pembangunan negara agar hasrat Malaysia untuk menjadi hab kecemerlangan pengajian tinggi menjelang tahun 2020 akan terlaksana.

NO. SOALAN: 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]

TARIKH : 25Jun2012

SOALAN

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan hala tuju dan strategi pembangunan industri berteknologi tinggi (Hi-Tech Industry). Apakah kemajuan dan kejayaan yang telah tercapai. Apakah cabaran dan usaha Kerajaan.

JAWAPAN

Dasar perindustrian Negara yang merangkumi pembangunan industri teknologi tinggi

Negara sejak tahun 1980an telah memberi impak yang signifikan kepada pembangunan dan ekonomi Negara. Usaha membangunkan industri teknologi tinggi adalah sejajar dengan wawasan Negara untuk menjadi Negara maju menjelang 2020. Dalam mendukung usaha ini, MIGHT dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan telah menyumbang dalam memangkin pembangunan industri teknologi tinggi Negara. Perlu ditekankan bahawa bagi mencapai hasrat negara untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi sebagaimana yang termaktub di dalam Model Ekonomi Baru, pembangunan teknologi tinggi mempunyai peranan yang amat besar dan kritikal bagi memacu serta menjana pertumbuhan ekonomi yang berganda (*multiplier effect*) dan mampan bagi jangka masa panjang. Hasil daripada dasar dan inisiatif yang telah dilaksanakan, Malaysia telah berkembang menjadi antara pengeksport produk teknologi tinggi yang signifikan. Ditambah dengan usaha terbaru kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), banyak projek-projek EPP yang diperkenalkan adalah berteraskan kepada industri teknologi tinggi. Pada tahun 2010, 45% daripada jumlah eksport sektor pembuatan negara adalah merupakan eksport teknologi tinggi yang bernilai USD59.3 bilion.

Kerajaan telah memantapkan lagi strategi pembangunan industri dan keupayaan teknologi Negara dengan memastikan ekosistem yang kondusif dan menyeluruh merangkumi pembangunan modal insan, R&D, pengukuhan proses pembangunan teknologi dan kolaborasi strategik di peringkat antarabangsa, dengan usahasama serta jalinan rapat antara pihak Kerajaan dengan agensi yang berkepentingan dan juga pemain-pemain Industri.

- Dalam aspek pengukuhan proses pembangunan teknologi, Program *Foresight, Offset Management* melalui program perolehan strategik dan penilaian R&D telah dilaksanakan.
  - *Foresight* merupakan inisiatif terpenting bagi memastikan halatuju serta senario jangka panjang dalam industri dan teknologi akan dapat dimanfaatkan dengan sistematik dan bersepada dalam proses pembangunan negara khususnya dalam membantu usaha penggubalan polisi dan sokongan kepada keputusan jangka masa pendek. Laporan *National Technology Foresight* pertama yang telah dilaksanakan di bawah anjuran MOSTI pada tahun 2010 amat penting bagi memastikan

pengfokusan dan kesinambungan aktiviti R&D bagi tujuan penguasaan teknologi dan kompetensi Negara untuk jangka masa panjang. Rentetan dari laporan tersebut, beberapa kajian strategik industri teknologi tinggi dilaksanakan merangkumi industri seperti Maritim (*Shipbuilding & Ship Repair*) dan Rel. o Bagi Program *Pengurusan Offset* yang diterajui oleh MIGHT selaku *Technology Depository Agency* (TDA) yang menguruskan Program *Offset* Negara bagi perolehan Kerajaan, usaha-usaha berterusan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan industri tempatan melalui perolehan teknologi, pembangunan kapasiti & kapabiliti, pembangunan kandungan tempatan dan peluasan pasaran di peringkat domestik dan global. Program-program perolehan Kerajaan terkini dimanfaatkan sebaiknya untuk memajukan industri teknologi tinggi Negara terutamanya bagi industri Aeroangkasa, Pertahanan, Maritim dan Rel.

- o Peningkatan aktiviti R&D oleh pihak swasta adalah amat penting bagi memacu industri meningkatkan nilai tambah tinggi yang bakal memberi impak terus kepada KDNK negara. Dalam konteks ini, penyertaan dan pelaburan sektor swasta (pihak industri) dalam R&D perlu dipertingkatkan melalui program kolaborasi R&D berimpak tinggi yang melibatkan industri, universiti dan institusi penyelidikan tempatan. Dalam industri aeroangkasa, MIGHT telah menujuhkan *Aerospace Malaysia Innovation Centre* (AMIC) melalui kerjasama penyelidikan yang berorientasikan pasaran (*market-oriented R&D*). AMIC diterajui oleh 3 syarikat aeroangkasa global iaitu EADS dan Rolls-Royce serta CTRM selaku peneraju industri tempatan. Inisiatif ini turut melibatkan Universiti Putra Malaysia sebagai universiti peneraju. Bagi mengukuhkan pengurusan teknologi dan R&D negara, MIGHT dengan kerjasama MOSTI telah pun menjalankan Projek Perintis Program Penilaian R&D Negara (MyNES) bagi meningkatkan keberkesanan dan relevansi aktiviti R&D negara bagi memangkin pertumbuhan industri atau aplikasi baru melalui aktiviti pengkomersilan, seterusnya menjana pulangan pelaburan yang lebih tinggi kepada Negara.

- Dalam aspek pembangunan industri berteknologi tinggi, pelan pembangunan industri *Shipbuilding & Ship Repair 2020* dan *Future Rail 2030* telah dibangunkan oleh MIGHT dengan kerjasama pemain-pemain industri dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Menerusi kedua-dua pelan pembangunan industri ini, kedua-dua sektor Pembinaan & Pembaikan Kapal dan Rel akan menjalani transformasi pembangunan yang sistematik dan terancang. Selain menekankan pembangunan teknologi, peningkatan kompetensi dan kapasiti; aspek pembangunan sumber manusia turut diberi perhatian khusus sejajar dengan aspirasi untuk menjadi Negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Bagi industri Aeroangkasa, pembangunan industri telah dilaksanakan berpandukan kepada *National Aerospace Blueprint* dan halatuju yang digariskan oleh Majlis Aeroangkasa Malaysia (MAM). Sehingga kini lebih daripada 75% cadangan-cadangan strategik di dalam *National Aerospace Blueprint* telah dilaksanakan. Pada tahun 2011, pendapatan industri ini telah mencecah RM26 billion dengan jumlah pekerja seramai 54,000 orang. Bagi meneruskan kesinambungan *National Aerospace Blueprint* selepas 2015, MIGHT bakal menjalankan kajian *Foresight* khusus bagi industri Aeroangkasa.
- Dalam pembangunan modal insan, beberapa program pembangunan modal insan (*bridging program*) bagi memenuhi keperluan industri teknologi tinggi tempatan dilaksanakan oleh *Advanced Manufacturing Institute* (AMI) di bawah MIGHT. Antara program-program yang sedang dijalankan termasuklah:
  - Program TESSDE (*Technology Specialist in Domain Expertise*) yang dijalankan di bawah TalentCorp oleh MIGHT meliputi program latihan bagi 8 bidang industri teknologi tinggi.
  - Program LEADER Aerospace yang dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan syarikat-syarikat utama aeroangkasa iaitu Spirit AeroSystem Malaysia, CTRM dan Strand Aerospace. Program ini menumpukan kepada meningkatkan kepakaran merekabentuk dan analisis struktur aeroangkasa.
  - Program AGC (*Advanced Green Composite*) dijalankan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi dan TalentCorp bersama MIGHT yang bertujuan menyediakan tenaga kerja yang kompeten di dalam Komposit Hijau Termaju untuk keperluan masa hadapan industri komposit.

- Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) telah ditubuhkan sebagai platform penasihat antarabangsa bagi Sains, Teknologi dan Inovasi bagi tujuan memantapkan lagi kolaborasi strategik dengan pemain sains and teknologi luar negara, menambah nilai kepada inisiatif-inisiatif transformasi ekonomi dan pembangunan modal insan sediada di Malaysia dan seterusnya, menjana dan meningkatkan hubungan perdagangan dua hala serta nilai pelaburan. Usaha awal daripada inisiatif ini dalam bidang tenaga diperbaharui ini ialah penubuhan MyBiomass Sdn Bhd di bawah inisiatif GSIAC sebagai pusat pengumpulan bekalan biomass atau sisa sawit dan pusat demonstrasi/industri bersepadu bagi penghasilan produk kimia bernilai tinggi (*high value chemical*) bagi pertumbuhan industri-industri hiliran baru (*downstream activities*).

Tahap keberkesanan perancangan pembangunan industri berteknologi tinggi yang diterajui oleh MIGHT sebagai sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, yang turut bertindak sebagai unit sokongan kepada Penasihat Sains Kepada Perdana Menteri, dapat dilihat melalui pencapaiannya sejak beberapa dekad. Industri aeroangkasa Negara yang bermula dengan *Foresight National Aerospace Blueprint* yang dihasilkan oleh MIGHT pada tahun 1997, telah memberi sumbangan signifikan kepada pertumbuhan KDNK Negara. Kontrak berjumlah RM2.7 bilion telah dijana kepada industri tempatan, CTRM, oleh syarikat aeroangkasa global. Kerjasama MIGHT dengan MIDA telah berhasil membawa masuk FDI berkualiti seperti berikut:

- *Spirit AeroSystems* dari Amerika Syarikat
- *Honeywell Aerospace Avionics* dari Amerika Syarikat
- *Singapore Aerospace Manufacturing* dari Singapura

Kehadiran pelaburan-pelaburan asing berkualiti seperti di atas memberikan peluang yang luas kepada Malaysia untuk membangunkan rantaian bekalan tempatan di samping menempatkan syarikat-syarikat tempatan ke tahap yang lebih tinggi di peringkat global. Menurut MIDA, jumlah FDI aeroangkasa yang direkodkan sehingga 31 Disember 2011 telah melebihi RM1.3 billion. Kesan positif ini dijangka bakal berterusan dengan lebih banyak lagi pelabur-pelabur asing yang berpotensi sedang sektor ini sedang mempertimbangkan projek-projek pelaburan baru di Malaysia atau kerjasama strategik bersama syarikat-syarikat tempatan. Usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat pelaburan dan penyumberluaran aeroangkasa serantau giat dijalankan diperingkat global oleh MIDA dan MIGHT. Antara pameran aeroangkasa yang menjadi tumpuan adalah *Paris Airshow*, *Farnborough Airshow* dan *Singapore Airshow*.

Bagi sektor automotif pula, MIGHT dengan kerjasama MITI dan penggembelingan kesatuan industri automotif, telah mengambil inisiatif untuk menujuhkan *Malaysia Automotive Institute* (MAI), yang berfungsi sebagai pusat tumpuan dan penyelarasannya bagi pembangunan industri automotif Negara, di bawah MITI.

Dalam bidang teknologi baru, MIGHT dengan kerjasama KETTHA, MOSTI, MITI dan pemain industri, melaksanakan projek pemangkin bagi membangunkan industri baru dan masa hadapan khususnya dalam bidang *renewable energy*, *advanced material* dan *advanced electronics*. Dengan kerjasama UNIDO, MIGHT bersama-sama KETTHA, MOSTI, MOHE, Technology Park Malaysia dan Proton sedang melaksanakan Projek Demonstrasi Tenaga Hidrogen bagi menyediakan keupayaan Malaysia dalam bidang ini pada masa hadapan.

Secara kesimpulannya, usaha membangunkan industri teknologi tinggi negara memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan tidak boleh dilaksanakan secara *fragmented* atau *silo*, lanya hanya dapat dijayakan melalui kerjasama rapat yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta. MIGHT yang mendokong prinsip perkongsian bestari sentiasa bekerjasama rapat dengan lain-lain agensi yang turut memikul tanggungjawab membangunkan industri teknologi tinggi seperti MI DA, *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC), SIRIM, Agensi Inovasi Malaysia (AIM), *Technology Park Malaysia* dan MIMOS, dalam usaha besar membangunkan teknologi tinggi Negara yang berimpak tinggi.



DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN ~~MESYUARAT~~<sup>:^</sup>  
KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

TARIKH 25 JUN 2012 [ISNIN]

SOALAN :

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah JAKIM memantau kewujudan program-program motivasi berbentuk keagamaan yang semakin meningkat jumlahnya terutamanya dari segi kandungan dan caj bagi setiap pakej yang ditawarkan.

JAWAPAN: (Y.B.SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di peringkat pusat sebagai badan penyelaras berkerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi memantau aktiviti-aktiviti dan program-program motivasi berbentuk keagamaan ini. Langkah-langkah yang diambil adalah:

- (i) melakukan pemantauan ke atas isi kandungan program motivasi tersebut sama ada mengikuti program ataupun melalui aduan awam;
- (ii) JAKIM bekerjasama yang dengan agensi lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi mengawal program-program motivasi ini yang mana penganjurannya diiklankan di internet;
- (iii) JAKIM juga memanggil pihak yang terlibat dengan program motivasi ini untuk diberi penjelasan dan keraguan yang timbul di dalam program mereka. Pendekatan secara memberi nasihat dan teguran dilakukan bagi memastikan maklumat yang salah berkenaan agama dapat diperbetulkan;
- (iv) amaran tegas juga diberikan dan tindakan undang-undang akan diambil;
- (v) JAKIM juga bertindak sebagai badan penyelaras dan membuat penyelarasan fatwa di seluruh negeri di Malaysia terhadap kumpulan-kumpulan motivasi yang menyeleweng daripada Islam .

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 103**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L**

**PANCHANATHAN**

**TARIKH: 25JUN2012**

**SOALAN:**

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membentangkan satu rang undang-undang khusus untuk melindungi hak dan kewajipan pekerja-pekerja asing dan juga majikan mereka.

PR-1252-L50843

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pada masa sekarang terdapat Tiga (3) Akta utama yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi mengawal sistem perburuhan dan perhubungan perusahaan di negara ini. Akta-akta itu ialah Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan

Sekerja 1959. Selain daripada itu terdapat akta-akta sampingan yang hanya terpakai bagi satu-satu kawasan atau tempat, contohnya, Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990 yang hanya terpakai di Semenanjung Malaysia. Selain itu, terdapat juga akta yang memberi fokus kepada pekerja asing iaitu Akta Pampasan Pekerja 1952. Akta-akta ini dikuatkuasakan bersama peraturan-peraturan berkaitan bagi memastikan suasana pekerjaan dan perhubungan perusahaan yang harmoni dapat dikekalkan. Penguatkuasaan terhadap Akta-Akta ini juga bertujuan memastikan keadilan di tempat kerja terjaga dan seterusnya akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi Negara.

2. Undang-Undang Perburuhan ini memberikan hak yang sama rata kepada semua pekerja tanpa membezakan latar belakang mereka sama ada pekerja tempatan atau pekerja asing. Sehubungan dengan itu, tidak wujud diskriminasi dalam Undang-Undang Perburuhan sedia ada dan cadangan untuk mengadakan Undang-Undang khusus untuk pekerja asing adalah tidak perlu. Kementerian Sumber Manusia berpandangan bahawa cadangan ini akan hanya menimbulkan suatu bentuk diskriminasi yang jelas di antara pekerja asing dengan pekerja tempatan di mana peruntukan yang berbeza mungkin wujud bagi sesuatu isu perburuhan yang sama di antara pekerja asing dan tempatan. Ini akan menimbulkan rasa tidak senang di kalangan rakyat tempatan memandangkan populasi pekerja asing yang semakin meningkat pada masa kini.

3. Turut menjadi kebimbangan Kementerian Sumber Manusia adalah kemungkinan wujudnya pertindihan kuasa di antara peruntukan sedia ada dalam Undang-Undang Perburuhan dengan Akta Pekerja Asing yang

dicadangkan iaitu dari segi penetapan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan. Ini secara langsung akan mewujudkan kekeliruan di kalangan majikan dalam pelaksanaannya.

4. Selain daripada itu, pewujudan suatu akta yang khusus kepada pekerja asing hanya akan meningkatkan kemasukan pekerja asing ke negara ini kerana tertarik dengan faedah-faedah dan perlindungan yang akan diterima. Tambahan pula, ini akan menggalakkan majikan untuk terus menggajikan pekerja asing dan menyebabkan pekerja tempatan tersisih daripada pasaran pekerjaan negara.

